

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH:

- Yang Berhormat Dato' Othman bin Abdul (Halaman 1)

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA:

- Mengalu-alukan Ahli Baru (Halaman 1)
- Pengiktirafan Ketua Pembangkang (Halaman 1)
- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 2)
- Kebenaran Bercuti (Halaman 3)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 3)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Tanah (Kawasan
Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 2002 (Halaman 13)

- Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2002 (Halaman 67)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
“	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
“	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, SIMP., PGBK., DPMS., JSM., JBS., KMN., PPB. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, DGPN., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N.(Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
“	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasar Salak)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
“	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
“	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
“	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, DSPN., P.I.S. (Johor Bahru)
“	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
“	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tajah)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
”	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
”	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N.(Sungai Benut)
“	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
“	Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
“	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)

Yang Berhormat	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)

Yang Berhormat	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
“	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
“	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
“	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
“	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
“	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
“	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
“	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
“	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shanon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)

Yang Berhormat	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail, S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd.
Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Alias bin Mohd. Nor

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Isnin, 9 September 2002

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

– Yang Berhormat Dato' Othman bin Abdul.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. [*Tepuk*] Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

PENGIKTIRAFAN KETUA PEMBANGKANG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 4A(3) saya suka hendak memaklumkan iaitu mengikut maklum balas yang saya terima, saya berpuas hati bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, Ahli Parlimen kawasan Marang telah mendapat sokongan majoriti dari kalangan ahli-ahli pembangkang di Parlimen untuk dilantik sebagai Ketua Pembangkang. [*Tepuk*] Oleh itu, saya dengan ini mengisytiharkan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, Ahli Parlimen kawasan Marang sebagai Ketua Pembangkang dan diberi kemudahan-kemudahan di bawah Peraturan-peraturan Seksyen Kecil (2), Seksyen 3, Akta Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980 mulai pada hari juga. [*Tepuk*]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Juruukur Bahan (Pindaan) 2002;
2. Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2002;
3. Akta Arkitek (Pindaan) 2002;
4. Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 2002;
5. Akta Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2002;
6. Akta Kastam (Pindaan) 2002;
7. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2002;
8. Akta Eksais (Pindaan) 2002;
9. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2002;
10. Akta Zon Bebas (Pindaan) 2002;
11. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2002;

12. Akta Perbadanan Putrajaya (Pindaan) 2002;
13. Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2002;
14. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2002;
15. Akta Pencen (Pindaan) 2002;
16. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2002;
17. Akta Ahli Parlimen (Saraan) 2002;
18. Akta Perbekalan Tambahan (2002) 2002;
19. Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam 2002; dan
20. Akta Pembelian Mengikut Bilangan Orang 2002.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Negara dalam sidang Parlimen penggal yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. DR.2/2002 - Rang Undang-undang Juruukur Bahan (Pindaan) 2002;
2. DR.3/2002 - Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2002;
3. DR.17/2002 - Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2002;
4. DR.8/2002 - Rang Undang-undang Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 2002;
5. DR.10/2002 - Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2002;
6. DR.15/2202 - Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2002;
7. DR.12/2002 - Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2002;
8. DR.11/2002 - Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2002;
9. DR.13/2002 - Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2002;
10. DR.14/2002 - Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2002;
11. DR.16/2002 - Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2002;
12. DR.18/2002 - Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya (Pindaan) 2002;
13. DR.20/2002 - Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2002;
14. DR.21/2002 - Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2002;

15. DR.22/2002 - Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2002;
16. DR.23/2002 - Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2002;
17. DR.26/2002 - Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2002;
18. DR.25/2002 - Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) 2002;
19. DR.28/2002 - Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam 2002; dan
20. DR.24/2002 - Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2002.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

KEBENARAN BERCUTI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Shahnnon bin Ahmad, Ahli Parlimen bagi kawasan Sik dari 9 September 2002 hingga tamat sidang Dewan Rakyat yang sedang berjalan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2002) (No.2) 2002

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 2002 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bagaimanakah kedudukan aliran masuk Foreign Direct Investment (FDI) ke negara ini dan sejauh manakah ianya membantu pemulihan ekonomi negara kita sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2001 Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang diluluskan dalam sektor perkilangan berjumlah RM18.8 bilion. Bagi tempoh Januari hingga Julai 2002, FDI yang diluluskan adalah sebanyak RM4.6 bilion dan melibatkan 280 projek perkilangan. Daripada jumlah tersebut RM1.4 bilion merupakan pelaburan baru dan RM3.2 bilion adalah pelaburan semula. FDI yang diluluskan tertumpu dalam sektor barangan elektrik, elektronik sebanyak RM28 bilion; industri barangan kimia - RM448.4 juta; industri perkilangan makanan - RM280.6 juta; industri barangan logam asas - RM211.7 juta; industri perkilangan jentera - RM197.7 juta; industri kayu dan barangan kayu - RM157 juta; dan industri barangan getah -

RM116.8 juta. Industri-industri ini telah menyumbang 91.9% daripada jumlah FDI dalam sektor perkilangan.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara dijangka berkembang 3.5% pada tahun 2002. Pada suku pertama tahun ini Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah berkembang sebanyak 1.1% dan 3.8% pada suku kedua. Sumbangan sektor perkilangan adalah sebanyak 30.2% dalam suku pertama dan 30.8% dalam suku kedua. Secara purata FDI menyumbang kira-kira 60% daripada nilai pelaburan dalam sektor perkilangan.

Dalam tempoh suku kedua, industri berorientasikan eksport yang kebanyakan terdiri daripada industri elektronik telah berkembang 5.7% berbanding dengan kemerosotan 5.5% dalam suku pertama. Mengikut indeks pengeluaran perindustrian, sektor perkilangan telah berkembang sebanyak 6.4% dalam tempoh suku kedua. Pertumbuhan ini antaranya disumbang oleh industri semi-conductor dan komponen elektronik yang kebanyakan disertai oleh pelabur-pelabur asing.

Di samping memberi sumbangan kepada pertumbuhan dalam KDNK, FDI juga telah menyumbang kepada pertambahan kepada peluang-peluang pekerjaan, pendapatan eksport, perkembangan industri sokongan tempatan yang terdiri daripada industri kecil dan sederhana serta pemindahan teknologi dan rangkaian pemasaran di negara kita. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh menghargai usaha yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menarik pelaburan asing negara ini. Tetapi hakikat sebenar yang kita hadapi sekarang ialah struktur ekonomi dunia yang sudah berubah. Dengan kemasukan China dalam WTO misalannya banyak pelabur asing yang seharusnya datang ke negara kita terpaksa pergi ke negara China kerana pasaran yang begitu besar - dua bilion penduduk dan kos buruh yang hanya lebih kurang US\$40 sebulan, dan ini menyebabkan kita hilang daripada segi *competitiveness* untuk menarik pelabur asing, sedangkan FDI ini penting untuk kita menjana pertumbuhan ekonomi negara. Kita hanya boleh menjana pertumbuhan ekonomi negara sama ada melalui kemasukan pelabur asing ataupun kita menjana melalui sumber dalaman negara.

Apa yang saya hendak tahu daripada kementerian, Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah kerajaan memikirkan perlu kita membentuk ataupun mengadakan satu pelan induk ataupun *strategic planning*, bagaimana kita boleh menentukan kedudukan kita untuk jangka masa yang akan datang sama ada dalam beberapa sektor misalnya perlu kita tarik pelabur asing atau kalau pelabur asing langsung tidak boleh kita dapati, kita mungkin mahu menjana pertumbuhan ekonomi kita melalui sumber dalaman. Saya difahamkan di negara China....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah soalan itu.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa saingan untuk menarik pelaburan langsung asing pada masa ini sangat sengit, sama ada di kalangan negara-negara yang membangun atau di kalangan negara-negara maju. Negara kita sebenarnya telah pun menjangka bahawa pada masa akan datang, persaingan untuk menarik FDI mungkin kian sukar. Oleh sebab itu, dalam OPP ketiga dan juga Rancangan Malaysia Kelapan kita telah pun merancang supaya peratusan sumbangan input kapital kepada pertumbuhan KDNK akan berkurangan antara ketiga-tiga faktor yang akan menyumbang kepada pertumbuhan KDNK.

Pada Rancangan Malaysia Keenam input kapital ialah 50.2%, untuk *total factor productivity* ialah 25.9% dan untuk tenaga manusia ialah 23.9%. Tetapi kita sudah merancang supaya dalam Rancangan Malaysia Kelapan bahawa input kapital, atau peratusannya sumbangan akan berkurangan ke tahap 41.3% dan tenaga manusia (*labour*) pada 21.5%. Apa yang kita menekankan ialah *productivity-driven* pertumbuhan iaitu kita berharap dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan bahawa sumbangan of TFP sebagai satu faktor yang paling penting dalam menjana pertumbuhan akan meningkat daripada 25.9% dalam Rancangan Malaysia Keenam kepada 37.2% dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Selain daripada itu juga kita akan terus mengambil tindakan menghalusi semua insentif dan tindakan galakan untuk menarik pelaburan khususnya untuk meningkatkan pelaburan domestik. Juga kita akan mengambil tindakan meningkatkan

lagi permintaan domestik sebagai faktor-faktor yang akan menyumbangkan kepada pertumbuhan KDNK dalam masa-masa tahun-tahun akan datang. Sekian, terima kasih.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada statistik yang dikemukakan oleh Setiausaha Parlimen, bahawa berbanding antara FDI 2001 dengan 2002 merupakan suatu penguncupan yang terlalu besar.

2001 ialah RM18 bilion dan 2002 – separuh pertama tahun 2002 hanya RM4.6 bilion sahaja, satu penguncupan yang terlalu besar. Saya tidak nampak bahawa kita akan kembali semula keadaan tahun 2001 sama ada tahun ini ataupun tahun 2003. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, di samping apa yang telah disebutkan bahawa persaingan di antara negara Cina dan negara-negara lain adakah salah satu daripada sebab penguncupan oleh kerana pelabur-pelabur tidak mahu datang kerana Perdana Menteri mengisytiharkan bahawa Malaysia adalah negara Islam. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah soalan yang bersangkaan jahat. [*Dewan riuh sebentar*]. [*Tepuk*] Kalau kita lihat walaupun FDI yang diluluskan di Malaysia baru-baru ini telah berkurangan tetapi kalau kita kaji dengan lebih teliti lagi bahawa kebanyakan yang dilulus memilih melabur dalam semua negeri selain daripada negeri Terengganu dan Kelantan sebab kedua-dua negeri di bawah pentadbiran PAS mengadakan amalan-amalan yang menakutkan pelabur-pelabur. [*Tepuk*]

Termasuk baru-baru ini, seperti di Terengganu, Kerajaan Negeri Terengganu telah mengumumkan supaya semua hotel perlu mengadakan *swimming pool* yang berasingan. Ini sebagai satu langkah yang amat menakutkan semua pelabur-pelabur. Jadi saya berharap pihak pembangkang di situ lebih baik mengkaji sendiri untuk menolong negara untuk menaikkan pelaburan asing. Terima kasih.

2. **Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada:-

- (a) kerajaan akan membenarkan Syarikat Air Asia yang menyediakan perkhidmatan yang murah memberikan khidmat penerbangan domestik ke destinasi selain yang dibenarkan sekarang jika ia memohon kepada Kerajaan; dan
- (b) Kerajaan menggalakkan persaingan sihat antara MAS dan syarikat ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sehingga sekarang telah memberi kebenaran kepada syarikat penerbangan Air Asia untuk mengadakan penerbangan ke destinasi-destinasi seperti Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Kuching, Langkawi, Kota Bharu, Labuan, Miri dan Tawau.

Dalam hal ini, sekiranya Air Asia ada cadangan untuk mengadakan penerbangan ke destinasi-destinasi lain. Kerajaan sememangnya sedia menimbangkan permohonan syarikat tersebut.

Kedua, adalah menjadi matlamat kerajaan menentukan bahawa perkhidmatan penerbangan domestik dikendalikan dalam konteks persaingan yang sihat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan akan mencadangkan penurunan tambang semua penerbangan domestik berikutan sambutan yang baik ekoran langkah yang diambil oleh Air Asia. Adakah kerajaan akan mencadangkan penambahan penerbangan ke Pantai Timur, Terengganu dan Kelantan oleh kerana kebanjiran pelancong yang begitu pesat terutamanya tertarik dengan promosi yang diberi oleh RTM adanya 'Gerhana' di Kelantan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Air Asia yang telah dapat membuat suatu struktur baru dalam penerbangan iaitu mengenakan tambang yang agak murah yang dikenakan oleh pihak MAS sebelum ini.

Setelah tambang in dikurangkan oleh pihak Air Asia berbanding dengan tambang yang dikenakan oleh pihak MAS, MAS pun telah menurunkan tambangnya purata agak dalam di antara 45% hingga 50% kurang daripada dahulu. Ini adalah tidak dapat tidak kerana saingan yang dibuat oleh Air Asia tetapi saingan ini masih sihat lagi.

Oleh kerana tambang yang diturunkan oleh pihak MAS itu adalah berkenaan kepada hanya 10 kerusi sahaja bagi tiap-tiap penerbangan MAS dari satu destinasi ke satu destinasi domestik. Oleh itu hanya 10 peratus sahaja daripada tempat duduk yang ada dalam tiap-tiap satu penerbangan.

Oleh itu, ini bukanlah satu cabaran yang besar kepada pihak Air Asia, umpamanya jika penerbangan ke Kota Kinabalu, harga yang ditawarkan oleh Air Asia ialah RM230 tetapi yang terkurang sekali ialah RM144. Ini dikurangkan harganya dapat berkurangan sedemikian atas syarat-syarat yang tertentu. Umpamanya jikalau tempahan dibuat, dua minggu, sebulan ataupun dua bulan sebelum itu. Pihak MAS pula telah menyahut dengan mengurangkan tambang ke Kota Kinabalu daripada RM437 kepada lebih kurang RM218 iaitu 47 peratus. Jadi masih tinggi daripada yang ditawarkan oleh pihak Air Asia. Oleh itu, tidak begitu merupakan cabaran kepada Air Asia. Jadi pertandingan ini masih lagi sihat.

Yang keduanya mengenai kekerapan penerbangan ke Pantai Timur, oleh kerana apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi kerana banyaknya pelancong membanjiri, sememangnya perkara in diambil tindakan ataupun penyelidikan rapi dibuat dari semasa ke semasa, di mana adanya banyak pelancong yang pergi ke sesuatu tempat itu maka kita akan memberi perkhidmatan yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, hem, ya, ya! Parit Buntar, ya!

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh sedikit soal komponen pendidikan dalam industri penerbangan ini. Oleh kerana rata-ratanya bayaran tambang tinggi di Malaysia terutama yang dikenakan oleh MAS maka kita dapati anak-anak kita terutamanya tidak berpeluang untuk menaiki kapal terbang. Hanya berpeluang untuk datang ke lapangan terbang hantar saudara, balik dan hantar saudara, balik.

Sebab kalau tengok dalam peringkat antarabangsa Tuan Yang di-Pertua, dia ada komponen pendidikannya dalam mana rakyat diberikan kemudahan dan juga peluang untuk naik kapal terbang bukan sahaja menikmati cantiknya lapangan terbang yang RM10 bilion itu tetapi naik kapal terbang itu sendiri ada komponen pendidikannya yang akan mengesahkan beberapa perkara yang mereka belajar di sekolah dengan menaiki kapal terbang itu. Jadi saya hendak menyebutkan, adakah dipertimbangkan soal komponen pendidikan dalam penerbangan industri penerbangan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua saya hendak tambah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya hendak tambah, sedikit sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat, cukup, cukup.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Perkiraan, saya hendakkan contoh perkiraan tambang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Contoh perkiraan.....contoh perkiraan. [*Dewan riu*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah. Cukuplah, cukuplah. Cukuplah, cukuplah, cukuplah. Soalan yang pertama dah cukup dah. Hanya satu soalan sahaja. Dan lagi hanya soalan[*Dewan riu*]

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan menimbangkan melalui pihak MAS dengan penerbangan yang

lain menimbang tentang kemudahan-kemudahan yang tertentu kepada rakyat dan orang ramai yang menggunakan pesawat-pesawat penerbangan.

Ini adalah satu perkara yang selalu rapat kepada Kerajaan Barisan Nasional iaitu tentang kepentingan orang ramai. Umpamanya pihak *pensioner* ataupun orang yang sudah pencen diberikan kekurangan sebanyak 50 peratus tambang. Perkara-perkara yang lain seperti pendidikan tadi yang dikatakan oleh Yang Berhormat ada juga kita laksanakan dari aspek-aspek yang tertentu. Umpamanya *exchange programme* iaitu pertukaran penuntut-penuntut umpamanya daripada Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Mengenai perkara-perkara yang lain dan mengenai aspek-aspek yang lain dalam pendidikan, ini salah satu perkara yang sentiasa dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

3. Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin] minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah status operasi Pesawat Eagle kegunaan Tentera Udara yang diperbuat di Malaysia dan apakah Kementerian berhasrat untuk memperkenalkan penggunaan pesawat tersebut ke luar negara.

Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan untuk mengoperasikan sistem Eagle telah dilaksanakan pada minggu pertama dan kedua bulan Ogos 2002 di mana kerja-kerja pemindahan pesawat dan sistem dari Semenanjung ke pangkalan tetap iaitu di Pangkalan Udara Labuan telah dilaksanakan.

Sistem ini telah memulakan tugas-tugas operasi dari Tawau semenjak 16 Ogos 2002 yang lalu. Composite Technology Research Malaysia Sendirian Berhad atau CTRM sememangnya berhasrat untuk memperkenalkan sistem pesawat Eagle ini keluar negara.

Kementerian dimaklumkan oleh pihak CTRM bahawa negara-negara yang telah menunjukkan minat terhadap pesawat tersebut adalah terdiri daripada Brunei, Vietnam, Taiwan, Kuwait, Jordan, Brazil dan Republik Czech.

Kementerian Pertahanan akan memberikan kerjasama dan sokongan bagi membantu CTRM dalam usaha-usahanya untuk mempromosikan pesawat Eagle keluar negara.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menerangkan kepada kita peranan kapal terbang yang dilaksanakan oleh kita sendiri. Syabas kepada kerajaan. Tetapi saya hendak bertanya sedikit tentang peranan atau *specific role* kapal terbang ini dalam sistem pertahanan negara kita dan apakah unsur untuk menggalakkan eksport ini untuk keluar negara untuk mendapatkan pendapatan untuk negara kita?

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pesawat Eagle ini didapati amat sesuai untuk digunakan sebagai pesawat untuk membuat kawalan dari udara ataupun - dengan izin - *air surveillance* kerana dia mempunyai kemampuan yang lebih tinggi berbanding dengan pesawat-pesawat UAD yang lain. Umpamanya bagi pesawat Eagle ini jarak jauh maksimumnya ialah 220 kilometer dan dia boleh terbang selama 10 jam. Dengan ini maka potensi untuk menggunakan Eagle ini sebagai sebuah pesawat untuk melakukan kawalan amat besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin. *Sorry*, Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan kerana mengambil pesawat baru untuk dimasukkan ke dalam perkhidmatan Tentera Udara Diraja Malaysia. Tetapi sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, rekod Tentera Udara dari segi kapal terbang terhempasnya amatlah hebat.

Minggu lalu satu lagi pesawat pejuang kita telah terhempas di Laut Cina Selatan dan ini saya fikir menandakan satu lagi rekod yang buruk kepada Tentera Udara Diraja Malaysia. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memberi tahu Parlimen ini tentang peratusan kapal terbang kita yang terhempas berbanding

dengan jumlah kapal terbang yang TUDM ada berbanding dengan tentera-tentera udara negara-negara lain.

Yang Berhormat Menteri amat rapat dengan Amerika Syarikat, kapal-kapal Amerika Syarikat banyak hendak melawat Malaysia, boleh tidak kita mengambil pengalaman dan pengajaran daripada Amerika Syarikat, sahabat baik negara kita ini dan dari segi menjaga keselamatan kapal terbang dan kapal-kapal kita daripada terhempas selepas daripada ini. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ada unsur sangkaan tidak baik sedikit [*Ketawa*] dalam soalan tambahan Yang Berhormat bagi Tumpat. Kita memang baik dengan negara Amerika Syarikat tetapi kita ada pendirian kita yang tegas dalam banyak hal. [*Tepuk*]

Saya suka mengingatkan bahawa sahabat baik Yang Berhormat bagi Tumpat itu merupakan kawan baik kepada negara Amerika Syarikat. [*Tepuk*]

Dari segi rekod TUDM, saya menyangkal apa yang didakwa oleh Yang Berhormat bagi Tumpat, walaupun kita ada pesawat yang terhempas dari semasa ke semasa tetapi dari segi rekod kita tidak lebih buruk daripada angkatan tentera yang lain. Yang Berhormat perlu sedar bahawa TUDM merupakan satu angkatan tentera yang terpaksa melakukan *manoeuvres* - dengan izin - yang berisiko tinggi kerana ini adalah tugas untuk menentukan kemampuan tinggi bagi juruterbang-juruterbang kita kalau sekiranya berlaku peperangan ataupun pertempuran.

[Soalan No. 4 – Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) tidak hadir]

5. Tuan Chang See Ten [Gelang Patah] minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk mewujudkan 'sufficiency economy' dalam bekalan makanan tempatan supaya dapat mengurangkan pengimportan bahan-bahan makanan.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Gelang Patah yang akan dibacakan pada hari ini dan pertanyaan Yang Berhormat bagi Padang Serai dan Yang Berhormat bagi Kuang untuk pertanyaan pada 16 September 2002 iaitu perkara-perkara berkaitan pengeluaran bahan-bahan makanan tempatan dan import bil makanan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah melaksanakan program meningkatkan pengeluaran makanan negara melalui transformasi sektor pengeluaran makanan secara besar-besaran lanjutan pelancaran Dasar Pertanian Negara Ketiga pada tahun 1999.

Berbagai program telah dirancang dan dilaksanakan serta menampakkan perkembangan yang memberangsangkan. Bagi tahun 2000, pencapaian nilai jualan keseluruhan sektor pengeluaran makanan adalah RM14.26 bilion. Bagi tahun 2001 pula nilai jualan mencecah RM15.03 bilion iaitu meningkat sebanyak RM770 juta berbanding unjuran RM12.13 bilion.

Berdasarkan trend ini, kementerian optimis bahawa sektor pengeluaran makanan boleh terus meningkat pada tahun-tahun yang akan datang. Di antara strategi dan usaha-usaha untuk meningkatkan perkembangan sektor pengeluaran makanan yang bertujuan untuk mengurangkan import seterusnya meningkat eksport barang-barang berasaskan makanan adalah seperti berikut:

- i. meningkatkan penanaman sayur-sayuran melalui teknologi pertanian yang mudah dan murah;
- ii. menggalakkan pengeluaran hasil perikanan melalui teknologi ternakan air;
- iii. mengembangkan teknologi baru pengeluaran makanan kepada usahawan komersial di dalam pengeluaran pertanian;

- iv. memberikan latihan yang berterusan kepada pengusaha-pengusaha pertanian selaras dengan usaha pemindahan teknologi;
- v. memperluaskan kawasan tanaman atau pengeluaran dan melaksanakan konsep *zoning* serta dibuat secara berskala besar;
- vi. menggalakkan industri hiliran makanan;
- vii. meningkatkan kecekapan pemindahan teknologi khususnya yang jimat buruh;
- viii. mempergiatkan pembangunan infrastruktur pertanian,
- ix. meningkatkan produktiviti sektor pertanian melalui penggunaan teknologi, mengoptimumkan penggunaan sumber terutama tanah dan buruh, mengurangkan kerugian selepas menuai;
- x. menggalakkan penglibatan pihak swasta terutama syarikat-syarikat besar menceburi di dalam kegiatan pengeluaran bahan makanan secara komersial;
- xi. memperluaskan skop dan memperkemaskan syarat-syarat kelayakan untuk mendapatkan kelayakan pinjaman dan tabung makanan bagi pembiayaan aktiviti pengeluaran makanan;
- xii. menggalakkan penternakan secara integrasi dengan tanaman estet seperti kelapa sawit dan getah bagi kawasan seluas 1.5 juta hektar yang berpotensi untuk ternakan lembu dan juga mempertingkatkan lagi pengeluaran daging ayam melalui perladangan secara kontrak dengan syarikat-syarikat penternakan yang besar yang mampu mengeluarkan 46 juta ekor ayam seminggu; dan
- xiii. menggiatkan perusahaan perikanan laut dalam melalui pengeluaran lesen bagi bot 70 tan ke atas di perairan Sabah dan Sarawak serta mempertingkatkan pengeluaran akuakultur dengan melibatkan syarikat-syarikat besar di samping memperbaiki unit-unit akuakultur sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2001, import bahan makanan negara adalah RM12.3 bilion. Pada amnya peningkatan import adalah disebabkan pengimportan barangan pertanian yang tidak boleh atau tidak ekonomi untuk dihasilkan dalam negara seperti sayur-sayuran dan buah-buahan iklim sejuk, gula, tenusu, makanan ternakan dan sebagainya namun bagi jumlah eksport bahan makanan negara, terus meningkat dari tahun ke tahun di mana pada tahun 2000 adalah RM6.4 bilion dan pada tahun 2001 adalah RM6.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian Pertanian akan terus berusaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara bagi mencapai tahap sara diri yang lebih tinggi seterusnya mengurangkan bil import makanan negara.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menghuraikan masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Hijau sejak ia dilaksanakan pada tahun 1998 sehingga hasrat Kementerian Pertanian untuk mengurangkan pengimportan bahan-bahan makanan dan kita dapati bahawa kita masih menghadapi peningkatan pengimportan bahan-bahan makanan sehingga sudah lebih daripada RM12 bilion di mana pada tahun 1998 cuma RM10 bilion sahaja. Bagaimana Kementerian Pertanian dapat mencapai hasrat untuk mencapai pengimportan sifar dalam bahan-bahan makanan. Harap dapat menghuraikannya. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa yang lepas petani-petani kita mengusahakan tanaman secara kecil-kecilan. Oleh kerana itu, pengeluaran daripada segi pengeluaran kita, hasil pengeluaran adalah berkurangan. Kementerian Pertanian

menyadari bahawa untuk kita meningkatkan hasil pertanian kita perlu mengambil tindakan untuk menjalankan..., kita kata transformasi di sektor pertanian.

Di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga ini, kita memberi penekanan kepada transformasi di sektor pertanian, kita menekankan kepada perusahaan itu secara berkala besar. Bukan sahaja petani-petani harus mengusahakan tanaman mereka, ternakan mereka secara besar-besaran tetapi kita juga ingin menarik penyertaan pihak swasta dalam usaha kita untuk meningkatkan pengeluaran hasil-hasil makanan supaya kita tidak terlalu bergantung kepada import dan dalam masa yang sama kita boleh mengurangkan nilai import kita dan mengelakkan daripada aliran keluar wang negara.

Jadi apa yang kita sedang usahakan sekarang ialah untuk mengusahakan secara besar-besaran melalui kelompok-kelompok petani dan dalam masa yang sama menarik lebih ramai sektor swasta terlibat di dalam usaha kementerian bagi meningkatkan hasil bahan makanan negara. Bukan sahaja bahan makanan negara yang dari segi kuantitinya tetapi dari segi keselamatannya selamat di makan.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Timbalan Menteri. Mengenai peningkatan import makanan kepada RM12.3 bilion ini saya rasa terlalu tinggi sebab Malaysia ini sebagai sebuah negara yang subur di Asia Tenggara ini. Kalau kita tengok negara-negara maju lain, misalnya Jerman walaupun ia menjadi sebuah negara industri tetapi makanan dan sebagainya cukup tetapi bagaimana dengan Malaysia? Saya rasa kalau RM12.3 bilion ini terlalu tinggi kalau dalam perancangan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju. Saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen, import makanan RM12.3 bilion ini dari negara mana, adakah dari negara Asia atau negara Barat, terima kasih. Peratusnya kalau boleh, peratus daripada negara Asia dan peratus daripada negara Barat. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Kita import bahan makanan dari banyak negara, dari Asia pun ada, dari negara Australia pun ada, dari Eropah pun ada, dari banyak negara yang kita import bahan-bahan makanan negara. Ada setengah yang kita tidak boleh keluarkan dalam negara umpamanya kalau tenusu tentulah kita import daripada Australia, daripada New Zealand, beras kita import daripada negara-negara di Asia.

Kita sedang berusaha supaya kita dapat tingkatkan pengeluaran hasil-hasil pertanian di negara kita seperti mana saya sebut tadi, kita sedang meningkatkan supaya taraf sara diri kita dapat tingkatkan. Sebagai contoh pada masa sekarang taraf sara diri beras ialah dalam lingkungan 70% maknanya kita terpaksa mengimport sebanyak 30% bagi memenuhi keperluan rakyat Malaysia. Dalam usaha kita hendak mengurangkan import beras, pendekatan kita ialah untuk meningkatkan hasil padi sehingga meningkat kepada 10 metrik tan. Dengan peningkatan hasil padi sehingga 10 metrik tan kita dapat meningkatkan taraf sara diri pengeluar padi dan secara tidak langsung kita dapat mengurangkan import beras negara.

Dalam soal import makanan daging umpamanya kita import daripada India oleh kerana keperluan daging bagi negara kita tidak mencukupi. Bagi mengurangkan import daging kita telah memperkenalkan ternakan secara integrasi dengan kerjasama ladang-ladang yang besar, ladang-ladang kelapa sawit dan sebagainya. Ini antara contoh-contoh yang sedang diambil bagi kita meningkatkan pengeluaran makanan negara dan dalam masa yang sama mengurangkan import dan mengelakkan kita daripada terlalu bergantung kepada negara luar untuk keperluan makanan rakyat negara kita.

6. **Tuan M. Shukrimun bin Shamsuddin [Kuala Nerus]** minta Perdana Menteri menyatakan, perbezaan yang ketara antara Sistem Saraan Malaysia dan Sistem Saraan Baru dan bagaimana keadaan mereka yang belum menikmati apa-apa bentuk penganugerahan semasa di bawah SSB.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, Sistem Saraan Malaysia yang akan dilaksanakan mulai 1 November tahun 2002 ini, bukanlah satu rombakan kepada Sistem Saraan Baru yang telah dilaksanakan sejak tahun 1992. Sebaliknya ia adalah satu penambahbaikan kepada sistem ini dengan mengambil kira perubahan persekitaran yang dinamik, hala

tuju semasa perkhidmatan awam dan rungutan-rungutan terhadap aspek perlaksanaan SSB yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak. Prinsip-prinsip asas dalam SSB masih dikekalkan, malah bertambah baik dengan Sistem Saraan Malaysia.

Di samping itu pengubahsuaian tertentu dilakukan terhadap aspek perkhidmatan, perjawatan, gaji dan elaun supaya sistem pengurusan sumber manusia dalam perkhidmatan awam dapat dimantapkan lagi. Penambahbaikan di dalam Sistem Saraan Malaysia tertumpu kepada empat aspek seperti berikut.

Yang pertama penilaian tahap percakapan; kedua, peningkatan peluang kemajuan kerjaya; ketiga, pengubahsuaian struktur gaji dan elaun; dan keempat, penambahbaikan syarat-syarat perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, penilaian terhadap kecekapan akan diperkenalkan dalam tahun 2003. Sehubungan itu, kerajaan juga telah menambahbaik Sistem Penilaian Prestasi dan Sistem Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Peningkatan peluang kerjaya meliputi penambahan lapisan gred, penggredan semula gred jawatan, pemberian taraf perkhidmatan kritikal dan pengubahsuaian kepada skim perkhidmatan. Pengubahsuaian struktur gaji dan elaun merangkumi peningkatan mata gaji, tambahan mata gaji maksimum, pengubahsuaian jadual gaji metrik bagi gred kenaikan pangkat dan penyelarasan kadar elaun.

Penambahbaikan syarat-syarat perkhidmatan meliputi tempoh percubaan bagi anggota yang dilantik ke perkhidmatan awam, penepatan gaji permulaan anggota, pergerakan gaji bagi anggota yang diluluskan cuti belajar bergaji penuh dan cuti separuh gaji atau tanpa gaji.

Berhubung dengan persoalan mengenai keadaan mereka yang belum menikmati apa-apa bentuk penganugerahan semasa di bawah SSB, saya ingin menegaskan bahawa dalam Sistem Saraan Malaysia, semua anggota perkhidmatan awam, kini berpeluang untuk menikmati pergerakan gaji yang lebih baik kerana tidak ada lagi kuota untuk menahkakan peluang untuk pergerakan gaji yang lebih baik. Ianya bergantung kepada sejauh mana anggota itu sendiri berusaha untuk membangunkan diri dengan menguasai *competency* dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran-kemahiran dan nilai-nilai etika untuk melepasi tahap kecekapan yang ditetapkan untuk gred jawatannya. Di samping itu setiap anggota juga hendaklah sentiasa menunjukkan prestasi yang baik dalam kerja hariannya untuk melayakkan diri untuk menikmati anugerah perkhidmatan cemerlang.

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin: Terima kasih tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan, izinkan saya membuat sedikit pembedaan kepada versi Bahasa Inggeris soalan ini dengan menambah perkataan "*the plight of*" antara perkataan "*and*" dengan "*those*" menjadi "*...and the plight of those who have not been given any award under the NRS*", sebagaimana maksud asal soalan dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum bahawa pegawai-pegawai kerajaan di bawah SSB dahulu masih ramai yang belum menikmati apa-apa anugerah yang mana sekiranya sistem ini berterusan barangkali sampai masanya mereka ini mendapat anugerah, barangkali layak jugalah saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah menyedari setelah sekian lama, betapa tidak telus dan tidak adil dan tidak konsistennya sistem SSB ini. Bagaimanakah mereka ini sekiranya SSB terus berjalan oleh kerana wujudnya kuota pada masa yang lalu, mereka tidak menikmati anugerah ini.

Apabila masuk Sistem Saraan Malaysia, mereka terpaksa bersaing semula kepada pegawai-pegawai yang sudah pun menerima anugerah di bawah SSB. Tidakkah kerajaan terfikir untuk mengurniakan sejenis bonus ataupun intensif apabila masuk dalam Sistem Saraan Malaysia kepada mereka ini yang sepanjang masa itu telah tidak menikmati kenaikan gaji yang mana mereka yang telah menerimanya sebelum ini telah menikmati ini sepanjang hayat, bukan sahaja pada tahun yang mereka menerima itu. Sekian.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, Sistem Saraan Malaysia yang akan menambahbaik SSB ini adalah satu sistem yang akan memberi peluang kepada mana-mana pegawai untuk mendapat kecemerlangan dalam perkhidmatan Kerajaan Malaysia ini supaya dalam sistem ini tidak lagi bergantung kepada penilaian prestasi tahunan sahaja tetapi meliputi satu cara bagaimana mereka

itu akan dapat mengambil kursus dan dapat mengambil peperiksaan supaya apa yang dihidmatkan mereka itu akan lebih memantapkan lagi sistem kerajaan di negara kita.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak merujuk kepada tentang penilaian kecekapan itu sudah tentulah dikaitkan dengan latihan. Ada sungutan yang kita dapat bertahun-tahun, Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas biasanya diberikan latihan lebih dan peruntukan pun lebih jika dibandingkan dengan kumpulan perkeranian dan bawahan. Saya hendak tanya, berapa *percentage* yang diperuntukkan dalam latihan ini, kewangan dalam latihan yang diperuntukkan yang diambil, yang diberi kepada Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas, berapa pula *percentage* nya yang dikhususkan kepada perkeranian dan di bawah? Sebab bagi kita sebenarnya makin di bawah mereka sepatutnya semakin mereka memerlukan *training* bukan orang-orang yang di atas sahaja yang memerlukan *training*. Jadi saya hendakkan jawapan itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa apa pun dilakukan oleh sistem perkhidmatan kerajaan ini mestilah mengambil kira kepentingan semua, oleh kerana kerajaan sendiri faham bahawa kalau perkhidmatan awam ini tidak dapat beroperasi atau tidak dapat bertindak sebagai satu *delivery system* untuk kerajaan, memang apa juga yang dirancangkan oleh kerajaan untuk rakyat tidaklah dapat membawa dan tidak dapat sesuatu yang diinginkan oleh kerajaan. Jadi kerajaan akan menyediakan apa yang perlu untuk perkhidmatan awam ini dapat memberi tumpuan kepada semua pihak dan pada pagi ini saya tidak mempunyai angka-angka tentang berapakah yang diperuntukkan untuk mengendalikan kursus-kursus ataupun kemudahan-kemudahan yang digunakan oleh anggota perkhidmatan awam di bawah pengurusan ini kerana ini adalah salah satu soalan terperinci dan saya akan memberikan maklumat tentang ini selepas ini. Tetapi dasarnya ialah kita memberi tumpuan kepada semua aspek perkhidmatan awam di negara ini.

7. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah jenayah siber (*cybercrime*).

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah jenayah siber adalah dengan menguatkuasakan akta-akta berkaitan dengan jenayah siber seperti Akta Jenayah Komputer 1997 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Penguatkuasaan dilakukan melalui penubuhan cawangan siasatan jenayah teknologi yang disokong oleh Unit Forensik Komputer, Polis Diraja Malaysia. Selain dari penguatkuasaan, kesedaran di peringkat masyarakat mengenai tanggungjawab penggunaan kemudahan multimedia dilakukan melalui syarahan, seminar serta perbincangan dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan institusi pengajian tinggi. Polis Diraja Malaysia juga sentiasa mengambil langkah memantapkan lagi keupayaan penguatkuasaan dengan memberi pendedahan kepada anggotanya tentang teknologi terbaru serta menjalinkan hubungan kerja dengan agensi-agensi penguatkuasaan dengan negara ini. Sekian.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapakah jumlah wang yang diselewengkan di dalam jenayah siber dalam tempoh ini kalau ada statistik dan mengikut pandangan kementerian, apakah jenayah siber ini dalam tahap yang serius, sederhana ataupun terkawal?

[Dewan riuh seketika].

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Untuk sementara ini Tuan Yang di-Pertua, jenayah siber ini hendak dikatakan tidak serius, tidak ada yang melaporkan tentang keseriusannya ataupun mana-mana pihak yang membabitkan satu bukti yang terang yang menjadikan kerosakan kepada keadaan ekonomi ataupun sosial di negara ini melalui siber yang amat teruk sekali dan di samping itu juga, soalan yang pertama ialah tentang jumlah wang dalam skandal siber ini tidak ternyata lagi. Saya tidak dalam mencangkupi persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat, jumlah wang yang dilibatkan dalam jenayah siber kerana kita dan Polis Diraja sendiri tidak terdapat

apakah bentuk jenayah wang melalui siber ini yang pernah berlaku dan telah dilaporkan kepada kita.

Sekiranya Yang Berhormat bagi Tanjong boleh membekalkan perkara ini kepada kita untuk kesediaan kita bagi menyiasat dengan lebih mendalam. Insya-Allah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Hulu Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan tentang jumlah kes dalam jenayah siber ini dalam konteks *trespassing virus attack* dan juga serangan ke atas sistem-sistem terutamanya agensi-agensi kerajaan dan swasta yang berlaku dalam negara kita.

Yang keduanya, apakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk mengetengahkan *International Agreement On Cyber Crimes*, dengan izin, dalam konteks ASEAN kerana jenayah siber ini adalah suatu jenayah yang menjangkau negara kita dan ianya boleh berlaku dalam konteks internasional. Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang kedua, kerajaan kita khasnya ataupun persefahaman rantau ini terutama sekali *under the spirit of ASEAN*, kalau masalah jenayah siber ini berlaku, maka kerjasama akan digemblengkan seperti kerjasama yang pernah kita buat dalam lain-lain bidang.

Yang kedua, jumlah kes-kes virus yang telah berlaku dalam teknologi siber ini ataupun penggunaan siber ini, saya telah maklumkan bahawa tidak ada lagi yang dilaporkan, maka kita tidak dapat memberi jumlah yang serius ataupun jumlah yang dapat dibuktikan secara terperinci. Insya-Allah, dalam mana-mana perkara pada masa yang akan datang, kita akan buktikan kepada Dewan ini, atas peringatan yang telah diberi oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk jawapan lisan selesai.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.05 pagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Robia binti Dato' Kosai]: Bismillaahir Rahmaanir Rahiim dan Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Tuan Yang di-Pertua, konsep pemberi milikan tanah di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 adalah bertujuan memperuntukkan tanah pada keluasan yang ekonomik kepada golongan miskin iaitu faedah pembayaran secara ansuran. Faedah ini dilaksanakan dengan menentukan bahawa hanya individu-individu tertentu sahaja yang layak dipertimbangkan menyertai rancangan-rancangan pembangunan tanah berkelompok di bawah akta ini. Pelunasan pembayaran pula dilaksanakan secara ansuran melalui potongan bulanan yang dibuat hanya setelah pendapatan ladang mencapai paras titik pulang modal. Dengan itu, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) yang merupakan suatu daripada undang-undang tanah yang penting di negara ini sentiasa

disemak dan diperkemaskan dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan semasa masyarakat.

Pada masa ini, bagi memastikan pengekalannya keluasan pegangan secara ekonomik, seksyen 7, 12 dan 14 Akta ini membenarkan pemilikan seorang sahaja ke atas suatu pegangan desa dan biasanya diberi milik kepada suami yang memasuki rancangan tanah itu sebagai peserta. Dari sudut perundangan, sekatan pemilikan tanah pegangan desa ini juga terpakai dalam kes pembahagian pusaka dan harta sepencarian. Sekiranya si mati seorang Islam, waris-waris ialah sebagaimana ditetapkan dalam faraid seperti bapa, ibu, isteri, suami, anak lelaki, anak perempuan, cucu lelaki, cucu perempuan dan sebagainya.

Sementara itu, bagi si mati bukan seorang Islam, waris adalah sebagaimana dinyatakan dalam Akta Pembahagian 1958, iaitu *Distribution Act 1958*, iaitu seperti ibu, bapa, suami, isteri, anak-anak dan zuriat atau keturunan yang ke bawah. Walaupun perintah pembahagian dikeluarkan selepas sahaja perbicaraan selesai, peruntukan Akta ini tidak membenarkan nama-nama mengikut perintah mahkamah dimasukkan ke dalam Daftar Pegangan (*Register of Holdings*), begitu juga dengan harta sepencarian.

Harta sepencarian atau dikenali juga sebagai harta syarikat ialah harta yang diperolehi atau dikumpulkan bersama-sama oleh suami isteri di sepanjang tempoh perkahwinan mereka. Kebiasaannya ia ditentukan ketika pasangan suami isteri bercerai. Walaupun bahagian harta sepencarian ini tidak ditentukan syarak, tetapi ianya tidak melebihi setengah daripada keseluruhan harta seperti pengagihan harta mengikut faraid, pengagihan harta sepencarian mengikut perintah mahkamah juga tidak boleh dibuat mengikut peruntukan yang ada di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) ini.

Syarat ini telah menimbulkan masalah dan kesulitan kepada isteri-isteri para peneroka yang mendakwa bahawa hak mereka ke atas tanah rancangan tidak terjamin sedangkan mereka terlibat secara langsung dalam menjayakannya. Dalam rancangan tanah yang dilaksanakan oleh FELDA, seseorang calon itu mestilah sudah berkahwin untuk layak dipilih sebagai peneroka FELDA. Di samping itu, terdapat isteri-isteri yang turut membantu dalam mengusahakan tanah ladang. Bagi suri rumah sepenuh masa, mereka diwajibkan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sosial dan kemasyarakatan.

Dengan demikian, seksyen 7 dicadangkan dipinda bagi membolehkan pemilikan yang dahulunya seorang pemegang kepada tidak lebih daripada dua orang pemegang ke atas tanah pegangan desa di dalam rancangan-rancangan tanah berkelompok. Cadangan pindaan bagi membolehkan pemilikan bersama oleh peneroka dan isteri, dengan ini dapat memberi perlindungan kepentingan isteri peneroka. Di sini, takrif isteri adalah dimaksudkan sebagai isteri yang bersama-sama memasuki rancangan dan bersama-sama mengusahakan ladang. Sementara itu, bagi peneroka yang memasuki rancangan dengan isteri pertama dan menceraikannya selepas beberapa tahun, maka isteri tersebut tetap berhak untuk menuntut hak harta sepencarian ke atas tanah berkenaan.

Seterusnya, pindaan kepada seksyen 12 telah membolehkan pegangan desa dimiliki bersama oleh isteri, bekas isteri atau waris kadim, dengan izin, *next-of-kin* menurut perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah berdasarkan harta sepencarian atau perintah pembahagian hartanah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Sivil. Nama pemilik bersama mengikut keputusan mahkamah akan dimasukkan oleh pemungut hasil tanah. Tambahan kepada pindaan seksyen 12 ialah cadangan pindaan kepada seksyen 14 di mana sebelum pindaan, pegangan desa hanya boleh dipindah milik kepada seorang sahaja tetapi dengan pindaan pegangan desa boleh diberi milik dan dimiliki bersama oleh peneroka dan pemegang bersama.

Sehubungan dengan pindaan seksyen 14, cadangan pindaan seksyen 15 membolehkan pegangan desa dimiliki bersama oleh peneroka dan sama ada isteri atau bekas isteri atau waris kadimnya berdasarkan adanya permohonan rasmi daripada peneroka dengan menggunakan Borang AA yang merupakan borang tambahan kepada Jadual I dan juga dengan mendapat kelulusan pihak berkuasa negeri. Pihak berkuasa negeri dalam menimbang permohonan memasuki nama untuk dipindah milik melalui Borang AA, perlulah memastikan mereka yang mendapat pindah milik ini ialah isteri-isteri sebagaimana ditakrifkan di atas tadi. Satu garis panduan akan dikeluarkan setelah mendapat persetujuan Majlis Tanah Negara.

Cadangan pindaan ini juga membolehkan pegangan desa dimiliki bersama menurut perintah yang dikemukakan oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil mengikut Akta Undang-undang Keluarga Islam di negeri-negeri atau akta *Law Reform (Marriage and Divorce) Act*.

Dalam pindaan Akta ini, seksyen 16 telah dimansuhkan sebelum pindaan sesiapa yang ada hak ke atas pegangan desa selepas pemegang itu meninggal dunia, bolehlah memberi hak kepada seorang pemegang sahaja supaya dapat didaftarkan namanya. Jika pihak-pihak yang mempunyai hak ini tidak berbuat demikian, pemungut hasil tanah boleh menjual pegangan berkenaan dan agihkan kutipan jualan kepada pihak-pihak berhak ke atas pegangan itu. Dengan pemansuhan seksyen ini, usaha-usaha pusaka adalah diuruskan terus di bawah perundangan mengenai pembahagian pusaka yang ada. Walau bagaimanapun, tindakan ini hanya membenarkan pemilikan bersama iaitu *undivided shares* dan tidak melibatkan pecah sempadan atau *subdivisions* atau pecah bahagian, *partition* daripada tanah.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan pindaan kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) tidak melibatkan apa-apa implikasi kewangan tambahan daripada kerajaan sebaliknya dapat meningkatkan keyakinan rakyat ke atas pentadbiran tanah dalam menangani masalah yang dialami oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan Mesyuarat]**

11.14 tgh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan kepada undang-undang ini tidak membawa apa-apa kos kepada kerajaan tetapi ia membawa makna yang begitu besar kepada wanita di negara ini. Saya mengalu-alukan *amendment* ini kerana nampaknya kerajaan Barisan Nasional akhirnya telah faham kedudukan wanita adalah sama dengan lelaki. [Tepuk] Ini adalah perubahan yang kaum wanita hendak, untuk betul-betul melindungi hak asasi wanita, yang sesama dengan kaum lelaki. Kita mahukan perlindungan seperti ini tetapi kita tidak mahu perlindungan yang tidak memberi kebebasan kepada wanita. Seperti contohnya, wanita tidak dibenarkan menjadi saksi kerana wanita ini sepatutnya berada di rumah dan jangan keluar rumah.

Saya rasa ini adalah tidak sesuai lagi pada zaman sekarang kerana wanita pada zaman sekarang adalah sama mampu, sama layak seperti kaum lelaki dan kami mampu, kami ada wanita yang sudah menjadi hakim, wanita yang sudah menjadi peguam. Kenapa wanita tidak boleh menjadi saksi? Jadi, undang-undang seperti inilah yang tidak sesuai pada zaman ini. Yang sesuai ialah memberi hak yang saksama seperti dalam pindaan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan undang-undang ini.....[Disampuk]

Dato' Napsiah binti Omar: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat, hendak bagi yang mana satu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak hendak bagi?

Puan Chong Eng: Kuala Pilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Pilah.

Dato' Napsiah binti Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, Yang Berhormat tadi menyebutkan iaitu wanita tidak boleh menjadi saksi. Saya hendak tahu, di bawah undang-undang sivil atau di bawah undang-undang syariah ataupun di bawah undang-undang Hudud Al-Hafaz? Terima kasih.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat bagi Kuala Pilah sudah tahu dah, hendak tanya pula. [Ketawa]. Saya mendapati bahawa pindaan undang-undang ini sangat bermakna kerana ini juga selari dengan pindaan Perlembagaan yang telah berlaku di sesi yang lepas iaitu Perkara 8 (2) yang mengatakan bahawa setiap rakyat tidak boleh diberi layanan yang tidak sama kerana *gendemya*. Pindaan ini, walaupun hanya satu akta yang spesifik, ada banyak lagi undang-undang yang perlu dipinda sedemikian dan juga pada pendapat saya, dalam semua dasar pembangunan, konsep ini perlu digunapakai kerana pada masa ini, Kerajaan Barisan Nasional masih belum menggerakkan konsep ini dalam gubahan dasar, seperti *budget* yang akan datang ini.

Saya rasa ia tidak akan mengira perbezaan di antara *gender* untuk mengagihkan *budget*. Jadi, saya harap kerajaan ini, yang dikatakan peka dan prihatin kepada kedudukan wanita akan merombak semula semua dasar pembangunan untuk menerap nilai ini dan konsep ini ialah kesaksamaan *gender* di dalam dasar. Ini merupakan penghormatan kepada kaum wanita sebagai rakan kongsi yang saksama dan ini adalah nilai yang sangat penting.

Kalau wanita tidak dipandang sebagai rakan kongsi yang saksama, kalau mereka dipandang sebagai rakan kongsi yang kelas kedua, maka di dalam dasar pembangunan seperti FELDA dahulu yang hanya lelaki boleh menjadi *participants* yang boleh memohon dan oleh kerana hanya lelaki yang boleh memohon, lelaki yang memiliki harta tanah, jadi lelaki merasakan mereka boleh lebih berkuasa kepada/daripada isteri mereka.

Ini adalah satu sebab yang utama keganasan keluarga rumah tangga berlaku kerana kaum lelaki mereka merasa berkuasa, jadi boleh mengganas kepada anak mereka, kepada isteri mereka, jika konsep kehormatan kepada wanita dan juga memandang wanita sebagai rakan kongsi yang saksama, jadi saya rasa keganasan rumah tangga ini akan dapat dikurangkan.

Setiap manusia termasuk kaum wanita berhak hidup bebas daripada keganasan. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkhidmatan kaunseling untuk keluarga di rancangan tanah berkelompok, skim-skim seperti ini adalah amat penting dan perlu kerana banyak perselisihan keluarga. Kalau ada *intervention* dia boleh diselesaikan secara damai, tetapi kalau dibiarkan begitu dan selalunya wanita dan kanak-kanak tidak berdaya untuk mempertahankan hak mereka dan mereka terus menjadi mangsa di dalam keganasan rumah tangga.

Lagi satu yang saya hendak cadangkan ialah wang KWSP. Saya hendak cadangkan sebelum kaum lelaki Islam dibenarkan berkahwin nombor dua, nombor tiga dan keempat. Wang-wang KWSP itu yang dikumpulkan pada setakat itu perlu diagihkan kepada isteri pertamanya pada tahap itu. Ini barulah adil kerana seperti tanah di kawasan penempatan berkelompok, itu adalah pencarian bersama dan usaha bersama.

Kalau lelaki yang bekerja mereka mendapat KWSP, kalau isteri mereka tidak bekerja, sebagai suri rumah tangga sepenuh masa, mereka, isteri-isteri seperti ini juga perlulah berhak untuk mendapat setengah KWSP kalau pada masa bercerai ataupun pada masa suaminya hendak berkahwin isteri yang kedua.

Selain daripada itu kaum wanita juga menghadapi banyak masalah semasa keluarganya ataupun perkahwinan mereka menghadapi masalah seperti dalam perceraian meminta nafkah. Saya rasa selain daripada kita meminda undang-undang seperti ini kita juga perlu mengadakan langkah-langkah yang lain di seluruh bidang supaya hak asasi wanita diperlindungi di dalam semua bidang dan saya harap Kerajaan Barisan Nasional akan mempercepatkan semua pindaan yang perlu dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memberi kedudukan yang saksama kepada wanita. Sekian, terima kasih.

Dato' Mustafa bin Ali: [Bangun]

Tuan Fong Kui Lun : [Bangun]

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Dungun.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan kepada pindaan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

Di samping mengalu-alukan beberapa perkara yang terkandung di dalam pindaan ini, kerana pindaan yang dilakukan ini merupakan suatu yang pernah disebut puluhan tahun dulu oleh kami daripada pembangkang khususnya PAS, di mana hak seorang isteri misalnya dan seterusnya perkara-perkara yang berkait dengan harta sepencarian, faraid perlulah diambil kira di dalam memberikan hak milik ini di samping kepada peneroka khususnya yang dinamakan sebagai pemilik tanah terutama sekali dalam kawasan FELDA.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini akan melibatkan tanah-tanah di bawah apa yang dinamakan GSA sebagaimana yang disebut tadi kawasan penempatan berkelompok dalam pelbagai jenis pembangunan tanah FELDA, tanah pinggir dalam beberapa buah negeri, tanah kelompok yang lain dan yang paling besar yang terlibat ialah yang berkait dengan FELDA.

Kita menyedari bahawa tujuan daripada pembangunan tanah di bawah FELDA ini ialah untuk memberi peluang kepada mereka yang tidak bertanah semenjak tahun 60 an lagi ini telah dilakukan dan boleh dikatakan sebahagian besar negeri-negeri di Malaysia ini terlibat dengan pembangunan di bawah FELDA dan apabila ianya terlibat di bawah pembangunan FELDA, maka soal GSA ataupun penempatan berkelompok ini sesuatu yang memang tidak dapat dielakkan mestilah ditangani dengan cara yang sebaik-baiknya.

Saya merujuk kepada beberapa fasal di dalam pindaan yang telah dikemukakan ini, yang menyebut bahawa pemilik yang diberi hak milik ini tidak lebih daripada dua orang, memang ini satu permulaan yang baik, tetapi perlulah juga difikirkan bahawa kemungkinan di bawah faraid, di bawah harta sepencarian akan melibatkan hak milik kepada lebih daripada dua orang. Walaupun disebutkan tadi bahawa seorang akan diberikan kuasa bagi mengendalikan soal pengurusan bagi pihak pemilik ataupun yang berhak kepada tanah ini lebih daripada dua orang, tetapi mungkin juga ia tidak dapat menyelesaikan seluruhnya masalah-masalah yang berkait dengan soal pemilikan tanah ini.

Ada jalan penyelesaiannya Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana tanah ini juga disebutkan bahawa sama ada tanah-tanah ini yang telah pun diberikan peruntukan, misalnya peruntukan yang telah pun ditambah misalannya peruntukan di dalam Seksyen 15.

- (a) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "*any time be subdivided*" perkataan "*or partitioned*".

Ertinya kita sudah menyedari bahawa sekalipun pemiliknya lebih daripada tiga orang, kita boleh membuat satu cara supaya tanah itu masih lagi ekonomik, kita tidak akan membenarkan *subdivision* berlaku ataupun dipartitionkan tetapi perlu nama yang mempunyai hak sama ada berdasarkan harta sepencarian ataupun berdasarkan faraid ini dimasukkan di dalam geran misalnya yang telah pun diberikan oleh pihak yang berkuasa termasuk FELDA, melalui tentunya kerajaan negeri yang mempunyai hak ke atas tanah ini.

Jadi soal-soal ini perlu kita memberikan suatu penelitian supaya akhirnya pindaan yang kita buat ini yang telah makan puluhan tahun. Saya rasa perkara ini telah dikemukakan berpuluh tahun baru dibentangkan. Kita terima kasih kerana dikemukakan tapi kalau kita tidak ambil lagi perhatian tentang perkara-perkara yang berkait dengan harta sepencarian faraid ini yang melebihi dua orang, kita terpaksa suatu hari nanti akan meminda kepada akta yang telah pun kita pinda ini.

Saya memberi suatu peringatan awal supaya soal ini diberikan perhatian oleh pihak kerajaan, oleh pihak kementerian yang bertanggungjawab supaya perkara yang

masih merupakan isu dalam hak milik antara suami dan isteri, isteri yang telah diceraikan dan perkara-perkara yang berkaitannya dan anak-anak yang lebih daripada seorang ataupun beberapa orang ini perlulah diberikan perhatian.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut oleh kerana yang terlibat dalam pengurusan ini terutama sekali ialah FELDA, tetapi kuasa tanah adalah kuasa kerajaan negeri. Saya mahu menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, pengurusan yang dilakukan oleh FELDA tidak begitu cekap sebagaimana yang diharapkan dan memang banyak perkara-perkara yang perlu dipertingkatkan dari sudut pengurusan itu sendiri.

Sudah ada misalnya, sudah terdapat, bukan sudah terdapat, memang wujud dan terdapat peneroka-peneroka FELDA yang telah pun selesai membayar hutang yang telah diambil oleh kerajaan tetapi hak milik mereka, geran mereka masih tidak dapat diperolehi bukan kerana kesalahan kerajaan negeri yang tidak mahu memberikan hak milik ini tetapi salah pengurusan FELDA yang tidak membuat pengesahan bahawa hutangnya sudah dapat diselesaikan, walaupun dari segi hakikatnya hutang itu telah diselesaikan.

Saya boleh membuat beberapa contoh termasuk dalam kawasan Parlimen saya sendiri iaitu di Kertih misalnya, ada peneroka yang sudah selesai bayar dan tunggu geran, dikemukakan kepada kerajaan negeri tetapi pengesahan daripada FELDA tidak dapat dilakukan. Saya harap Kementerian yang berkenaan akan mengambil perjalanan untuk memastikan bahawa hal-hal yang seperti ini tidak akan menjadi suatu penghalang kepada hak milik yang seharusnya kita berikan kepada peneroka-peneroka yang sudah pun selesai membayar hutang mereka.

Saya minta supaya ada suatu kerjasama yang baik di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dan jangan dijadikan soal hak milik ini, memberikan hak milik ini suatu permainan politik yang sengaja diadakan dengan mengapi-apikan rakyat yang sebenarnya perlu kepada hak milik tanah ini.

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Tanah Merah. Hendak bagi jalan.

Dato' Mustafa bin Ali: Ya, Sila.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menarik perhatian kepada persoalan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan negeri bersedia memberikan geran dan hak milik rasmi kepada para peneroka FELDA terutamanya, tetapi nampaknya pihak FELDA yang melengah-lengahkan perkara tersebut, tetapi mungkinlah yang akan dijelaskan lagi, dan kita lihat dalam akhbar-akhbar pun mengatakan bahawa kesalahan itu diletakkan di bawah kerajaan negeri. Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat dalam hal ini, sejauh mana ketelusan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan negeri terhadap rakyatnya dengan politik yang dimainkan oleh FELDA terutama sekali di negeri Terengganu.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang mintakan penjelasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawa ketidakcekapan FELDA itu satu perkara yang perlu diselesaikan dan saya akan sebutkan ini. Yang keduanya, apabila ianya telah diselesaikan pun masih lagi pihak pemimpin-pemimpin daripada kalangan parti yang memerintah di pusat, tetapi menjadikan isu soal hak milik ini suatu permainan politik untuk menutup kelemahan mereka selama ini yang mereka telah gagal untuk melaksanakan.

Saya menyebut satu contoh yang sangat nyata iaitu FELDA Neram di Kemaman. Ini satu FELDA telah berpuluh-puluh tahun, kita mempunyai peneroka yang telah pun menjelaskan hutangnya dan hak miliknya sepatutnya telah diberi lama kepada peneroka ini. Di bawah pemerintahan BN di pusat dan di Terengganu juga BN tetapi masih lagi geran hak milik ini tidak diberikan kepada peneroka kerana hendak digunakan ini sebagai isu untuk menghadapi pilihan raya. Bila sampai pilihan raya mereka sebut, "hah mesti sokong BN, selepas ini kami akan selesaikan masalah geran ini," tetapi geran tidak juga diberikan.

Walaupun sudah penyelesaian hutangnya telah dibuat oleh peneroka yang berkenaan, ini sebagai suatu contoh yang sangat jelas, apabila kita mengambil alih pemerintahan negeri Terengganu, ini sebagai response kepada Yang Berhormat yang meminta penjelasan ini, kita telah melihat beberapa kawasan FELDA di mana yang hutangnya telah diselesaikan dan yang belum diselesaikan, di antara yang telah diselesaikan dan sudah lama diselesaikan ialah kawasan FELDA Neram di daerah Kemaman.

Kita telah mengambil perjalanan supaya geran diberikan kepada peneroka tanpa mengira sama ada UMNO atau PAS atau siapa sahaja tetapi peneroka yang telah menjelaskan hutang ini. Kita telah mengadakan satu majlis memanggil semua peneroka ini supaya menerima geran yang diuruskan oleh pejabat tanah daerah yang berkenaan dengan dihadiri oleh EXCO yang berkenaan untuk memberikan geran ini dalam satu majlis, tetapi malangnya Yang Berhormat wakil rakyat pembangkang di Terengganu telah pergi kempen, jangan keluar untuk terima geran ini, kerana geran ini adalah geran palsu yang akan dikeluarkan oleh kerajaan negeri. Sehingga akhirnya yang datang ialah separuh daripada yang menerima geran dan mungkin ada di antaranya juga orang UMNO kerana telah diberitahu bahawa geran ini geran palsu, mereka telah bawa geran ini ke bank, tengok geran ini boleh digadai atau tidak, yang pertama dapat geran hendak gadai, inilah mentaliti yang menyokong UMNO selama ini.

Itu sebagai satu contoh, mungkin juga, kalau tidak kerana itu pun hendak mengesahkan ini geran palsu ataupun geran betul, bank mengatakan ini geran betul, barulah mereka dok sibuk, sekarang ini hendak minta geran, waktu kita panggil tak datang kerana dikatakan geran palsu. Tetapi sekarang ini dok sibuk hendak datang dan inilah menjadi kewajipan kita untuk menyelesaikan perkara ini, tetapi contoh yang saya nyatakan ini ialah bagaimana soal peneroka FELDA telah dijadikan permainan politik oleh pemimpin-pemimpin parti BN khususnya UMNO

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan? Ya, sila Sri Gading

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kerajaan Barisan Nasional tak tahulah saya rekodnya, tetapi yang setahu saya, saya pun ada pengalaman di state dahulu, sudah berpuluh-puluh rancangan FELDA kita beri tanah hak milik ini kepada peneroka, tidak ada pun soal hendak main politik kerana apabila sudah selesai hutang piutang dan segala-galanya dan soal tanah ialah soal kerajaan negeri, jadi apa benda sudah selesai, dengan FELDA, dengan kerajaan negeri kita sudah beri, tidak ada main politik.

Terengganu janganlah hendak temberang, baru satu sahaja dia beri sudah sibuk riuh sekampung. Barisan Nasional sudah lama beri hak milik ini kepada peserta-peserta, tetapi seperti juga orang yang dirasuk oleh parti PAS, tidak pernah hendak merasa terima kasih. Di negeri Johor pun umpamanya, berpuluh-puluh peserta FELDA yang kita sudah berikan hak milik. Tetapi yang menyokong PAS tetap juga 'ngak rak merebas', tidak tahu malu dia bahawa kerajaan negeri Kerajaan Barisan Nasional sudah beri macam-macam pertolongan, tetapi dia jenis yang tidak hendak berterima kasih, ini jadi janganlah Kerajaan PAS Terengganu hendak mendakwa dialah yang hebat sangat, Barisan Nasional sudah lama dah mengamalkan memberikan hak milik kepada peserta-pesertanya.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih tetapi hujah itu hujah murah sebenarnya. Adalah menjadi setiap tanggungjawab sesiapa sahaja yang menjadi kerajaan untuk memberikan hak milik. Johor yang sepanjang masa diperintah oleh BN, memang menjadi tanggungjawabnya untuk memberikan hak milik. Jadi, tidak timbullah soal ini. Tetapi yang di Terengganu, pemimpin BN dok beritahu ini geran palsu. Tidak ada pula orang PAS di negeri Johor yang mengatakan ini geran palsu. Tidak ada, inilah permainan politik yang dimainkan oleh orang-orang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi Yang Berhormat, Tanah Merah. Ya, sila.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Yang Berhormat, saya tertarik juga dengan kenyataan sahabat saya daripada Sri Gading tadi yang mengatakan - saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dalam hal ini. Bahawa saya melihat sendiri di dalam rekod FELDA, dalam laporan tahunan 1999 bahawa geran hak milik

tanah yang diberi kepada peneroka, yang paling tinggi sekali di Pahang, 22,144 orang, kemudian diikuti dengan Johor, kita akui Johor, 9,637 orang.

Tetapi dalam rekod ini tidak ada satu pun di Kelantan, ini pada zaman - sedangkan FELDA telah wujud semasa Kerajaan Barisan Nasional memerintah Kelantan lagi.

Tetapi yang kita tahu kalau mungkinlah laporan yang terakhir daripada FELDA, 2000 atau 2001 nanti, saya yakin dan percaya bahawa kita akan lihat bahawa geran di bawah Kerajaan PAS yang beri kepada peneroka-peneroka FELDA, tetapi tidak di zaman BN, saya minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, contoh politik yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO, pemimpin BN.

Memang FELDA terdapat di semua negeri termasuk Kelantan, tetapi oleh kerana hak milik ini, geran ini disediakan oleh kerajaan negeri, mereka melambatkan untuk mengesahkan pembayarannya supaya apabila tidak dapat disahkan maka geran tidak dapat diberikan kerana mengikut logik mereka, perhitungan mereka, apabila geran diberikan oleh kerajaan negeri kepada peneroka FELDA, maka *political mileage*nya dapat kepada kerajaan negeri, ini yang mereka tidak mahu, walaupun mereka boleh dikatakan tidak cekap, tidak mengapalah tidak cekap asalkan kerajaan yang di bawah pimpinan PAS ini tidak dapat *political mileage*. Ini contoh yang jelas.

Di Kelantan sebagaimana Yang Berhormat sebut, di Terengganu dalam kawasan saya sendiri, di Kerteh, sudah jelas lama tetapi masih lagi tidak dapat disahkan oleh pihak FELDA dalam perkara ini.

Antara sebabnya kerana lembaga yang mengendalikan FELDA ini, dahulu ada wakil kerajaan negeri, sepatutnya ada wakil kerajaan negeri dalam itu, tetapi apabila negeri itu diperintah oleh selain daripada BN, oleh PAS, Barisan Alternatif di Kelantan dan di Terengganu, maka lembaga itu dimasukkan semuanya orang-orang yang tidak langsung mewakili kerajaan negeri, sedangkan kerajaan negeri mempunyai peranan di dalam memberikan hak milik dan geran ini.

Inilah yang selalu kita sebut, bahawa dalam konteks federalism yang kita amalkan sekarang, perlu ada kerjasama untuk memudahkan bukan untuk kita tetapi untuk rakyat, tetapi pemimpin BN sanggup mengorbankan rakyat kerana politik, sedangkan kalau kerjasama daripada pusat dengan negeri dalam soal tanah ini boleh dilakukan, alangkah baiknya bahawa rakyat dapat diselesaikan dengan mudah bahawa mereka akan dapat memberikan hak milik tanpa mengira latar belakang politik masing-masing.

Inilah antara perkara yang perlu FELDA, kementerian yang berkenaan dan Kerajaan Pusat sendiri mengambil ingatan bahawa banyak perkara boleh diselesaikan melalui kerjasama yang seperti ini. Demikian juga dalam kawasan KETENGAH, terdapat kawasan FELDA tetapi dahulu ada wakil kerajaan negeri dalam KETENGAH, apabila kita mengambil alih, kita mencadangkan supaya ada wakil kepada kerajaan negeri supaya mudah kita membuat urusan, hanya beberapa orang sahaja, dua orang, sedangkan seluruh yang lain itu terdiri daripada lantikan yang memang dibuat oleh menteri tetapi biarlah daripada kalangan yang boleh mewakili negeri apa-apa pun mungkin boleh dibincangkan, sampai hari ini tidak ada wakil negeri atas cadangan negeri yang dilantik oleh FELDA, oleh KETENGAH kerana mereka terlalu asyik bermain politik sehingga mengorbankan rakyat yang menjadi peneroka dan yang membangunkan tanah sama ada FELDA ataupun KETENGAH dalam contoh yang khusus yang saya sebut di Terengganu dan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, di negeri Kelantan sendiri.

Jadi, dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Peringat. Ya, sila.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak tanya tentang soal terima kasih kepada Kerajaan BN yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Kalau hendak kira sebenarnya soal tanah itu asalnya adalah tanah negeri yang *diacquire* dan diberi hak kepada FELDA. Jadi, akhirnya menimbulkan masalah yang begitu rupa kepada kerajaan negeri yang memberi tanah itu. Jadi, apakah ini juga bermakna pihak Kerajaan Pusat juga tidak pandai berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana memberi tanah kepadanya. Sekian, terima kasih.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, semua ini sudah faham apa Ahli Yang Berhormat sebutkan itu. Semua faham dan saya tidak mahulah hendak mengulangi kerana sebenarnya perkara ini perkara yang mengenai soal rakyat dan sama ada dia sebut, rakyat terima kasih atau tak terima kasih, ini adalah tanggungjawab kita sebagai pemimpin untuk memberikan pembelaan kepada rakyat.

Adakah ini hak rakyat, apabila rakyat tidak berterima kasih tak sebut cara nyata, maka kita rasakan ini bukan tanggungjawab kita, itu tidak kena, hah inilah mentaliti yang ada kepada pemimpin-pemimpin BN terutama sekali. Ya, Sri Gading, terima kasih, sebab dia senyum, saya pun senyum, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sama-sama senyum.

Dato' Mustafa bin Ali: Ya, sama-sama senyum. Baiklah, kemudian apa yang ingin saya sebut Tuan Yang di-Pertua, GSA ini, telah digunakan sedemikian rupa untuk menyusahkan rakyat yang menjadi peneroka kerana FELDA mempunyai suatu agenda yang lain. Agenda untuk mengikat peneroka FELDA ini sepanjang masa, kerana mereka akan mengadakan suatu perjanjian baru, apabila hak milik ini hendak diberikan, pelepasan hutang yang telah pun dilunaskan, telah dibayar sepenuhnya, geran akan diberikan, maka peneroka FELDA mestilah masuk kepada satu perjanjian baru untuk membangunkan tanah ini semula, terpaksa membuat perjanjian baru yang akan mengikat lagi. Tidak ada kebebasan kepada peneroka FELDA ini supaya mereka membangunkan sendiri secara berdikari dengan kos pembangunan yang lebih murah daripada dikendalikan oleh FELDA sendiri kerana FELDA mempunyai macam-macam syarikat koperasi yang sebahagian daripadanya menyedut hasil usaha yang dibuat oleh peneroka ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi sebab itu, perkara-perkara yang seperti ini juga mestilah diberikan perhatian supaya jangan GSA ini dijadikan alat untuk memeras peneroka, memayahkan, menyukarkan urusan dan akhirnya peneroka akan tunduk apa sahaja yang FELDA hendak lakukan, "okey ayuh kita buat," terikat lagi dengan perjanjian entah berapa puluh tahun lagi. Hutang baru lagi, sedangkan tujuan kita memasukkan peneroka ini dalam FELDA ialah untuk memberikan tanah untuk mereka berdikari, tetapi cara yang diuruskan sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk mengikat mereka ini, untuk menjadi hamba sepanjang masa sudah sampai masanya FELDA memberikan kebebasan kepada peneroka, mana yang hendak ikut cara pengurusan FELDA, itu hak dia, tetapi ada mereka yang hendak berdikari, beri hak milik, "saya hendak bangunkan sendiri dengan usaha saya," berikan hak itu kepada mereka.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya! Sri Gading berdiri lagi Yang Berhormat. Hendak beri jalan? Ya, sila.

Dato' Mustafa bin Ali: Sri Gading tidak apa, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Dungun. FELDA ini sudah hampir 40 tahun lebih, 50 tahun sudah. 40 tahun lebih, tahun 60-an. Allahyarham Tun Razak yang menjadi juara tentang hendak mewujudkan skim tanah FELDA ini, yang dikhususkan kerana dilihat orang Melayu ramai yang miskin kerana tidak mempunyai atau tidak memiliki tanah yang sewajarnya.

Maka dengan kemiskinan orang Melayu dalam keadaan begitu maka diadakan FELDA, Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan namanya. Maka, alhamdulillah hiduplah orang Melayu yang dahulu kadang-kadang pendapatannya

RM2.00 sehari telah berubah kepada keadaan hidup yang lebih baik. Okey. Sampailah habis segala hutang piutang, dapatlah hak milik geran tanah.

Apakah Yang Berhormat bagi Dungun berani memberi satu jaminan bahawa kalau dilepaskan nafsi-nafsi seperti itu masing-masing, apakah matlamat awal Tun Razak untuk memberikan kepunyaan tanah kepada seseorang ataupun kepada orang Melayu itu akan terhasil seluruhnya kalau mereka mungkin akan jual, akan *let go*, akan gadai dan sebagainya, akhirnya sebuah penempatan yang dulunya diurus oleh satu Perbadanan yang memberikan pulangan yang baik akhirnya gagal. Apakah Yang Berhormat bagi Dungun berani memberi jaminan, kalau dilepaskan cara bebas bahawa hak milik itu akan kekal di tangan peserta-peserta lama? Itu saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui bahawa memang tujuan FELDA ini yang *dipioneerkan* oleh Almarhum Tun Razak ini satu program yang baik bagi memberikan tanah kepada rakyat. Kita akui itu. Tetapi selepas tanah ini diberikan kepada rakyat, rakyat harus diberikan pilihan sama ada dia hendak membangunkan sendiri tanah ini ataupun dia hendak menyerahkan balik supaya diuruskan oleh FELDA melalui satu perjanjian baru.

Saya tidak kata semua orang mesti dibebaskan. Mana yang hendak menjadi hamba sepanjang masa, biarkan dia diuruskan oleh FELDA tetapi mana yang hendak membebaskan diri mereka, bagikan kebebasan itu kepada mereka.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tumpat berdiri. Sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir Sri Gading telah ketinggalan zaman. Memang semasa

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah Sri Gading hala ke dia.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya! Yang Berhormat bagi Dungun. [*Ketawa*] Saya fikir yang dihasratkan oleh Tun Razak memang sebagaimana disebutkan tetapi Perdana Menteri Malaysia hari ini sudah menyatakan bahawa ada dilema baru orang Melayu iaitu bagaimana hendak tarik balik hak istimewa, tongkat-tongkat orang Melayu ini. Jadi, saya fikir Yang Berhormat bagi Dungun lebih memahami pergolakan dan berbeza dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading yang mana dasar kita sebenarnya, saya nampak daripada Yang Berhormat bagi Dungun ialah untuk memberikan kemerdekaan kepada bumiputera khususnya berbeza dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading yang pun berbeza dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang masih dalam dilema bagaimana hendak menarik hak istimewa orang Melayu ini. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Dungun?

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tumpat, mereka-mereka yang bercakap seperti itu semuanya dalam dilema sebenarnya, termasuk Sri Gading pun dalam dilema sekarang ini. Dengan persempadanan baru Johor ini belum tentu jadi wakil rakyat lagi yang akan datang, pun dilema juga. [*Ketawa*] Itu bergurau sahajalah, ya! Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dungun tidak termasuk dalam dilema, ya!

Dato' Mustafa bin Ali: Dungun, alhamdulillah! [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Dato' Mustafa bin Ali: Sebab tidak ada pindaan, tidak ada tambahan di negeri Terengganu, Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah. Saya ingin respons kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat, Tuan Yang di-Pertua. Perbezaan di antara *vision* yang dipunyai oleh Almarhum Tun Abdul Razak dengan *vision* yang ada pada Perdana Menteri yang ada sekarang. Satu-satunya Perdana Menteri yang jarang melawat FELDA ialah Perdana Menteri yang ada sekarang ini. Kita ada *track recordnya*, boleh buat perbandingan. [*Tepuk*] Dia lebih seronok keluar negara, entah berapa kali setahun, daripada melihat apa yang berlaku di FELDA.

Perdana Menteri pergi juga FELDA dalam satu perhimpunan besar yang sifatnya adalah politik. Ha! itu beliau pergilah tetapi kalau hendak melihat penderitaan FELDA, saya rasa antara Perdana Menteri secara *comparative*, yang paling kurang memberikan perhatian kepada FELDA, sebab itulah masalah-masalah dalam FELDA ini masih berterusan. Dengan berlakunya pindaan ini sedikit sebanyak dapat membantu menyelesaikan beberapa isu tetapi tidak dapat menyelesaikan banyak lagi isu-isu yang lain.

Saya hendak kembali kepada apa yang saya sebut, Tuan Yang di-Pertua, bahawa FELDA harus jangan mengekang, jangan menyekat kebebasan peneroka-peneroka ini melalui pelbagai syarikat yang diwujudkan oleh FELDA sendiri.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang belum

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Temerloh.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang keterpilihan kepada peneroka ini. Saya pun mewakili kawasan FELDA yang besar juga. Setahu saya pilihan diberi kepada peneroka sama ada mereka hendak tanam semula sendiri secara berkelompok ataupun hendak *stick* dengan FELDA, dengan izin. Tetapi Yang Berhormat tahu atau tidak yang pilih hendak buat sendiri ini 90% daripadanya gagal, sampai hari ini pun tidak bertanam semula dan ini melibatkan pembaziran, pembaziran sumber kita panggil ini.

Dan, ini saya ingat FELDA tidak mahu kerana bukannya senang, Tuan Yang di-Pertua hendak tanam semula ini, hendak bawa mesin masuk, memerlukan sumber kewangan yang banyak dan bukan mudah bagi peneroka secara berkelompok hendak mengumpulkan benda-benda ini. Kalau sudah melalui FELDA *scale* secara besar-besaran itu sudah ada, dan lebih murah. Di kawasan saya, hari ini saya menghadapi masalah 90% daripadanya yang buat sendiri ini tidak berjaya, gagal. Minta penjelasan.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Temerloh memberikan suatu contoh yang gagal. Itu di Pahang, kawasan Temerloh. Mungkin Yang Berhormat sendiri tidak cukup bagi rangsangan kepada peneroka untuk berdikari. Itu yang menyebabkan jadi gagal. Lain daripada yang di Terengganu. Di Terengganu, dalam kawasan FELDA Jerangau, ada 27 orang, ini contoh nyata, yang hendakkan hak milik kerana hendak berdikari, hendak buat sendiri, mereka mempunyai inisiatif, ada dia punya keupayaan untuk buat demikian tetapi sampai hari ini geran tidak dapat dikeluarkan.

Jadi, cuba bagikan kelonggaran ini, ini yang saya hendak sebut. Kenapa di Temerloh, Pahang diberikan suatu kelonggaran yang seperti itu tetapi tidak di Terengganu. Ini satu contoh lagi diskriminasi politik yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat. Diberikan kelonggaran kepada orang yang tidak mahu dilonggarkan, ini yang menjadi masalahnya. Meletakkan sesuatu tidak kena pada tempat. Yang hendak bebas tidak diberikan kebebasan, yang hendak jadi hamba diberikan kebebasan. Ini yang jadi masalahnya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya! Ada yang berdiri Yang Berhormat, Sri Gading. Hendak beri jalan?

Dato' Mustafa bin Ali: Ada lagikah Sri Gading ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada.

Dato' Mustafa bin Ali: Ada. Okey tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Dungun. Memang layaklah Dungun

menjadi Naib Yang di-Pertua PASlah. Dia punya main, dia punya pusing, putar-belit dia memang handallah, saya angkat topilah, Dungun ya! Kalau orang hendak buat baik, dia guna istilah 'hamba'. Jadi buruk sangat benda-benda yang untuk mencari kebaikan dia sebut 'hamba', tetapi misal kata gagal, yang hendak bebas itu gagal. Tetapi apabila Dungun menggunakan bahasa orang yang hendak bersama-sama dengan FELDA menjadi hamba. Ini tengok, PAS memang pakar tentang menggunakan perkataan-perkataan yang boleh memutarbelitkan ini. *[Disorak]*

Satu saya hendak minta Yang Berhormat bagi Dungun betulkan sedikit. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri rajin melawat FELDA ini, setahu saya, dia pergi makan di rumah-rumah FELDA di mana-mana negeri dia ada datang. Jadi, *statement* ini saya minta betulkan kerana nanti keluar di *Harakah*, Perdana Menteri Dr. M, tidak pernah melawat FELDA. Itu berita yang hendak disampaikan kepada orang-orang PAS ini. Jadi, saya hendak minta betulkanlah bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang ada hari ini antara Perdana Menteri yang kerap melawat FELDA. *[Tepuk] [Ketawa]*

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak betulkan. Kenyataan itu tidak betul sama sekali. Saya tidak mengatakan Perdana Menteri yang ada sekarang ini tidak pernah melawat FELDA tetapi saya menyebut secara *comparativenya* berbanding dengan Perdana Menteri yang sebelum ini, Perdana Menteri yang ada sekaranglah paling kurang. Dia pergi pun yang diprogramkan, bukan kerana rasa inisiatif dia hendak melihat penderitaan yang dialami oleh peneroka FELDA. Jadi, ini kena fahamlah Yang Berhormat bagi Sri Gading antara tidak pergi dengan jarang pergi secara *comparative*, secara perbandingan.

Saya tidak pernah mengatakan tidak pernah pergi tetapi

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop]: *[Menyampuk]*

Dato' Mustafa bin Ali: Itu peluru sesat, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Biasanya peluru sesat ini kita tidak layanlah. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan, saya menyebut tadi, saya kata bukan tidak pernah pergi, saya kata beliau pergi kerana ada kepentingan politik. Pergi bukan tidak pergi. Inilah supaya saya boleh membetulkan ini tetapi tidak betul kalau hendak katakan Perdana Menteri yang paling kerap, tidak betul, Tun Razak sebagai *pioneer*, inilah orang sebenarnya yang berjiwa rakyat tetapi yang ada hari ini, tidak tahulah jiwa yang barangkali macam Yang Berhormat bagi Tumpat sebut tadi ialah ada hak istimewa pun kalau boleh dibuangkan, walaupun mungkin ada persamaan kalau orang ini sudah – tempat-tempat yang tidak perlukan hak istimewa memang ada. Memang banyak pun yang tidak perlukan hak istimewa tetapi di mana yang perlu itu masih diperlukan tetapi hendak buang tongkat dalam keadaan si buta yang masih meraba-raba hendak buang tongkatnya, ini masuk longkanglah dia. Jadi, perlulah kita menyedari hakikat ini.

Saya menggunakan perkataan 'merdeka' kerana saya mengambil semangat dari – kita baru lagi sambut kemerdekaan Tuan Yang di-Pertua, lawan merdekanya jiwa hamba, jiwa merdeka, jiwa hamba, itu tidak salah. Jadi, Yang Berhormat bagi Sri Gading kena belajar sastera banyak sikitlah supaya memahami perkataan-perkataan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak inginlah untuk mengambil satu masa yang panjang untuk mengambil bahagian dalam pindaan akta ini cuma sebagai penutupnya saya harap yang pertama, perlu ada suatu kerjasama yang baik di antara Pusat dengan Kerajaan Negeri, khususnya negeri yang diperintah lain daripada parti yang ada di Pusat ini, negeri Kelantan, negeri Terengganu saya sebut cara mudah supaya urusan-urusan itu menjurus kepada soal untuk memberikan hak kepada rakyat untuk membela rakyat.

Yang kedua, salah satu daripada caranya ialah terimakanlah supaya ada wakil daripada Kerajaan Negeri untuk duduk dalam Lembaga Pengarah FELDA, KETENGAH supaya urusan-urusan yang berkait dengannya itu dapat dilakukan. Dan, ini soal tanah yang memang hak kerajaan negeri dan selain daripada itu jangan politikkan, jangan api-apikan peneroka yang mengatakan bahawa ini geran palsu, ini geran apa. Jangan api-apikan itu sebab ini merupakan satu pembohongan yang tidak baik dan merugikan peneroka.

Saya sambung sikit sebagai satu contoh tadi. Bila sudah geran tidak dapat, kita kata boleh tidak, kita akan selesaikan, mereka tidak sabar pula. Ada yang memakai *lawyer* bahawa geran ini hak mereka hendak dapat. Dahulu tidak mahu datang, ha! Ini pakai *lawyer*. Inilah, Tuan Yang di-Pertua.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: *[Bangun]*

Dato' Mustafa bin Ali: Boleh tidak apa tetapi saya hendak berhenti.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tertarik Yang Berhormat nyatakan bahawa tanah milik hak kerajaan negeri memang tidak boleh dinafikan. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat, kalau tanah itu memang tanah hak kerajaan negeri tetapi kalau satu bangunan yang dibina atas tanah itu di mana bangunan ini dibuat oleh peruntukan Persekutuan, tanah memang tanah kerajaan negeri tetapi bangunannya peruntukan Persekutuan. Jadi, dari segi adilnya bagaimanakah kedudukan bangunan tersebut? Adakah kerajaan negeri akan ambil tanah dan ambil bangunan sekali ataupun hendak dirobohkan bangunan itu serah kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi, hendak contoh banyak. Jadi, ini adilkah? Mentang-mentang tanah kerajaan negeri segala dengan bangunan-bangunan pun kata, ini kerajaan negeri punya.

Dato' Mustafa bin Ali: Sepatutnya beliau *lawyer* ini tahu, peguam tahu dia punya peraturan di bawah *National Land Code*, di bawah peraturan tanah. Saya sebut dari segi undang-undang dahulu, undang-undang kalau tanah itu hak kepunyaan kerajaan negeri segala yang ada dalam tanah itu – dari segi undang-undang saya sebut, adalah kepunyaan kerajaan negeri, tetapi yang disebut itu saya tidak tahu contoh apa yang dia hendak sebut. Mungkin barangkali, saya agak, saya boleh baca juga. Barangkali mungkin saya agak ini isu PERKAYA yang hendak disebutkan itu. Kalau tidak betul pun, mungkin dia boleh betulkan. Pasal ada laporkan perkara ini kepada polis. Ini contoh yang tidak baik bagaimana pemimpin-pemimpin UMNO Negeri Terengganu bermain politik.

Tanah kerajaan negeri – duit membangunkan bangunan itu juga duit kerajaan negeri. Tidak tetapi oleh kerana Persatuan PERKAYA ini yang menguruskan dan persatuan ini yang ada beberapa orang sahaja tidak dibenarkan orang masuk. Mesyuarat agung buat tetapi tidak diberitahu kepada orang lain. Ia terlalu eksklusif, tidak benarkan orang lain jadi ahli, maka dialah yang *control*. Tujuannya politik UMNO.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Larut bangun.

Dato' Mustafa bin Ali: Ini jadi panjang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bagi saya masa.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Dato' Mustafa bin Ali: Okeylah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kawasan saya pun ada FELDA juga, Yang Berhormat. Takziahlah tidak jadi Ketua Pembangkang.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, pengakuan Yang Berhormat. Pada satu ketika, sewaktu PAS berada dalam Barisan Nasional, menteri daripada PAS, tidak silap saya Yang Berhormat juga duduk dalam kementerian yang sama. Saya rasa yang jadi rosak FELDA ini ialah ketika PAS menerajui kementerian ini. Minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat. *[Ketawa]* Jangan nafikan.

Dato' Mustafa bin Ali: Ya. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya akui bahawa menteri pada masa itu, Almarhum Dato' Asri dan masa dialah FELDA itu bagus. *[Disampuk]* Daripada yang tidak ada pendidikan agama, dimasukkan guru-guru agama. Pemimpin UMNO tidak peduli masa itu. Orang tidak tahu agama pun tidak apa. Dia masukkan guru-guru agama. Tetapi selepas itu dia kata pula, "Ha, ini guru agama PAS ini nanti...." Ha, politiklah ini.

Jadi, Yang Berhormat bagi Larut ini mungkin dia tidak berapa tahu sangat tentang yang lama-lama ini. Dia dok asyik bola sahaja. *[Ketawa]* Jadi, tidak faham tentang FELDA ini. *[Disampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua orang bangun, Tanah Merah dan Larut.

Dato' Mustafa bin Ali: Saya bagi peluang kepada dia sekali lagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasihlah, Yang Berhormat pun minat bola juga. Janji bagi tanah bila menang. Apabila pasukan itu kalah, tidak tahu apa jadi, hujan di tengah hari.

Saya minta penjelasan, kalau ya, kata ya, apa salahnya. Pengakuan yang FELDA ini menjadi rosak dan berserabut sewaktu PAS menerajui kementerian ini termasuk Yang Berhormat. Itu sahaja saya minta. Janganlah merewang ke lain pula. Minta penjelasan.

Dato' Mustafa bin Ali: Okey.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau hendak nafi, nafikan. Kalau tidak, kata ya. Itu sahaja supaya orang tahu....

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:...ketulusan Yang Berhormat....

Dato' Mustafa bin Ali: Okey.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:...sebab Ketua Pembangkang tidak ada. Terima kasih.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya jawab. Tidak betul apa yang disebut itu. Saya tidak pernah berada dalam Kementerian Tanah yang menjaga FELDA tetapi Dato' Asri, ya. Saya tidak pernah duduk. Ha, itu satu. Itu jawab pendeklah itu. Kalau hendak jawab panjang, saya boleh bagi. *[Ketawa]* Tak apa, insya-Allah. Tetapi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tanah Merah bangun.

Dato' Mustafa bin Ali: Ada, ada, ha okey, baik.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk balik kepada permintaan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Dungun tadi supaya pihak yang berwajib mengekalkan tiga orang wakil kerajaan negeri di dalam KETENGAH tetapi saya lihat bahawa KETENGAH dan KESEDAR di Kelantan adalah mempunyai persamaan di dalam keanggotaan Ahli-ahli Lembaga Pengarah.

Kalau di hadapan kita ini ada dibekalkan dengan laporan tahunan terbaru KESEDAR 2000, kalau Yang Berhormat tengok pada muka surat latar belakang KESEDAR, mengikut Seksyen 51, Akta 203, 1978 (Pindaan), masih mengatakan bahawa KESEDAR terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, tiga orang wakil Kerajaan Pusat dan juga tiga orang wakil kerajaan negeri. Dan saya yakin Yang Berhormat bagi Tumpat dahulu pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Pengerusi KESEDAR. Dan kalau kita lihat dari segi peruntukan Perlembagaan ini belum lagi dipinda, belum lagi diubah suai tetapi mengapakah pihak kementerian hari ini tidak melantik atau tidak mengekalkan Perlembagaan ini iaitu melantik tiga orang wakil kerajaan negeri? Jadi, inilah gambaran yang ada pada kita pada hari ini. Saya minta penjelasan dan komen sedikit.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Itulah yang saya sebut. Kita telah secara rasminya, saya rasa kedua-dua Kelantan dan Terengganu mencadangkan inilah orang yang seharusnya duduk dalam KETENGAH terutamanya, supaya apa-apa perbincangan pun dapat disertai sama oleh wakil kerajaan negeri bersama Kerajaan Pusat. Bukankah itu baik untuk kita menyelesaikan masalah. Tetapi apa yang kita kemukakan ini tidak dilayan oleh menteri yang berkenaan sampai hari ini. Inilah masalahnya, inilah politik

sebenarnya. Mereka hendak bermain politik tetapi dengan menggunakan rakyat yang menjadi korban kepada politik ini.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiu bangun.

Dato' Mustafa bin Ali: Ya.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Dungun. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa UMNO dan khususnya Barisan Nasional memang tidak hendak bagi rakyat merdeka melalui pemberian tanah. Contohnya di negeri Terengganu baru-baru ini, ketika kita menyambut Hari Kemerdekaan, seluruh negeri berkumpul di bawah Tuanku Sultan untuk menyambut kemerdekaan, tetapi UMNO mengadakan Majlis Kemerdekaan sendiri di daerah-daerah, menggunakan gajah, unta dan sebagainya.

Jadi, adakah ini merupakan satu pendekatan UMNO sebenar untuk mempertahankan kuasa mereka dengan tidak memberi hak milik kepada peneroka-peneroka supaya fenomena ini akan terus, maknanya UMNO akan terus berkuasa. Terima kasih.

Dato' Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Setiu itu benar beberapa tempat diadakan sambutan merdeka berasingan. Di Besut ada, di Setiu ada, di sekolah teknik di Jabi dan di KETENGAH dengan cara-cara yang berlainan yang disambut merdeka itu dan inilah peneroka-peneroka perpecahan sebenarnya yang berlaku sekarang. Tadi kita bercakap tentang peneroka FELDA, ini peneroka perpecahan yang diadakan oleh pemimpin-pemimpin ini. Memang tujuannya politik. Sepatutnya ini tidak berlaku.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Lipis bangun.

Dato' Mustafa bin Ali: Lipis, mana? Saya tidak nampak. Ha, ya, ya.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Terima kasih Datuk Speaker. Saya rasa kita sudah pergi terlalu jauh daripada *Group Settlement Act* ini. Kita sepatutnya membincangkan secara serius mengenai pindaan-pindaan kepada seksyen 7, 12, 14, 15 dan 16 di bawah GSA ini. Saya rasa baiklah kita pergi kepada perkara yang lebih serius, terutamanya Ketua Pembangkang, hari ini hari pertama dia jadi Ketua Pembangkang. Sudah hendak bawa jauh sampai terbawa kepada soal sambutan merdeka yang mana tidak ada kaitan lalu dengan *Group Settlement Act* ini.

Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua, kita jangan terbawa-bawa oleh pihak pembangkang ini. Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan minta penjelasanlah. Minta Speaker nasihatkanlah. Baiklah.

Dato' Mustafa bin Ali: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Balik kepada tajuklah.

Dato' Mustafa bin Ali: Ya, saya memang bercakap tentang tajuk tetapi Yang Berhormat bagi Tanjung Karang yang bawa ke lain tadi. Saya respons kepada dia. Yang Berhormat bagi Sri Gading bawa ke lain, saya terpaksa respons juga. Jadi, saya hanya respons kepada apa yang disebut. Sekarang ini hendak balik.

Yang merdeka ini pun tidak lari juga sebenarnya sebab sambutan itu dibuat atas tanah, atas bumi, Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* kalau hendak bercakap tentang tanah dalam pengertian yang luas. Tetapi memanglah, perkara yang seumpama ini sepatutnya kita fokus. Saya hendak fokuslah ini tetapi terpaksa saya layan juga yang tanya tentang pasukan bola tidak dapat tanah. Ha, ini tidak ada kena-mengena.

Tetapi saya suka menjelaskan, kerajaan negeri sudah bagi tanah kepada pemain bola yang menang. *[Tepuk]* Sudah bagi pun. Yang kalah, tidak ada dunia yang bagi kepada yang kalah. *[Ketawa]* Ini satu perkara biasa.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk meredakan keadaan, saya tadi sudah hendak berhenti, Tuan Yang di-Pertua sebenarnya. Saya sudah sebut tadi beberapa saranan saya supaya soal-soal rakyat, soal peneroka dan soal GSA dapat diselesaikan dengan cepat, mestilah ada hubungan yang baik di antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri.

Kita telah mengambil suatu pendekatan yang sangat *conciliatory* daripada kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat dalam banyak hal, tetapi Kerajaan Pusat yang mengambil suatu pendekatan yang *confrontational*. Jadi, saya haraplah supaya sikap dalam konteks *federalisme*, dalam konteks kita dalam sebuah kelompok keluarga yang besar, kita balik semula bahawa matlamat kita ialah untuk membangunkan negara ini, untuk membangunkan rakyat kita, yang kita adalah bertanggungjawab kepadanya tetapi bukan bermain politik dengan mengorbankan rakyat dan segala-gala, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhamad bin Mustafa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Peringat bangun.

Dato' Mustafa bin Ali: Ha, *lastlah*, *lastlah*.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada sedikit sahaja soalan iaitu bagaimana pendirian negeri kalau sekiranya pihak FELDA ataupun Kerajaan Pusat masih berdegil dengan sikapnya tidak mahu melantik tiga orang wakil kerajaan negeri untuk menduduki Ahli Lembaga itu? Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan negeri? Terima kasih.

Dato' Mustafa bin Ali: Bagi negeri Terengganu, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kesabaran yang telah ada kepada kita ini sudah sampai hampir tiga tahun. Memang tidak dilantik tetapi kita kata tidak apalah, itu satu sikap yang diambil oleh Kerajaan Pusat tetapi kita tidak balas dengan satu sikap yang lain. Kita tidak balas kepada mereka dengan perkara yang tidak baik dengan yang tidak baik juga tetapi kita lemparkan dengan yang baik.

Tanah FELDA walaupun kita tidak ada dalam, kita selesaikan. Kita selesaikan masalah tapak-tapak tanah sekolah. Yang diminta itu, sekolah. Sudah berpuluh yang kita selesaikan. Walaupun dahulu disebut bahawa ia tidak diselesaikan dan berdasarkan kepada laporan yang kita terima, Terengganu adalah di antara yang paling banyak memberikan tanah untuk tapak sekolah dibandingkan kepada negeri-negeri yang lain di dalam tahun-tahun terakhir ini. Inilah laporan rasmi daripada kerajaan.

Jadi, kita tidak bermain politik tetapi kita mahu supaya Kerajaan Pusat juga, atas nama kepentingan rakyat, kepentingan negara dan kekeluargaan kerana agama kita mengajar demikian. Tidak usahlah kita bermain politik yang mengorbankan segala-galanya. Biar kita balik, kita adakan kerjasama dalam perkara yang kita boleh bekerjasama untuk kebaikan rakyat kita. Yang terpaksa kita berbeza, kita berbeza.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang hendak minta *lastlah* sebelum penutup. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tetapi kalau hendak kira perjuangan rakyat ini memang tidak boleh dikaitkan dengan politik. Tetapi tadi soalan yang saya tanya, saya pun faham. Segala apa yang ada di atas tanah itu memang hak tuan tanah. Yang saya tanya tadi dari segi politiknya. Adakah adil kalau kata bangunan itu dibina oleh orang lain, tuan tanah boleh ambil semuanya, dan yang saya hendak tanya kalau betul-betul ikhlas untuk perjuangan rakyat, mengapa bangunan-bangunan KEMAS, pelajar-pelajar daripada Tadika KEMAS ini, saya sendiri lihat dan saya sendiri pernah pergi ke tempat-tempat tersebut. Mereka ini dinafikan hak mereka untuk belajar serta-merta ini kerana KEMAS ini dianggap kakitangan kerajaan.

Dan kalau betul-betul jujur, mengapa sudah elok Kerajaan Pusat tubuhkan JKK, tetapi kerajaan negeri tubuhkan pula JSR? Jadi, apabila kena kepada pembangkang, negeri hendak faedah, suruh kita ikut. Tetapi pembangkang di negeri banyak timbulkan masalah, tidak disebutkan. Itu barulah hendak adil, Yang Berhormat.

Dato' Mustafa bin Ali: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tanjung Karang kerana membangkitkan perkara ini dan memberi peluang kepada saya untuk memberikan penjelasan.

Yang pertama, berhubung dengan masalah bangunan KEMAS, saya rasa Yang Berhormat bagi Tanjong Karang ketinggalan zaman. Cuba *check* dengan KEMAS Negeri Terengganu, masih ada beratus-ratus buah lagi balai raya yang masih digunakan oleh KEMAS sehingga kini, kita tidak halau pun. Tetapi yang nampak dalam TV itu yang disiarkan, antaranya ada satu, dua yang dikehendaki keperluannya untuk negeri dan kami telah berbincang dengan KEMAS, KEMAS pun sudah bersetuju, ada satu tempat lain, tetapi sengaja dibawa oleh TV ini sewaktu budak-budak hendak pindah. Itulah waktu yang diambil oleh TV ini.

TV ini satu hal juga. Yang jaga TV sudah bukan menteri sekarang ini. Setiausaha Parlimen yang jaga TV sekarang ini. [*Ketawa*] Yang tidak ada kawasan pun. Ha, itu dia.

Jadi ini berhubung dengan KEMAS. Kemudian yang berkait dengan tanah tadi, saya tidak tahu apa yang spesifik yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, tanah dengan bangunan. Kalau "Pekaya", itu telah saya jelaskan. Saya tidak tahu apa yang dimaksudkan dengan contoh-contoh yang diberi, saya bersedia untuk dengar apa contoh yang spesifik apa dia, di mana yang kalau saya tahu, boleh saya jelaskan, tidak tahu saya boleh balik *check* kalau yang mengenai dengan negeri Terengganu. Tetapi jangan pukul rambang begitu. Sebagai seorang yang tahu undang-undang patutnya lebih berhemat tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun lagi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya ingat saya tidak boleh spesifik. Yang Berhormat pun sudah sebut tadi ada juga berlaku dua tiga tempat contohnya paling senang, banyak lagi contoh, tunggu, nanti saya akan beritahu, saya ada bukti semuanya. Tetapi Yang Berhormat sendiri sudah mengaku bahawa memang pernah berlaku bahawa budak-budak KEMAS ini diusir, apakah tidak ada bangunan lain?

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat sendiri yang menyatakan tadi dan yang tadi yang dinyatakan JKK ini pun Yang Berhormat belum lagi jawab. Kemudian kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun tidak betul. Setiausaha Parlimen baru lagi, tetapi kes yang masuk TV ini sebelum Setiausaha Parlimen dilantik lagi. Jadi yang janganlah main sapu semua sama rata sahaja.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya kata Yang Berhormat bagi Tanjong Karang tidak ada fakta yang sebenarnya dan fakta yang sebenarnya sudah saya sebutkan tadi bahawa memang sudah ada. Kita sudah panggil perbincangan awal dengan KEMAS, kita minta di mana-mana barangkali yang kita oleh kerana keperluan balai raya ini ialah pada asasnya keperluan komuniti, masyarakat setempat dan apabila ianya diperlukan, kita bincang kepada KEMAS di mana KEMAS ambillah masa sebab KEMAS ini banyak duit, kita hendak buat balai raya lain pun tidak ada duit kerana royalti kita sudah dirampas. Jadi kita kata okey, cari satu tempat, berunding dengan baik sehinggalah tempat itu ada, kita tidak akan menghalau KEMAS ini daripada balai raya dan sehingga itu saya kata beratus-ratus dengan kita tidak suruh keluar kerana mereka belum cari lagi tempat walaupun duit ada. Ke mana duit pergi, saya tidak tahu tetapi mana yang telah dapat diselesaikan, okey kita pindah. Tetapi waktu hendak pindah, itulah yang TV datang. Kalau mereka tidak ada tempat, hendak pindah mana? Mesti barangkali duduk bawah pokok tetapi diambil gambar itu sedemikian rupa.

Yalah, Yang Berhormat kena *check* sikitlah apa budak-budak Yang Berhormat bekerja di Terengganu itu, maklumat yang diterima itu tidak tepat. Banyak yang buat maklumat yang tidak tepat. Yang Berhormat boleh datang ke Terengganu, saya boleh tunjukkan, kerajaan boleh tunjukkan di mana, boleh bincang pun. Inilah masalah Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya tidak mahu datang untuk menyelesaikan masalah. Datang pun ikut pintu belakang, orang tidak tahu. Yang bagus saya hendak beritahu, antara yang datang betul-betul datang untuk berbincang ialah Pengerusi TNB. Saya ada perkara yang tidak berbeza dengan dia [*Tepuk*] tetapi TNB, dia datang berunding

betul. Ada keperluan, kita bagi. Hendak tambah Kenyir Dam, tambah, kita bagi, tidak ada masalah. Ini, dia boleh *testify* benda ini, yang lain-lain itu yang tidak tahu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih. Sahabat saya Yang Berhormat bagi Tanjung Karang membangkitkan benda yang memang terjadi. Sebagai contoh, saya dikhabarkan sebuah tadika KEMAS di Kuala Terengganu diambil daripada Jawatankuasa KEMAS dan JKKK lama oleh 'jawatankuasa seksa rakyat' ataupun jawatankuasa baru yang baru ditubuhkan oleh kerajaan PAS itu. Akhirnya bangunan itu tidak juga digunakan oleh jawatankuasa berkenaan. Saya dengar khabar dilelongkan kayu bangunan itu. Jadi sudahlah anak-anak kita teraniaya, tidak dapat hendak belajar, masyarakat juga tidak menggunakan kerana jawatankuasa itu lelong bangunan itu sehingga sebenarnya menjadikan kelam kabut di dalam masyarakat itu di bawah pentadbiran jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kerajaan PAS dan sebenarnya apa yang sedang berlaku di Terengganu hari ini benar-benar memberikan kesan yang sangat negatif kepada rakyat atas pentadbiran dan ketidakadilan kerajaan PAS yang memerintah Terengganu. Jadi ini kes betul, jadi saya harap Yang Berhormat sahabat saya bagi Dungun jangan nafikanlah. Memang berlaku kezaliman di bawah pemerintahan kerajaan PAS yang ada ini.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya kena betulkan apabila fakta itu tidak betul. Yang Berhormat sendiri pun sebut dikhabarkan, memang inilah contoh pemimpin yang bercakap tanpa fakta sebenarnya, dikhabarkan, "khila" kata orang Arab, kata ini tidak boleh dipakai. Dikhabarkan, boleh jadi ya, boleh jadi tidak betul, boleh jadi betul ataupun tidak betul. Saya beritahu itu fakta yang tidak betul dan saya hendak minta boleh datang ke Terengganu dan tunjukkan di mana tempat itu, tidak timbul kelam kabut di Terengganu dari segi rakyat. Yang timbul kebencian sekarang ini orang benci kepada UMNO kerana karenah-karenah yang dilakukan oleh UMNO bukan kepada kerajaan *[Tepuk]* Jadi sebab itu tidak berbangkit perkara yang ditimbulkan itu kerana semuanya tanpa fakta. Saya beritahu fakta yang benar, benar, yang tidak benar adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, jadi akhirnya saya pun hendak bagi peluang juga kepada yang lain.

Tuan Muhamad bin Mustafa: *[Bangun]*

Dato' Mustafa bin Ali: Ada yang bangun lagi Yang Berhormat ya.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat. Ini yang akhirlah saya tanya ini. Yalah kalau kita kumpulkan semua apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri sebagaimana "khila" tadi. Katakanlah benda itu berlaku pengambilan oleh Kerajaan Negeri Terengganu terhadap beberapa perkara yang misalnya dari segi bangunan dan sebagainya. Kalau hendak dikumpulkan semua sekali kes-kes tadi kalau dibandingkan kes penarikan balik royalti minyak Terengganu itu, mana lebih besar? Kalau hendak bandingkan semua sekalilah. Sekian, terima kasih.

Dato' Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sekadar respons kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, royalti minyak yang ditarik ini merupakan 75% daripada sumber hasil negeri. Kalau diibaratkan sebuah kereta itu ada empat tayar, negeri Terengganu berjalan dengan satu tayar, tiganya telah dirampas oleh Kerajaan Pusat. Tetapi alhamdulillah dengan satu tayar pun berjalan dengan lebih laju daripada yang ada empat tayar dahulu, alhamdulillah. Ha, inilah kehebatan kerajaan Terengganu yang ada sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau pakai satu tayar bahaya. *[Ketawa]*

Dato' Mustafa bin Ali: *[Ketawa]* Ya, itu contoh Yang Berhormat. Walaupun tayar itu tidak nampak tetapi ada hantu di bawah *[Ketawa]*, ya, ya, ada hantu yang kita ambil daripada Pendang, daripada Anak Bukit yang Perdana Menteri sebutkan itu. Bukan duduk di sana, kita bawa ke Terengganu hantu itu. Mereka yang tampu tayar itu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi akhirnya saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian yang mengemukakan pindaan-pindaan yang positif kepada akta ini di samping beberapa peringatan bahawa perlunya beberapa isu itu perlu diaddresskan, diselesaikan dan dilihat secara lebih teliti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Pilah.

12.28 tgh.

Datuk Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini iaitu berkenaan dengan meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

Sebenarnya, pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang begitu prihatin kepada kaum wanita. Syabas dan tahniah kepada kementerian. *[Tepuk]* Memang betul ini adalah sesuatunya yang kita kaum wanita memohon kepada kerajaan dan ini saya perhatikan selepas selanjutnya kita meminda perlembagaan iaitu Perkara 8(2) itu, kita dapati banyak perkara yang rasa saya banyak memberi faedah kepada kaum wanita. Ini menunjukkan iaitu Barisan Nasional ini lain daripada kerajaan seperti di Kelantan dan Terengganu. Nama pun saya sudah lupa pula. Kelantan dan Terengganu yang tidak memberi perhatian yang setimpal, yang seadil-adilnya kepada kaum wanita.

Alhamdulillah hari ini kita, saya sokong Akta Tanah Kawasan.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Datuk Napsiah binti Omar: Ya adikku Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan hujah kakak saya bagi Kuala Pilah bahawa UMNO, Barisan Nasional membela wanita, alhamdulillah, sebab tokoh seperti kakak saya ini, menteri dahulu, di sana ada Setiausaha Parlimen, saya tengok sebelah sana ada perempuan atau tidak? Yang ada DAP, itu pun sudah tidak berkawan, tidur tidak sebantol sudah. Yang sebelah sana, parti PAS ada wanita? *[Disampuk]* Kalau ada pun hak pun hendak ditarik balik, bukan hendak beri pandangan. Saya tidak tahulah macam mana sekarang ini bila Ketua Pembangkang dari Terengganu pula pemilihan bertukar, takut lagi teruk ketua parti baru ini sebab nampak hari ini sepatutnya ketua pembangkang yang bercakap tetapi jawatan Ketua Pembangkang macam diambil alih oleh kawan sendiri bagi Terengganu, saya pun tidak tahu apa jadi ini. Tidak tahulah Ketua Pemuda PAS ini hendak membiarkan Ketua Pembangkang di *'hi-jack'* oleh orang lain, saya pun tidak tahu.

Datuk Napsiah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Memang kita prihatin dan kita di dalam UMNO memang kita beri tempat yang sewajarnya kepada kaum wanita. Tidak seperti sesetengah negeri itu di mana dikatakan wanita tidak boleh bekerja, wanita hanya, ha.... kalau saya cakap panjang lebar pula Yang Berhormat ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Teruskan, teruskan.

Datuk Napsiah binti Omar: Di sesetengah negeri itu wanita tidak langsung diberi kerja, hanya dipilih-pilih pula, wanita yang buruk sahaja boleh bekerja, yang cantik, yang lawa tetapi saya difahamkan negeri itu negeri yang bertunjangkan kepada agama Islam iaitu kita ini lahir sama sahaja, sama cantik, sama lawa, tidak ada yang buruk, tidak ada yang hodoh tetapi negeri Kelantan melihat wanita itu hodoh kalau bekerja. Mereka lupa ada sesetengah kerja itu memangnya wanita itu harus bekerja seperti misalnya jadi bidan. Saya pernah ceritakan cerita ini dalam Dewan dahulu. Kalau wanita tidak diberi bekerja, yang selalunya orang bersalin ini Tuan Yang di-Pertua, waktu malam. Saya pun tidak tahu kenapa waktu malam sahaja orang banyak bersalin. Kalau wanita tidak diberi kerja, seorang isteri yang hendak bersalin itu kalau misalnya waktu malam dan bila bidan yang datang itu berjanggut dan bermisai, saya rasa anak yang hendak keluar pun tidak jadi keluar, sebabnya ini hanya saya perhatikan di negeri Kelantan ini berlaku kerana wanitanya tidak diberi kerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung berkenaan dengan pindaan ini. Saya sebenarnya memang menyokong dengan pindaan ini dan harap ini akan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Hanya beberapa soalan yang timbul misalnya

saya perhatikan di dalam hendak meminda Seksyen 14 Akta 530 untuk membenarkan pemegang desa kepada kawasan tanah berkelompok diberi hak milik kepada dan dipegang oleh tidak lebih daripada dua orang pemegang. Di sini tidak dinyatakan sama ada wanita atau lelaki yang dua orang pemegang itu. Saya takut juga kalau di dalam mentadbirnya nanti, ada penipuan yang akan berlaku di mana orang yang dikatakan isteri pertama itu sebenarnya ialah isteri kedua atau ketiga, yang ini akan menjadi kerungsingan kepada wanita kerana hari ini kita diperhatikan di kawasan FELDA, sungguhpun Yang Berhormat telah mengatakan tadi hak mereka akan terjamin kerana kita akan menentukan mereka yang sesama masuk mengusahakan tanah ini iaitu dengan rujukan kepada tanah FELDA.

Kadangkala saya perhatikan dan ini ramai juga wanita yang telah mengadu dengan keadaan mereka di mana didapati telah menduduki rancangan mungkin dalam tiga bulan, enam bulan ataupun setahun didapati suami ini menghilangkan diri kerana mereka tidak tahan bekerja dalam rancangan, maka isteri ini dibenarkan untuk duduk di rumah di dalam rancangan dan seterusnya mengusahakan ladang itu dan membesarkan anak-anak mereka.

Saya difahamkan bila waktu hendak memberi geran tanah ini kepada peneroka setelah selesai segala hutang-piutang, didapati suami ini kembali dengan isteri yang baru dan berderet anak-anak yang baru. Jadi persoalannya, saya difahamkan waktu itu juga si suami ini tadi masuk ke rumah rancangan yang lama dahulu dan mengusir isterinya yang lama, yang mengusahakan tanah ini kerana nama dia di atas geran itu dan dia mengatakan, dia berhak untuk mendapat geran tanah ini. Ini persoalannya.

Saya ingin membuat cadangan di sini, iaitu FELDA membuat kajian yang cukup teliti supaya isteri yang pertama yang ditinggalkan ini, yang mengusahakan tanah ini sepatutnyalah diberi hak milik tanah ini tadi dan bukannya suami yang masuk bersama-samanya itu kerana suami ini tidak lagi bekerja bersama ataupun mengusahakan tanah ini tadi. Jadi, itu satu permintaan saya.

Yang keduanya, saya ingin juga hendak membuat cadangan kepada Yang Berhormat Menteri supaya dipanggil balik semua bekas-bekas isteri ini, yang mana telah ditinggal atau diceraikan oleh suami separuh jalan tetapi mereka juga berusaha untuk menjayakan rancangan ini, kerana perkara ini memang berlaku dan saya tengok juga di kawasan-kawasan ini kerana setelah mereka mengusahakan tanah dan sudah tentunya selepas rancangan itu sudah sedia, sudah mengutip hasil, Tuan Yang di-Pertua, suami ini tadi mendapati tangan isteri yang pertama tadi sudah keras, jadi dia cari pula tangan yang lembut, ha.. [Ketawa] Jadi bila ini berlaku, kepada siapakah tanah ini hendak diberi nanti?. Jadi ...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin bangun.

Datuk Napsiah binti Omar: Yang Berhormat Rompin bangun? lalah. Adik saya. [Ketawa]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak faham tentang istilah "tangan keras" dan "tangan lembut" ini. Tetapi saya difahamkan, pihak di sebelah sana dia mencari tangan lembutnya jauh sampai ke Kemboja. [Ketawa] Ini saya hendak bertanya sedikit. Saya bimbang dua orang di sebelah sana [Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Pokok Sena dan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah] Baru-baru ini kedua-duanya, baru dengar cerita, baru balik semalam atau kelmarin dari Kemboja, yang dua orang di sebelah sana [Ketawa]

Datuk Napsiah binti Omar: Saya dengar-dengar begitu juga cari "tangan lembut" di Kemboja, mungkin. [Ketawa] Jadi, Tuan Yang di-Pertua dan juga Menteri di dalam kementerian, saya berharaplah bersama-samalah kita mentadbirkan tanah ini dengan keadilan.

Saya juga lihat tentang pindaan yang kita buat ini, bila saya perhatikan iaitu misalannya lagi, meminda Seksyen 15 Akta 530 ini juga di mana pegangan desa dipegang oleh seorang pemegang dan isteri, bekas isteri atau waris kadimnya sebagai pemegang bersama.

Di sini timbul juga persoalan, iaitu di masa-masa akan datang dan mungkin di waktu ini juga, saya teringat dahulu di sebelah Johor ada juga kerajaan negeri memberi tanah kepada orang remaja – belia dan beliawanis, waktu itu belum lagi bersuami atau belum lagi beristeri, kalaunya kita lihat daripada pindaan ini, hanya tanah itu dipegang oleh si suami sahaja, bagaimana pula si isteri kalau dia memegang tanah? Dan juga saya perhatikan di sini kebanyakan tanah-tanah ini diberi kepada kaum bapa sahaja, kenapa tidak diberikan juga kepada kaum wanita? Kerana kita perhatikan, sudah kita tengok, jelas di rancangan-rancangan FELDA, di mana kaum wanita juga boleh menguruskan, boleh menjaga kebun-kebun getah dan juga ladang-ladang kelapa sawit. Yang ini saya berharap, bila kita buat pindaan ini hendaklah juga kita ini “*gender sensitive*” terhadap perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak ingin hendak banyak bercakap. Sekali lagi saya hendak mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana rasa saya begitu prihatin Kerajaan Barisan Nasional terhadap semua rakyatnya di negara kita ini. Saya ingin juga hendak dengar tadi, rasa saya tidak sedap juga didengar daripada pihak pembangkang tadi yang mengatakan perkara-perkara yang tidak benar, seperti Perdana Menteri tidak pernah pergi ke ladang FELDA. Sebenarnya, perlu dan saya pun pernah melihat Yang Amat Berhormat pergi ke beberapa rancangan, duduk bersama, naik rumah dan bertanya khabar kepada peneroka-peneroka dan dia juga prihatin terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh peneroka. Tetapi tidak tahulah saya, pandangan orang pembangkang ini memanglah agaknya kerjanya untuk membangkang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya tidak ada lagi yang saya hendak bercakap. Sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah dan terima kasih dan saya menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Fong Kui Lun: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan.

12.41 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sedikit pertanyaan hendak dikemukakan. Walaupun kawasan saya tiada kawasan penempatan berkelompok tetapi ini menarik minat saya juga. Bolehkah saya bertanya kepada kerajaan, apakah bezanya “pegangan desa” dengan “pemilik tanah”. Jikalau di desa mungkin ia dipanggil “pegangan” tetapi di bandar ia dipanggil “pemilik tanah”, dan sekiranya tiada perbezaan, maka pindahan milik seperti yang dipraktikkan, ia memerlukan satu tempoh yang agak lama. Misalannya di bandar, apabila hendak membuat satu pemindahan milik, maka ia akan memerlukan lebih kurang tiga bulan untuk Jabatan Penilaian membuat penilaian harga tanah itu dan selepas mendapat penilaian harga ini maka ia boleh dikenakan *stamp duty* sebanyak mungkin 1%.

Walaupun saya pernah membangkitkan perkara ini, saya merayu kepada kerajaan untuk mengecualikan *stamp duty* ke atas pindahan milik oleh bapa keluarga atau bapa yang hendak memindah milik kepada anaknya atau bapa hendak memindah milik kepada isterinya, ia dikenakan juga *stamp duty*. Dan perkara ini berlaku kepada rang undang-undang yang kita sedang bincangkan ini.

Saya juga hendak bertanya “pegangan desa” ini kini boleh dipegang oleh dua orang sahaja. Mungkinkah ini akan menimbulkan masalah kepada keluarga kerana sekiranya seorang bapa mempunyai lima atau enam orang anak atau dua isteri tetapi seorang sahaja anak atau seorang sahaja isterinya boleh dinamakan untuk pegangan bersama, maka anak-anak yang lain itu akan merasa tidak senang hati kerana *share* mereka atau pembahagian mereka itu tidak dilindungi.

Sekian sahaja yang saya hendak bertanya.

Tuan Fong Kui Lun: [*Bangun*]

Tuan Saupi bin Daud: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

12.44 tgh.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengambil bahagian di dalam membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, yang mana tujuan utama pindaan ialah membenarkan isteri, bekas isteri atau waris kadimnya sebagai pemegang bersama di samping suami. Jika sekarang pemegang tanah ialah atas nama suami seorang sahaja tetapi mulai pindaan ini, ia dibolehkan dipegang oleh tidak lebih daripada dua orang.

Saya mendapati maksud pindaan ini adalah baik dan wajar dialu-alukan, iaitu sebagai satu cara perlindungan hak seseorang isteri dan selama hidup bersama suami mendapat hak atas tanah yang mereka terokai dan kerjakan secara bersama. Ia boleh disifatkan sebagai harta sepencarian yang melindungi isteri jika terjadi perceraian antara mereka maka bekas isteri masih berhak ke atas tanah tersebut. Tidaklah boleh si isteri keluar rumah sehelai se pinggang tanpa mendapat apa-apa bahagian hasil dari tanah tersebut. Selama ini kejadian suami berkahwin muda dan isteri tua diketepikan atau dianiayai yang berlaku dalam tanah-tanah rancangan FELDA atau tanah berkelompok patut benar diberhentikan kerana selama ini si isteri terpaksa bekerja keras membanting tulang membantu suami di tanah tersebut. Pada akhirnya mereka tidak mendapat apa-apa bila terjadi perpisahan.

Tuan Yang di-Pertua, tanah GSA atau *Group Settlement Area*, ialah satu pemberian kerajaan kepada bekas tentera atau polis yang berjuang membantu kerajaan menentang komunis pada sesuatu waktu dahulu. Di samping ia suatu usaha kerajaan membuka tanah kerajaan untuk menempatkan kelompok rakyat yang tidak mempunyai tanah, seperti rancangan FELDA dan FELCRA. Hari ini tanah-tanah rancangan tersebut muncul di seluruh negara sebagai ladang terbesar di negara ini dalam menghasilkan keluaran pertanian untuk negara. Kita mengakui peranan dan sumbangan peneroka tanah rancangan kerajaan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tetapi hari ini hampir setiap tanah rancangan menghadapi masalah generasi kedua atau pelapis yang tidak mahu meneruskan kerja ibu bapa mereka. Kerja di ladang atau di kebun pada dewasa ini diupah kepada orang lain sama ada oleh pekerja tempatan, dipajak atau dijalankan oleh pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, jika tiada langkah menyelamat diambil segera, lambat-laun tanah rancangan terbiar tanpa dikerjakan golongan muda generasi kedua masyarakat rancangan tidak berminat lagi dengan kerja-kerja pertanian. Mereka tidak merasa selesa dengan gelaran peneroka, pekebun kecil atau peladang. Mereka lebih gemar membuat pekerjaan bukan di ladang atau pertanian. Lari ke bandar membuat berbagai-bagai pekerjaan lain. Kerajaan silap kerana tidak menyediakan pelapis masyarakat tanah rancangan.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat peneroka tanah kerajaan hanya mampu menjadi pekerja pertanian sahaja di negara. FELDA atau FELCRA atau kerajaan negeri tidak mampu melahirkan masyarakat tanah rancangan berkelompok sebagai peladang berjaya dan kaya. Mereka hanya memberi upah - ada masa lumayan, ada masa cukup untuk menampung keperluan asas harian sahaja. Untuk hidup mewah mereka terpaksa membuat kerja-kerja sampingan seperti berniaga menjadi kontraktor atau sebagainya. Untuk hidup mewah mereka mampu memberi, menghantar anak-anak mereka mendapat pendidikan tinggi masih berkurang.

Generasi kedua masyarakat tanah rancangan atau desa sudah terdedah dengan ancaman najis dadah dan keruntuhan akhlak muda-mudi. Masyarakat desa tanah rancangan mudah diresapi dengan gejala sosial. Walaupun pencapaian ekonomi menjadi buruan namun ia gagal menangkis serangan gejala sosial. Berbalik kepada mengekalkan masyarakat peneroka tanah rancangan, usaha hendaklah diatur atau diperkenalkan supaya generasi kedua dapat balik semula ke desa.

Jangan jadi projek pembasmian kemiskinan luar bandar peruntukan berjuta-juta disalurkan, tetapi ia disalahgunakan oleh golongan tertentu. Program untuk desa hendaklah berupaya meyakinkan generasi kedua tentang peluang keemasan dan menunggu mereka di tanah rancangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dipersetujui semakan hak ke atas tanah berkelompok adalah cara mengeluarkan sijil selain memegang ke atas lot-lot tanah. Pegangan tanah di desa atau di tanah berkelompok hendaklah dikeluarkan dalam

bentuk surat hak milik secara geran atau secara berasingan seperti geran tanah yang lain-lain kepada peneroka atau pemiliknya.

Sebagai geran milik diasingkan ianya pasti mempunyai nilainya yang tinggi dan boleh dipindah milik semasa mereka, keluarga atau mana-mana pihak yang berminat menjadi peneroka atau pengusaha tanah berkelompok. Dengan demikian IKS dapat dibawa masuk ke tanah tersebut yang boleh memberi peluang pekerjaan kepada penduduk dan generasi kedua mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

12.51 tgh.

Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama membincangkan atau membahaskan Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) atau GSA (Pindaan) 2002.

Terlebih dahulu saya ingin sebelum mengulas kepada pemberian geran yang dicadangkan oleh pihak kerajaan dan memasukkan nama-nama sebagaimana huraian yang diberikan. Saya ingin melihat bahawa sistem pembukaan tanah di bawah GSA di Malaysia ini ada bermacam-macam cara. Jadi kita kena melihat dahulu sistem ataupun perancangan pembukaan tanah itu sendiri kerana ianya berbeza di antara FELDA, FELCRA, KESEDAR, KETENGAH dan sebagainya, termasuk juga KEJORA, PERDA dan lain-lain lagi agensi pembangunan tanah kerajaan.

Saya mengambil contoh dari segi keluasan tanah itu sendiri berbeza. FELDA umpamanya yang kita tahu bahawa pembukaan tanah FELDA yang telah mencapai umur 45 tahun sekarang ini di mana sistem FELDA ini diperkenalkan. Ianya masih lagi mengekalkan sistem tanaman sawit dan getah. Keluasan FELDA bagi setiap kaum peneroka adalah 10 ekar tetapi keluasan ini berbeza kerana kalau kita lihat dengan keluasan-keluasan tanah yang dibuka. Umpamanya saya mengambil contohlah kerana saya terlibat dengan kawasan saya iaitu kawasan KESEDAR Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan yang ditubuhkan di bawah Akta 203 1978.

KESEDAR sendiri mempunyai dua konsep pembangunan tanah. Pertama sekali pada tahun 1978 apabila Kerajaan Barisan Nasional menang di Kelantan. Pembukaan tanah KESEDAR ini dibuat secara tergesa-gesa tanpa mempunyai *indicate plan* dan ini adalah sebagai hasrat kerajaan memenuhi kehendak rakyat, cita rasa rakyat bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah menang dan sistem pembukaan tanah, kerana rakyat memerlukan tanah maka dibuka tanah. Tanah yang dibuka oleh KESEDAR ini sekarang mempunyai 10 rancangan kemajuan tanah dikenali sebagai RKT, Rancangan Kemajuan Tanah dan melibatkan kawasan sebanyak 18,400 hektar yang melibatkan juga seramai 2,288 orang peneroka.

Kalau kita lihat Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR ini yang dibuka di bawah GSA ianya mempunyai konsep yang berlainan dengan FELDA. Pertama sekali kerana untuk menyelesaikan pada masa itu rakyat Kelantan yang inginkan tanah dan ingin memasuki tanah-tanah rancangan, maka pihak KESEDAR telah membuka tanah ini berlandaskan gabungan iaitu antara FELDA dan TAKDIR ataupun Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan (LKTN) yang dahulunya pada zaman PAS. Kemudian pihak Kerajaan Barisan Nasional pada waktu itu ingin membawa masuk secara *direct* peneroka-peneroka tanpa melengah-lengahkan sebab itulah kalau kita lihat pembukaan tanah yang dikelolakan oleh KESEDAR dipanggil pembukaan tanah ala KESEDAR iaitu gabungan di antara FELDA dan LKTN.

Konsepnya berlainan kerana peneroka dibawa masuk dan peneroka ini dibawa masuk yang melibatkan kerja-kerja awal tanah iaitu daripada kerja-kerja menebang, menebas, membakar, memerun, menanam, melubang, membaja, membaris dan sebagainya. Ini adalah kerja-kerja tanah tetapi kalau di dalam FELDA kita lihat kerja-kerja ini adalah dilakukan secara kontrak, bermakna peneroka FELDA berbeza dengan peneroka KESEDAR. Sebab itu saya ingin menyentuh perkara ini dan saya memberikan latar belakang ini kerana kita dapat melihat perbezaan generasi kedua di antara kedua-dua masyarakat peneroka ini, walaupun di bawah satu bumbung, di bawah satu kementerian tetapi generasi kedua di antara peneroka FELDA dan peneroka-peneroka KESEDAR mungkin berlainan. Kerana pada peringkat awal peneroka KESEDAR merasakan bahawa tanah yang mereka usahakan itu adalah

tanah sejati mereka kerana mereka yang telah memulakan daripada projek di peringkat awal tebas menebas sehinggalah mengeluarkan hasil sama ada getah ataupun kelapa sawit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Mesyuarat

Tetapi projek FELDA, FELDA memberi kontrak secara lump sum, secara keseluruhannya kepada pihak-pihak kontraktor, kemudian apabila hasilnya telah berhasil, disiapkan rumah-rumah untuk peneroka baharulah dijemput peneroka memasuki tanah-tanah berkenaan untuk mengusahakan pertanian masing-masing sama ada getah ataupun kelapa sawit. Jadi kesedaran masyarakat, kesedaran peneroka dari segi permulaan pembukaan tanah ini adalah berbeza. Sebab itulah saya meminta supaya kita harus mengenal pasti perkara ini terlebih dahulu.

Begitu juga dengan TAKDIR, pada tahun 1983 yang dahulunya Lembaga Kemajuan Tanah Negeri (LKTN) di tukar nama dengan TAKDIR kemudian apabila KESEDAR mengambil alih tanah di Kelantan, maka TAKDIR pada tahun 1983 diserapkan di bawah KESEDAR, tetapi konsep ataupun pelaksanaan TAKDIR ini juga berbeza dengan Rancangan Kemajuan Tanah yang kita kenali Rancangan Pemulihan Tanah iaitu RPT.

Di seluruh Kelantan ada 24 RPT saya rasa, yang kalau kita lihat keluasan tanah itu berbeza. Sistem yang diamalkan oleh RPT ialah memenuhi cita rasa peneroka, kerana tanah yang diberikan kepada peneroka berlainan jumlahnya. Peneroka dibekalkan iaitu diberikan tanah sebanyak enam ekar untuk kebun sama ada getah atau kelapa sawit, dua ekar diberikan lot dusun, kemudian suku ekar untuk lot rumah. Jadi, kalau kita lihat ada tiga geran, tiga hak milik tanah yang patut diperolehi oleh peneroka-peneroka LKTN dahulu ataupun TAKDIR dan kemudiannya menjadi Rancangan Pemulihan Tanah KESEDAR.

Tetapi kalau kita lihat kepada Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR RKT yang saya katakan tadi ianya mempunyai keluasan tanah adalah sebanyak 10 ekar dan mempunyai persamaan dengan FELDA. FELDA pun mempunyai keluasan tanah yang pada pandangan kerajaan keluasan 10 ekar ini adalah bersesuaian dan efisien untuk peneroka sebagai hasilnya.

Jadi, di sini saya ingin menyentuh kerana beberapa perkara yang melibatkan peneroka itu sendiri terutama sekali sebelum peneroka itu dipanggil, dijemput masuk sama ada dalam Rancangan Kemajuan Tanah ataupun FELDA. Saya tidak menyentuh lagi soal FELCRA. Mereka ini dikehendaki menandatangani satu borang perjanjian yang dipanggil perjanjian peneroka di mana perjanjian peneroka ini hendaklah ditandatangani oleh peneroka-peneroka yang terlibat di dalam kawasan masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat jam sudah pukul 13.00.

Tuan Saupi bin Daud: Pukul 13.00 saya baru ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jam sudah pukul 1.00 ya. Dengan ini Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang dan Yang Berhormat boleh sambung.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)]
mempengerusikan Mesyuarat

2.30 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dewan kita disambung semula, sekarang saya menjemput Tanah Merah menyambung ucapan.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini saya telah berhenti pada membincangkan iaitu perjanjian peneroka yang diadakan oleh pihak kerajaan. Perjanjian peneroka ini kalau kita lihat mempunyai kebaikan-kebaikannya terutamanya ialah untuk mengehadkan kuasa peneroka itu sendiri dan

peneroka memperoleh kemudahan-kemudahan umpamanya mendapatkan pinjaman sebagai seorang peneroka mengelakkan lot-lot mereka itu bertindih dan akhirnya mengesahkan bahawa lot itulah lot kepunyaan mereka yang sebenar tetapi peneroka juga di dalam perjanjian peneroka ini adalah termaktub di dalam sesuatu perkara yang tidak menyenangkan peneroka iaitu peneroka pada bila-bila masa boleh disingkir daripada tanah rancangan apabila mereka melakukan kesalahan-kesalahan tertentu.

Jadi di sini kalau kita lihat kesalahan yang dilakukan oleh seseorang peneroka, saya masih ingat beberapa kesalahan yang disenaraikan umpamanya berjudi, berzina dan sebagainya, memanglah kita memperakui bahawa perkara-perkara itu baik untuk mengawal kelakuan peneroka di dalam tanah rancangan tetapi di dalam soal geran ini saya ingin mendapat penjelasan juga daripada pihak kementerian kerana peneroka yang terlibat yang melakukan kesalahan tetapi yang turut sama akibat daripadanya ialah isterinya dan juga anak-anak mereka, jadi katakanlah seorang peneroka itu melakukan sesuatu kesalahan dan apabila lembaga disiplin peneroka mengambil tindakan tatatertib maka peneroka berkenaan disingkir daripada tanah rancangan. Peneroka yang terlibat adalah tersingkir tetapi apakah kesan kepada isteri dan juga anak-anak peneroka berkenaan.

Sebab itu mungkinlah perkara-perkara ini perlu dan saya memang menyokong kalaulah pihak kerajaan bersedia untuk menimbangkan lebih daripada dua nama di dalam geran ini supaya hak dan juga kepentingan keluarga dan juga isteri-isteri peneroka dan bekas isteri di ambil kira.

Dalam soal ini juga saya ingin mendapat penjelasan umpamanya berhubung dengan status tanah kerana kita tahu bahawa setengah-setengah daripada tanah yang diduduki oleh peneroka pada hari ini tidak di gazet oleh kerajaan negeri, mungkin banyak lagi saya tidak tahu kalau FELDA itu tetapi kalau di negeri Kelantan umpamanya sama ada tanah KESEDAR ataupun tanah FELCRA ataupun mungkin agensi lain yang ada terlibat dengan pembangunan tanah di bawah GSA ini. Setahu saya banyak daripada kawasan-kawasannya tidak digazetkan iaitu tidak diluluskan oleh pihak kerajaan negeri, ini adalah suatu kesilapan yang besar. Macam mana kita hendak memberi geran kepada orang kalau kita tahu bahawa tanah itu belum lagi digazetkan di bawah GSA.

Harapan peneroka, mungkin inilah yang terkandung yang dikatakan tadi bahawa FELDA umpamanya tidak dapat memberi tanah hak milik kepada peneroka-peneroka tertentu kerana status tanah itu sendiri tidak digazetkan dan tidak diwartakan di bawah kerajaan negeri.

Dan di sini kalau kita lihat apa yang saya sebutkan tadi ialah perbezaan dari segi nilai sebenar seseorang peneroka apabila memiliki tanah, kalau kita lihat perbezaan peneroka yang saya nyatakan di antara peneroka FELDA dan peneroka KESEDAR umpamanya, peneroka FELDA dia masuk dia hanya basuh kaki sudah ada rumah dan sudah ada semuanya, sudah siap dan dia menikmati segala kemudahan. Kemudahan jalan ada, kemudahan apa semua telah disediakan oleh kerajaan, dia tidak mengeluarkan peluh atau tidak merasakan bahawa susah payah untuk membuka sebuah ladang.

Sebab itulah kalau kita lihat apabila dari suatu konvensyen ke kongres yang baru diadakan yang membincangkan soal tanah di dalam kawasan FELDA yang dinamakan pembangunan tanah berterusan generasi FELDA baru-baru ini, kita lihat bahawa Perdana Menteri sendiri melahirkan perasaan tidak yakin kepada generasi kedua FELDA kerana banyak daripada kawasan FELDA ini tidak diusahakan dan kita tahu status kita hari ini kalau kita lihat bancian terakhir seramai lebih kurang 50,000 orang lebih daripada anak-anak peneroka FELDA yang telah berjaya dan yang telah menjadi orang-orang profesional dan di kalangan mereka ada terdapat doktor, peguam, korporat dan sebagainya dan 10,000 lagi daripada anak-anak peneroka yang masih berada di pusat-pusat pengajian tinggi sama ada di IPTA ataupun IPTS. Jadi inilah persoalan-persoalan yang mana kita dengar dulu saya terbaca bahawa Perdana Menteri mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah syarikat khas untuk menguruskan tanah-tanah FELDA yang terbiar, jadi dimanakah letaknya di antara pertimbangan untuk menubuhkan sebuah syarikat khas yang melibatkan, yang mengambil alih tanah-tanah peneroka terbiar dengan geran yang kita berikan kepada peneroka berkenaan, hak peneroka berkenaan apabila memperoleh geran. Jadi di sini kalau....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tumpat berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan?...ya, sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Tanah Merah tadi menyebut tentang bagaimana caranya peneroka-peneroka FELDA mudah untuk masuk ke tanah yang diperuntukkan kepadanya dengan rumahnya sudah siap dan sebagainya. Sebagaimana yang kita tahu, kejayaan peneroka-peneroka FELDA ini tidaklah begitu hebat, kecualilah beberapa tahun yang lalu apabila di kawasan-kawasan tertentu yang berhampiran dengan pusat-pusat bandar atau kawasan-kawasan perindustrian baru maka tiba-tiba nilai tanah FELDA itu melambung naik dan tiba-tiba ada pengusaha-pengusaha ataupun pemaju-pemaju yang menawarkan kepada peneroka dan FELDA ini tanah-tanah mereka itu dengan harga yang amat tinggi jika dikira diagihkan menjadikan peneroka-peneroka FELDA ini jutawan dalam masa sekelip mata, *instant millionaire* dengan izin. Konsep yang di bawa oleh kementerian dalam memberikan hak ini hanya kepada isteri pertama yang masuk meneroka bersama berasaskan kepada konsep bahawa suami isteri ini sama-sama berkorban, sama-sama berusaha, sama-sama mewujudkan kekayaan, sama-sama Tuan Yang di-Pertua dalam proses dengan izin, *the creation of wealth* ini tetapi kekayaan baru ini bukan hasil daripada usaha peneroka atau isteri pertamanya atau sesiapa hasil daripada kedudukan tanahnya berhampiran dengan kawasan-kawasan yang baru. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Tanah Merah, sudahlah dia masuk senang dapat rumah terus, dapat pula nilai naik, jadi hari ini tidak boleh dia kongsi dengan isteri-isteri yang lain dan orang lain, kekayaan yang bukan hasil titik peluhnya sendiri sebenarnya dalam kes yang saya sebutkan tadi?

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat, memang apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat adalah suatu kenyataan dan saya juga ingin menyentuh perkara ini umpamanya kalau kita katakan lahirnya jutawan segera yang heboh dahulu di Negeri Sembilan dan masih ada saya rasa berupa filem yang ditayangkan dan sekarang pun ada di *Astro* tidak silap saya, mengenai bagaimana kelakuan dan tindak-tanduk peneroka-peneroka yang digambarkan melalui filem apabila tanah-tanah mereka telah diambil oleh pihak-pihak pemaju dengan harga yang begitu tinggi dan mereka sudah hampir lupa daratan dan kita dengar ada – sebab itulah yang saya katakan tadi perbezaan yang saya hendak titikkan ialah perbezaan program pembangunan tanah, agensi di bawah agensi pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh kementerian tetapi programnya berbeza dan kerana perbezaan itulah menyebabkan nilai dari segi memiliki tanah itu juga berbeza, penilaian peneroka itu.

Sebagaimana Yang Berhormat Tumpat sebut tadi, saya rasa kita pernah dan memang kita dengar cerita-cerita bagaimana peneroka-peneroka FELDA suatu ketika dahulu menjadi jutawan segera, kita pernah dengar cerita-cerita bukan cerita dongeng, apabila harga kelapa sawit meningkat tinggi melambung naik, kawasan yang tidak ada elektrik tetapi mereka sanggup beli peti sejuk untuk menyimpan kain baju, jadi ini satu perkara yang – maknanya kita tahu tahap pemikiran peneroka itu. Maknanya sampai tidak tahu menggunakan kewangan apabila tinggi dan kita kena ingat ada di kalangannya yang cerita benar juga, ada yang orang kata lebih ego kerana harga tinggi hendak tunjuk kepada pengurus ladang bahawa pendapatan mereka tinggi daripada pegawai kerajaan. Ada yang sanggup mencucuh rokok dengan wang ringgit, wang kertas misalannya, ini adalah satu gambaran.

Tetapi tingkah laku peneroka ini kalau kita lihat, kita terbaca dahulu suatu ketika beberapa ramai di kalangan pegawai-pegawai FELDA, pengurus-pengurus FELDA apabila kejatuhan harga sawit telah dipersalahkan dan ramai di kalangan pengurus-pengurus FELDA ini telah dikurung, kerana mereka tidak puas hati dengan kejatuhan harga, kerana perkara-perkara inilah. Jadi inilah yang saya minta supaya pihak kementerian mendalami aspek-aspek ini kerana perkara-perkara inilah wujudnya generasi kedua FELDA yang kita rasakan sebagaimana yang saya sebut tadi, bagaimana Perdana Menteri merasa kesal. Sebab itu saya menyokong pernyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dungun sebentar tadi pada sebelah pagi bahawa konsep yang dilaksanakan oleh FELDA semasa Allahyarham Tun Razak dahulu berbeza dengan pembangunan yang dibuat oleh pihak kerajaan pada masa kini. Jadi, perkara-perkara inilah - Yang Berhormat Tumpat tadi, apabila beliau bertanya, apakah yang patut dilaksanakan kepada keadaan sebegini? Saya mencadangkan, saya tidak bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri supaya diwujudkan sebuah syarikat khas untuk melaksanakan atau memajukan tanah-tanah terbiar.

Saya mencadangkan supaya mana-mana tanah terbiar sama ada di dalam rancangan FELDA, KESEDAR atau FELCRA dan sebagainya, hendaklah dipulangkan kepada kerajaan negeri berkenaan. Kerajaan negeri masih ramai yang tahu bahawa mereka yang memerlukan tanah untuk pembangunan, dipulangkan. Biar kerajaan negeri menentukan sebab dalam bab ini, saya ingin menyebut juga, kita memang menyokong.

Saya salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah di kawasan saya, di Parlimen Tanah Merah. Pada bulan lepas, saya memang meluluskan banyak permohonan oleh FELDA Kemahang termasuklah bukan kepada individu, bukan kepada peneroka FELDA, tetapi kepada anak-anak syarikat FELDA sendiri. Umpamanya, tapak kilang, tapak pejabat, itu tidak diberi nama kepada peneroka FELDA tetapi diberi nama kepada anak-anak syarikat FELDA ataupun kepada FELDA sendiri. Jadi, kita tidak ragu-ragu dan kita tidak mempunyai motif politik di mana kita meluluskan permohonan-permohonan tanah asalkan permohonan-permohonan tanah itu mempunyai kriteria-kriteria ataupun syarat-syarat yang mencukupi.

Dalam bab ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melahirkan beberapa persoalan, iaitu persoalan-persoalan yang harus kita lihat dan kaji selain daripada sejauh manakah tanah-tanah yang telah digazettekan oleh kerajaan negeri di bawah GSA ini. Kita jangan menyalahkan kerajaan negeri sahaja kerana kita tahu bahawa kealpaan ataupun kadang-kadang itu, saya hendak berterus-teranglah, suatu masa dahulu orang mempertikaikan kerajaan negeri tidak meluluskan kawasan tanah kepada KESEDAR sedangkan KESEDAR membangun lebih daripada $\frac{3}{4}$ kawasan Kelantan Selatan. Tetapi, sedarkah kita bahawa kesilapan ini bukan kesilapan kerajaan negeri, tetapi kesilapan Ahli Lembaga Pengarah KESEDAR pada waktu itu. Mereka tidak pernah memohon pun, mereka tidak pernah membuat suatu permohonan rasmi untuk menggazettekan tanah tersebut untuk diwartakan sebagai tanah di bawah GSA. Sebab itulah hari ini, kalau kita katakan mungkin berlaku kekeliruan siapa yang berhak mengeluarkan hak milik tanah kepada peneroka-peneroka berkenaan.

Yang kedua, saya hendak mendapatkan juga berkenaan dengan kawalan-kawalan yang boleh dibuat oleh pihak kementerian atau pihak kerajaan. Adakah pihak FELDA masih boleh mengawal sebagaimana perjanjian peneroka yang saya sebutkan tadi di mana peringkat awal tadi, peneroka itu sudah terikat dengan perjanjian yang dibuat oleh FELDA sehinggalah tanah mereka diberi. Ini bermakna, walaupun geran mereka diberi, tetapi mereka ini masih mempunyai ikatan ataupun pihak FELDA meminta supaya sekatan-sekatan dimasukkan di dalam geran tersebut. Umpamanya, tanah ini tidak boleh dijual beli, tidak boleh dipindah milik kecuali mendapat persetujuan daripada pihak FELDA. Ini, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian.

Selain daripada itu juga, salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh pihak - ini saya sebut di kawasan saya, di dalam usaha memberikan geran-geran tanah ini ialah, yang pertamanya tidak mendapat kerjasama yang begitu baik dengan agensi-agensi pembangunan tanah kerana mereka mempunyai pelan, mereka mempunyai juruukur sendiri, tetapi tidak mungkin suatu masa mereka dapat bekerjasama dengan juruukur yang ada di peringkat negeri. Kelambatan pengeluaran geran-geran ini juga disebabkan oleh kerana masalah juruukur yang tidak mencukupi. Juruukur yang menyebabkan masalah pemberian geran ini selalu diperkatakan.

Kelewatan mengeluarkan geran bukan sahaja berlaku di sesebuah negeri, tetapi banyak negeri yang terlibat di mana permohonan tanah 1980-an, 1990-an pun masih lagi tidak dapat diselesaikan. Salah satu daripada faktornya ialah kerana tidak mempunyai juruukur tanah yang mencukupi. Oleh itu, saya mintalah kalau boleh pihak kementerian mengkaji balik untuk memproses seberapa cepat yang boleh kalau hendak melihatkan kejayaan pada pemberian geran-geran ini, hendaklah menyokong, menambah pegawai-pegawai penempatan, SO ataupun juruukur di kawasan-kawasan yang terlibat.

Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit ialah mengenai generasi kedua kerana kita hendak bagikan geran kepada peneroka-peneroka FELDA ini, bagaimana harapan kita? Ini kerana kita tahu, kita yakin pada hari ini, anak-anak peneroka tidak lagi ingin mewarisi kerja-kerja ibu bapa mereka sebagai peneroka dan tidak ingin memajukan tanah-tanah mereka sebagai seorang peneroka.

Salah satu daripada akibatnya, kalau saya ambil contoh, terdapat lebih kurang 10,000 ribu peneroka-peneroka FELDA yang telah terlibat dengan perniagaan dan

perusahaan-perusahaan kecil termasuklah kraf tangan dan sebagainya di seluruh negara. Angka ini walaupun hampir 10,000 tetapi mereka mempunyai hasil jualan yang tinggi ataupun pendapatan yang tinggi di mana contohnya pada tahun 2000, pendapatan hasil daripada peneroka yang terlibat dengan perniagaan industri kecil dan kraf tangan ini berjumlah RM70 juta. Sebab itulah, kita melihat bahawa pendapatan yang dibawa ataupun diambil oleh peneroka ini pada taraf RM1,200 sebulan adalah melebihi daripada pendapatan mereka menjadi peneroka apabila kegawatan berlaku pada harga getah dan kelapa sawit.

Jadi, mungkin sebab beberapa perkara inilah, kita lihat bahawa peneroka tidak berminat untuk menjadi peneroka dan kerajaan terpaksa membawa pendatang-pendatang asing untuk memajukan ataupun melaksanakan kerja-kerja peneroka. Jadi, dalam pemberian geran ini, saya pun hendak minta kerajaan memerhatikan, siapakah layak atau tidak peneroka itu diberi geran. Kalau mereka sebagaimana Yang Berhormat bagi Tumpat kata tadi, semua kerja dilakukan oleh orang lain. Kalau kita pun, kita hendak, sanggup jadi peneroka macam itu. Tanah diusahakan oleh kerajaan secara kontrak sehinggalah dapat hasil, baru masuk, basuh kaki sahaja baru masuk kemudian, kalau kebetulan harga tanah itu diambil oleh kerajaan dengan harga mahal, barulah berebut-rebut hendak masuk dalam tanah rancangan dan mengaku bahawa dialah peneroka. Tetapi, apabila.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, ini Pokok Sena.

Tuan Saupi bin Daud: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekejap ya.

Tuan Saupi bin Daud: Tetapi, apabila harga keluaran sawit dan getah jatuh, mereka tidak lagi mengaku jadi peneroka dan cuba mendapatkan kerja-kerja lain. Itu lumrah alam. Jadi, saya minta supaya disemak balik, dikaji balik oleh pihak Kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Soal generasi kedua FELDA ini yang tidak begitu berminat dengan kerja-kerja sebagai peneroka, untuk menyambung tugas keluarga mereka, seperti yang disebutkan tadi bahawa antaranya ialah disebabkan soalan faktor harga sama ada kelapa sawit ataupun getah yang begitu menurun sejak mutakhir ini. Ini menyebabkan seperti disebut tadi, bahawa di kalangan peneroka sendiri terpaksa menerokai bidang-bidang yang lain termasuk berniaga tetapi tidak kesemua dan menyebabkan generasi kedua sendiri tidak berminat kerana ia tidak mendapat pulangan yang besar dan cadangan kerajaan pula seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kemungkinan menubuhkan syarikat. Ini juga menimbulkan tanda tanya di kalangan peneroka dan juga generasi kedua kerana antara syarikat ataupun anak-anak syarikat yang telah pun sedia wujud, yang diwujudkan di bawah FELDA sendiri, gagal untuk memberikan pulangan yang baik kepada peneroka dan ini juga yang menjadi persoalan-persoalan yang menyebabkan kurangnya minat di kalangan generasi kedua kerana FELDA sendiri gagal untuk memberikan pulangan hasil daripada keuntungan yang diperolehi oleh anak-anak syarikat dalam FELDA.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sepatutnya satu proses semakan semula tentang peranan FELDA itu sendiri khususnya anak-anak syarikat yang telah memberi keuntungan sepertimana yang disebut sehingga Februari 2002, anak-anak syarikat ini telah memberi keuntungan sebanyak RM102 juta. Ini satu perolehan, keuntungan yang besar sedangkan peneroka-peneroka berada dalam keadaan kemiskinan dan sebagainya. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perlu disemak kembali supaya keuntungan itu dapat diberikan pulangan yang sebaik-baiknya kepada peneroka, di samping sepatutnya juga FELDA mengambil kira atau mencari jalan bagaimana soal harga, sama ada kelapa sawit ataupun getah ini dapat ditingkatkan harganya dan di samping untuk FELDA mencari, menerokai bidang-bidang tanaman-tanaman yang lain untuk menjadi tanaman alternatif kepada yang ada. Ini kerana takut nanti bila tubuh syarikat, akhirnya syarikat itu sendiri tidak boleh hendak fikir bahawa untuk hendak tingkatkan keupayaan peneroka-peneroka FELDA, akhirnya

buat permohonan perumahan, buat itu dan sebagainya, dan sama ada kemungkinan boleh ataupun tidak boleh belum tentu lagi. Umpamanya contoh, Tabung Haji ambil tanah FELDA di LB Johnson kalau tidak silap saya, di Negeri Sembilan. Walaupun peneroka dapat duit, tetapi akhirnya pembangunan ini tidak boleh dibuat, tersadai kerana ada masalah-masalah yang lain. Ini sudah tentu akan merugikan semua pihak termasuk merugikan negara. Terima kasih.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Memang betul apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Kalau kita lihat, anak syarikat FELDA, mempunyai 39 buah anak syarikat, umpamanya Yang Berhormat sebutkan tadi, keuntungan RM102 juta yang dinikmati oleh sebuah anak syarikat ataupun anak syarikat FELDA ini, langsung satu sen pun tidak dinikmati oleh peneroka FELDA. Ini suatu kenyataan dan kenyataan ini saya rasa mungkin yang telah pun kita tahu bersama semasa suatu konvensyen, simposium yang telah diadakan untuk membincangkan soal generasi kedua FELDA sebagaimana saya menyokong juga kenyataan ini.

Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang anak-anak syarikat ini mempunyai kewangan yang cukup tetapi tugas mereka sepatutnya untuk membantu membimbing mereka yang terlibat kerana kita tahu umpamanya, kalaulah kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh anak-anak syarikat FELDA tadi adalah terlibat ataupun terbabit dengan tanah-tanah FELDA. Dari segi tanahnya, terbabit dengan tanah-tanah FELDA, tetapi hasilnya tidak pergi kepada peneroka-peneroka FELDA. Begitu juga kalau kita ambil contoh Yang Berhormat. Saya ambil contoh apa yang berlaku di Kelantan sebagai suatu kenyataan yang jelas. Saya melihat pada dua, tiga hari yang lepas, 'Kelantan Dalam Gerhana' ditunjukkan bagaimana Kerajaan Kelantan yang dahulunya terkenal dengan perusahaan batik tetapi hari ini, tidak dapat memajukan batik. Ramai daripada pengusaha-pengusaha batik di Kelantan dikatakan telah gulung tikar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa kena-mengena ini?

Tuan Saupi bin Daud: Tidak, contoh, contoh. *[Ketawa]* Ini, hendak menjelaskan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Saupi bin Daud: Tenaga Nasional, saya tidak *query* dalam bab ini, jangan bimbang, tidak gerhana sebab dia sentiasa cerah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Tuan Saupi bin Daud: Sekejap, hendak tanya nanti dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin berdiri Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Tidak, saya hendak ambil contoh, jelaskan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Saupi bin Daud: Nanti, saya habiskan contoh dahulu Yang Berhormat bagi Rompin, saya bagi sahabat saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia minta nanti dahulu ya, Rompin.

Tuan Saupi bin Daud: Saya hendak ambil contoh, saya hendak habiskan ayat. Cuma, kalau kita lihat tadi, batik umpamanya, batik itu diusahakan oleh pengusaha batik yang kecil tetapi mengapa pihak kerajaan.....*[Disampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia berdiri Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya ada *point of order* ini. Apa kena mengena industri batik dengan bil yang kita bentang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya sudah sebut.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tidak buat *point of order*. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi Rompin. Sila, ya.

Tuan Saupi bin Daud: Tidak apa, tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila buat soalan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Ketawa*] Tidak ada. Sebenarnya saya memahami Tanah Merah ini, satu perbahasan yang baik. Tadi Ketua Pemuda pun barulah nampak antara hujah-hujah yang agaknya baik, selalunya merapu sikit, tetapi pada hari ini menunjuk intelektual sikit takut dia malu dengan, dengan apa itu, Tumpat ini stail, *standard* berbeza mesti diambil alih oleh Tumpat, PAS susah juga nanti...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa kena mengena Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya ini tentang [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab apa sekarang ini, sekarang ini, bila Ketua Pembangkang PAS diambil oleh pimpinan Terengganu, takut semua pakar-pakar, semua intelektual penasihat semua orang Terengganu, itu bimbang yang lain ini. Ha, besok Ketua Pemuda kena orang Terengganu juga ini. Ini saya hendak bertanya, perbahasan tentang FELDA.

Saya tertarik dengan pandangan apa itu, Ketua Pemuda PAS tadi, Pokok Sena bahawa elok kita kembali melihat model FELDA, mungkin ia berjaya sekarang ini. Kita bersyukur kepada Allah SWT, Allahyarham Tun Abdul Razak mencorakkan satu skim membuka tanah di mana orang-orang Melayu dan juga ada bukan Melayu yang sudah diberikan tanah, diberikan 10 ekar tanah dan *alhamdulillah* tetapi isu akan datang sudah semestinya berbeza.

Memerlukan satu pendekatan yang berbeza, contohnya seperti yang kata peranan anak syarikat itu sendiri tetapi saya hendak bertanya ada baru-baru ini, ada satu dasar di mana kita minta supaya FELDA ini dijadikan satu estet yang komersial. Saya nampak bahawa perlu dikaji kembali, bahawa perlu FELDA ini sebagai *social economic redresser* bukan satu pendekatan yang untung rugi tapi pengubahsuaian struktur masyarakat orang Melayu itu sendiri. Maknanya saya hendak bertanyakan kepada Yang Berhormat bahawa peranan anak syarikat ini mestilah peranan yang berasaskan kepada matlamat FELDA itu yang asal iaitu *social economic redresser* orang Melayu luar bandar termasuk yang bukan Melayu.

Adalah tidak peranan anak syarikat juga kepada matlamat itu. Bukan untung rugi. Di kawasan saya di Rompin, dasarnya bila dibuka kawasan FELDA, sepatutnya 40 bandar yang baru tetapi tidak, hanya tinggal satu Muadzzam Shah sahaja tetapi yang lain tidak hidup kerana pembangunan *down stream* aktiviti berasaskan kelapa sawit itu tidak wujud, kalau wujud pun amat kecil sekali.

Industri sabun, industri yang berasaskan kelapa sawit itu hiliran yang tidak begitu dimajukan. Mungkin dalam suasana dahulu kita mungkin boleh bergantung kepada eksport keluar negara tetapi dalam suasana ekonomi yang tidak menentu ini, elok kita tengok balik ekonomi yang dijana secara dalaman itu sendiri. Antara asasnya ialah industri berasaskan kelapa sawit itu sendiri, bermakna eloklah anak syarikat FELDA itu sendiri menerajui industri ini dan memandangkan bahawa seperti Yang Berhormat katakan tadi Pokok Sena, isu *second generation*, yang ketiga, bukan yang kedua lagi.

Ini saya ingat ada baiknya, kadang-kadang perbahasan yang begini, saya minta pandangan Yang Berhormatlah, bahawa adakah ia dalam membincangkan tentang peranan anak syarikat FELDA ini menjurus kepada apa matlamat asal FELDA

itu ditubuhkan sebagai *social economic measure* bukannya untung rugi sebagai satu asas perbahasan atau masa depan melihat peranan anak syarikat ini. Minta pandangan.

Tuan Saupi bin Daud: Saya rasa Yang Berhormat tidak mengikuti keseluruhan ucapan saya sebab tadi saya telah membandingkan matlamat sebenar FELDA yang ditubuhkan oleh Allahyarham Tun Razak dengan konsep yang dilaksanakan oleh FELDA hari ini dan salah satu daripada jawapan yang saya beri kepada Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi, apabila dibangkitkan soal anak syarikat FELDA yang mempunyai keuntungan tapi berbeza dengan penerokanya yang tidak mendapat faedah daripada keuntungan tersebut. Itu suatu kenyataan yang berbeza Yang Berhormat.

Kalau kita tahu, memang saya akui bahawa 304 buah rancangan tanah FELDA ini yang ada tetapi yang saya hendak Yang Berhormat pun, tadi saya hendak bagi contoh Yang Berhormat tidak mahu dengar, tidak mahu. Saya bagi contoh biar *clear* dulu. Ini di antara peranan yang dimainkan oleh anak syarikat dengan peneroka itu sendiri. Kita sepatutnya membantu peneroka sebagaimana Yang Berhormat cadanglah. Naikkan harga kelapa sawit, harga getah dan sebagainya. Kalau harga sawit, kalau kita lihat kepada laporan yang dibuat oleh FELDA umpamanya.

Laporan harga sawit memang tinggi, RM1,300 sampai RM1,900, pendapatan penuh peneroka, bulanannya. Tetapi kalau kita lihat pada getah, dia mempunyai pendapatan di antara RM700 hingga RM900, jauh lagi ketinggalan tetapi kedua-duanya adalah peneroka FELDA. Tetapi perbezaan harga. Sebab itulah saya katakan tadi, saya ambil contoh, saya hendak habiskan juga contoh saya tadi, kerana dibangkitkan, dilahirkan, dikeluarkan oleh RTM dalam *Kelantan Dalam Gerhana*, umpamanya dari segi perusahaan batik yang dilakukan oleh individu.

Mengapa kerajaan mengambil alih tugas orang yang melakukan tugas individu tadi. Sepatutnya tidak ada agensi-agensi besar misalannya MBM (Malaysia Batik Berhad) [*Disampuk*] Batik Malaysia Berhad (BMB) minta maaf. Jadi Batik Malaysia Berhad telah mengeluarkan keluaran batik.

Dia telah mengambil tugas-tugas pengusaha batik kecil-kecilan tetapi adakah mampu kita lihat pengusaha-pengusaha batik kecilan ini bertanding dengan mereka yang mempunyai modal yang besar dan mempunyai keupayaan yang lebih, mempunyai segala kemudahan, jadi di situlah.

Sepatutnya kerajaan membantu. Membantu pembatik-pembatik yang dalam keadaan daif supaya mereka dipertingkatkan, diberi bantuan, diberi, begitu juga dengan FELDA. Saya bersetuju. Kalau anak syarikat hendak bertanding dengan peneroka, memanglah lebih anak syarikat kerana dia mempunyai pegawai yang profesional dan sebagainya, mempunyai kilang.

Tetapi yang kita pentingkan, seperti kata Yang Berhormat tadi, tugas sebenar FELDA ini untuk menaikkan taraf peneroka ke ataupun mencari keuntungan melalui anak-anak syarikat mereka iaitu memelihara pegawai-pegawai.

Jadi di sini mungkinlah suatu perkara yang perlu kita lihat, yang perlu kita mengambil perhatian bersama dan begitulah juga dengan soal, saya rasa yang saya hendak sebut yang akhir sekali ialah mengani program tanam semula.

Program tanam semula ini sebagaimana yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Dungun, bahawa apabila geran, sesuatu geran itu diperolehi maka pihak FELDA, kalau dia memberikan sama ada pilihan kepada peneroka iaitu mengadakan program tanam semula melalui aktiviti FELDA ataupun memberi kebebasan kepada peneroka untuk membangunkan sendiri atau melaksanakan sendiri program tanam semula ini. Saya lihat, sebab ada sahabat saya tadi daripada Temerloh ada mengadakan bahawa kegagalan 90% daripada peneroka-peneroka yang diberi kuasa untuk melaksanakan sendiri, 90% daripadanya adalah gagal.

Jadi saya tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut, sebabnya saya melihat sendiri di kawasan saya, apabila dia, seseorang peneroka itu, apabila di pergi ke bank dengan menunjukkan geran yang sah untuk mencagarkan geran tersebut di bawah program pemulihan atau penanaman semula, dia memperolehi kewangan yang lebih daripada apa yang dibiayai oleh FELDA dan apabila dilaksanakan, dilaksanakan sendiri, kita faham, tugasnya sebagai peneroka.

Dia peneroka, dia sepatutnya melaksanakan sendiri program tanam semula ini. Janganlah dulu pun kita bawa dia basuh kaki masuk tetapi sampai peringkat tanam semula pun kita bagikan kontrak, bila masa dia akan merasa titik peluhnya sendiri sebagai pengusaha tanah berkenaan.

Sebab itu kalau kita lihat, kalau beri kontrak, kontraktor ini sudah tentu akan mengambil untung untuk program tanam semula ini.

Satunya, keuntungan yang dinikmati oleh kontraktor itu saya rasa sepatutnya pergi kepada peneroka berkenaan sendiri, ia tidak perlu beri kepada kontrak, ia sendiri yang melaksanakan, walaupun

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Sri Gading.

Tuan Saupi bin Daud: Nanti sekejap. Walaupun kita tahu ia terpaksa bagaimana kata tadi, ia terpaksa bersusah untuk mencari peralatan-peralatan, benih, melubang dan sebagainya, itu adalah tugasnya, memang ia seorang peneroka, tugas dia memang macam itu, jangan kita

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Saupi bin Daud: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih sahabat saya Tanah Merah. Kegagalan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh tadi, kerana dahulu peneroka-peneroka FELDA, waktunya zaman dia muda, 30 tahun, 40 tahun yang dahulu dan sekarang umurnya sudah 60 tahun lebih, sudah tua, maka itu sebab apabila mereka dibenarkan untuk mengusahakan sendiri, dia jadi gagal, dia tidak ada kemampuan lagi dari segi tenaga, almaklumlah diperah waktu muda dahulu.

Jadi, akhirnya tanah itu tidak dapat diusahakan seperti mana yang sepatutnya, maka gagallah, akhirnya pergi juga kepada orang tengah secara persendirian, kosnya lebih mahal, sebab itu lebih baik diusahakan sebuah badan seperti FELDA meneruskan seperti lazimnya untuk memajukan balik tanah ini supaya nombor satu, kekallah tanah itu di tangan peneroka yang berkenaan.

Yang kedua, pengurusan yang lebih teratur dan mungkin pulangan yang lebih baik daripada diusahakan secara bersendirian.

Ada beberapa faktor, jadi itulah saya rasa Yang Berhormat Tanah Merah pun, kalau saya lihat dekat satu jam sudah berhujah ini, ia bersetujulah supaya maknanya orang FELDA ini dibela, diberikan suatu keadaan supaya mereka lebih baik pendapatan, kehidupan dan sebagainya.

Jadi, ini salah satu daripada cara kerajaan hendak menentukan kebajikan, kebaikan peneroka. Sebagai contoh, macam menubuhkan syarikat mentadbirkan tanah FELDA yang terbiar, mana hendak cari kerajaan macam ini baik di dunia, mana hendak cari? Tidak dapat hendak cari, macam mana sebuah kerajaan seperti Kerajaan Barisan Nasional yang sudah begini baik kepada rakyat, tidak ada dunia yang buat macam Barisan Nasional buat.

Dahulu, daripada tidak ada tanah, beri tanah, beri bantuan, beri elaun sampai dapat hasil, anak pergi sekolah, diberikan biasiswa, anak sudah besar panjang, sudah pandai, sudah tidak hendak kerja sebagai petani kerana ilmu sudah tinggi, ibu bapa sudah jadi tua, tidak terdaya hendak usahakan tanah, kerajaan tidak mahu peneroka hilang hak milik dan juga kepunyaan tanah, kerajaan hendak datang balik, hendak beri lagi kewangan bagi mentadbirkan tanah FELDA yang terbiar, huh, hebat Kerajaan Barisan Nasional! *[Tepuk]*

Mana hendak cari, yang peliknya ada juga orang FELDA sanggup menentang kerajaan bawa bendera PAS dalam, ini semua fasal hasutan daripada Ahli Parlimen PASlah kan, sehingga mereka tidak sedar bahawa mereka disuap dan ditolong oleh Kerajaan Barisan Nasional, puak-puak ini datang menghasut mereka, hilanglah rasa

kemanusiaan mereka, lalu menghentam kerajaan, dalam waktu yang sama menerima segala bantuan daripada Kerajaan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Persoalannya Yang Berhormat ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, soalnya ini, terpulanglah kepada dia, macam mana dia hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, okey.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih sahabat saya daripada Sri Gading, memang itulah cara dia.

Jadi, Yang Berhormat saya rasa apa yang saya perkatikan ini pun, cuma Yang Berhormat pandai sedikit daripada sayalah bercakap, Yang Berhormat olah semua, pergi kepada kerajaan yang akhirnya peneroka FELDA juga dipersalahkan kerana tidak menyokong Kerajaan Barisan Nasional.

Saya katakan tadi, program tanam semula ini, saya cadangkan supaya diusahakan sendiri oleh peneroka FELDA dan sebab itu kalau kita lihat saya mempunyai alasan-alasan saya, pertamanya, mengelakkan daripada kawasan itu terbiar dan kita lihat walaupun saya sebut 50,000 orang daripada anak-anak peneroka yang telah menjadi orang-orang profesional dan 10,000 lagi masih menduduki di IPTA dan IPTS misalannya, tetapi tidak semua anak peneroka itu yang berjaya, ramai lagi yang tidak berjaya, kita tahu masalah sosial yang begitu hebat dalam FELDA.

Dahulu pun kita melihat video-video lucu begitu merebak dengan luasnya dalam tanah FELDA, jadi apa salahnya, inilah kesilapan-kesilapan, jadi mengapa pula kita hendak memanjakan sangat golongan peneroka dan anak-anak ini, sebab itulah yang saya titik beratkan supaya biar mereka merasai tanah itu adalah tanah milik mereka dan tanah ini kalau kita tahu geran kita sendiri pun selepas penjajahan dahulu, yang membuktikan datuk nenek kita meninggalkan pusaka kepada kita ialah melalui geran. Geran berpindah sampai sekarang, kalau dahulu nama satu sekarang sudah nama sampai hendak tulis pun tidak boleh dalam geran – penuh. Itu adalah sebagai tanda pusaka.

Dan saya melihat perkara ini apabila saya merasa tidak puas hati, tanah-tanah peneroka FELDA tetapi diusahakan oleh pendatang-pendatang asing, mengapa pendatang asing yang patut mengusahakan tanah kita.

Itulah sebabnya saya rasakan bahawa jiwa-jiwa peneroka-peneroka FELDA tidak sebagaimana asal, tidak sebagaimana zaman Allahyarham Tun Razak dahulu semasa membuka dan memberi tanah itu sebab itulah saya mencadangkan supaya mereka ini bukanlah kalau kita beri mereka ini peluang untuk membuat pinjaman untuk program tanam semula, takkanlah kita hendak biarkan mereka dengan cara mereka sendiri, FELDA ada, pegawai dia ada, tolonglah pantau mereka, misalannya, tetapi tidak ditender kepada syarikat-syarikat tertentu untuk memajukan ataupun membuat, melaksanakan program tanam semula ini.

Jadi, saya rasa itulah perkara-perkara yang saya ingin bahaskan dan turut sama di dalam membincangkan ataupun membahaskan rang undang-undang ini, saya rasa saya mintalah pandangan yang begitu serius daripada pihak kementerian di dalam soal memberikan ataupun memasukkan nama-nama kepada peneroka dan juga isteri ataupun bekas isteri ataupun waris terdekat di dalam soal geran tanah mereka ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tidak ada lagi, saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

3.18 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Robia binti Dato' Kosai]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbincangan pada hari ini dan saya juga ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada segala sokongan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada barisan kerajaan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang.

Memanglah Kerajaan Barisan Nasional sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap apa-apa masalah yang dialami oleh rakyatnya.

Untuk menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Bukit Mertajam yang telah juga memberi sokongan kuat atas pindaan ini, Yang Berhormat telah menyatakan tentang kenapa wanita tidak boleh jadi saksi, itu di luar daripada pindaan ini, tentang KWSP sebenarnya kita di rancangan-rancangan tidak ada KWSP kerana di rancangan ini peneroka sendiri adalah tuan punya tanah dia bukan pekerja, jadi kita memang tidak ada KWSP dalam tanah-tanah rancangan-rancangan semuanya.

Tentang kaunseling dalam rancangan, memang kita ada JKKR di mana kita ada Social Development Officer, dan juga pegawai agama dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti sosial baik persatuan wanitanya, belianya, penerokanya. Jadi, daripada jawatankuasa keselamatan rancangan ini termasuklah program-program kaunseling, pendidikan, kemasyarakatan yang ada.

Yang Berhormat bagi Dungun, terima kasih kerana menyokong pindaan ini - mengatakan bahawa FELDA tidak cekap mengeluarkan hak milik. Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan ini adalah untuk mengatasi masalah yang dihadapi, yang disebabkan pemilikan individu yang diamalkan sebelum ini. Jadi, pengeluaran surat hak milik berdasarkan kepada hutang peneroka telah selesai, pelan akuan hak milik telah sedia, kawasan rancangan telah diwartakan di bawah seksyen 4 iaitu warta keseluruhan kawasan rancangan, lepas itu seksyen 5, kawasan pertanian dan seksyen 6, kawasan kampung.

Proses untuk pendaftaran hak milik juga memakan masa yang panjang antara 2 hingga 3 tahun. Contoh bagi FELDA Kemahang II - Peneroka selesai hutang bayaran kembalinya pada tahun 2000, tetapi hak milik telah dimohon pada 13.10.1998 bagi 138 orang peneroka dan hak milik belum didaftarkan. Contoh bagi Bukit Banding, Peringkat Keenam - peneroka selesai hutang tahun 2000, permohonan telah dikemukakan pada 21 Disember 2000 dan hak milik belum didaftarkan. Jadi, kelewatan pendaftaran hak milik di Kerteh adalah disebabkan kawasan berkenaan belum diwartakan di bawah seksyen 6 oleh kerajaan negeri. Jadi, adalah tidak benar dakwaan Yang Berhormat bagi Dungun yang mengatakan FELDA sengaja melambatkan permohonan hak milik atau tindakan tidak cekap kerana sehingga ini 60,391 orang peneroka ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada yang berdiri, Sri Gading minta penjelasan. Ya, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Setiausaha Parlimen, orang senegeri dengan saya. Cantik tudung nampak Yang Berhormat, *[Ketawa]* dan orang sekalilah. *[Menyampuk]* Ada perbezaan watak atau fiil atau apa saya hendak cakap, ya - kemahuan atau ada dua berbezaan penilaian. Bagi orang Cina, minta maaf orang Cina - saya bergaul dengan kawan-kawanlah di kawasan, pemimpin MCA khususnya, kalau dia dapat tumpang tanah pun untuk dia tanam sayur, untuk dia mengeluarkan hasil, dia sewa pun memadai, tidak perlu ada hak milik, yang penting melalui usaha di atas tanah, tidak kira tanah siapa, sama ada pinjam, sama ada sewa, yang penting pendapatan daripada usaha mereka.

Tetapi orang Melayu, minta maaf, bukan semua orang Melayu - yang penting hak nama geran, sama ada tanah itu jadi belukar - tidak penting, yang penting mesti ada hak. Oh! Ini tanah saya. Sama ada dalam ini harimau boleh bertelur, dia tidak penting. *[Ketawa]* Harimau sudah merayau, *[Menyampuk]* pasal Kelantan kata banyak hutan, orang PAS di sana *let go*, harimau sudah tidak ada tempat hendak bersembunyi, langsung orang pula menjadi mangsa. Kata orang. Tetapi yang kata ini orang PAS juga, saudara sayalah yang datang daripada Kelantan. Jadi, yang penting pada orang Melayu ialah geran. Geran penting. Tumpat setuju atau tidak dengan saya, yang penting hak.

Pasal dalam kepala orang kita, minta maaf, dapat sahaja tanah, geran, yang penting sudah terfikir macam mana hendak jual. Sebab itu saudara saya apabila dia dapat pusaka daripada keluarga dia, dia boleh bercakap, "*Yang sedap harta pusaka ini jual*". *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa soalnya Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini cerita fiil antara beza orang Melayu dengan orang Cina. Ini secara rambang, mungkin tidak tepat. Dan Melayu yang teruk ini PASlah, orang PAS lebih teruklah, kalau hendak dikira dengan orang UMNO, yang teruk ini orang PASlah. Itu semua dunia pun tahu sampai orang Eskimo pun tahu yang jahat Melayu ini ialah PAS, itu dia sudah tahu, tidak usah hendak ceritalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hendak sampai ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Orang perempuan kita hendak berlembut sikit, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, hendak masuk itu sikit-sikit, pelan-pelan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya ingat sudah cukuplah itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hendak masuk tidak boleh terus, kalau terus, tolak dia. Jadi,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya ingat sudah cukuplah itu, boleh masuklah itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bolah masuk persoalannya Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat, kadang-kadang susah, ada perkara-perkara yang berkaitan untuk mendapat hak milik ini. Cuma boleh atau tidak Yang Berhormat terangkan kepada peneroka-peneroka, di samping hak milik itu penting dan usaha oleh FELDA dengan kerjasama ataupun kuasa kerajaan negeri kerana tanah ini di bawah kuasa kerajaan negeri, sama ada kerajaan negeri hendak bagi lekas, lambat ataupun macam mana perkara untuk memberi hak milik, itu terpulang kepada kerajaan negeri, FELDA tidak ada kuasa sangat, pasal *you* cuma tumpang negeri orang punya tanah.

Di samping usaha hendak melekaskan peneroka dapat geran dan enakmen yang kita pinda ini saya setuju sangatlah. Sebenarnya ini banyak kerana hendak memenuhi isteri yang takut, takut apabila sudah tua kalau tidak dapat hak sebagai mata pencarian bersama, takut siabang ini akan melayang, jumpa orang yang lebih muda – ini suatu kejayaan besarlah. Jadi, bolehkah agaknya kementerian berusaha supaya jangan keghairahan dari segi hendak menjadi ataupun hendak mendapat hak milik itu sahaja yang utama, tetapi macam mana hendak meningkatkan pendapatan daripada tanah yang telah pun menjadi hak milik mereka, cuma geran itu kadang-kadang lambat tetapi hak milik tetap, supaya mereka dapat benar-benar menumpukan kepada meningkatkan mutu pendapatan diri mereka masing-masing. Saya minta sedikit penjelasan. Hendak panjangkan boleh, saya sedia menunggu.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang betul kata Yang Berhormat bagi Sri Gading itu, pemilihan yang dihendaknya padahal usahanya ada kurang sedikitlah. Walau bagaimanapun sumbangan peneroka terhadap negara memang banyaklah dan pindaan ini adalah untuk memberi ...

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tunggu dia jawab sekejap Yang Berhormat sebab soalan tadi panjang.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: nama isteri atau warisnya dalam geran itu. Ya! Sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya cukup tertarik dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading yang saya nampak cukup prihatin tentang nasib peneroka FELDA. Tetapi saya difahamkan di Johor sendiri peneroka-peneroka FELDA ini menghadapi masalah yang cukup besar termasuk dalam satu kes yang saya tahu iaitu di FELDA Cahaya Baru, di mana

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cahaya Baru.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Dekat dengan Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Eh! Jauh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jauh.
[Ketawa] Teruskan soalan.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tidak jauhlah, Johor Bharu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, ya.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Di mana lebih daripada 370 orang peneroka FELDA yang tanah hak milik mereka telah digadai kepada syarikat *developers* yang saya difahamkan sampai hari ini nasib peneroka tersebut masih terumbang-ambing.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi, adakah Kerajaan Johor yang diperintah oleh Barisan Nasional ini benar-benar berhasrat untuk menyelesaikan masalah-masalah FELDA ataupun sekadar bersandiwara seperti yang disuarakan oleh Sri Gading. Terima kasih.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih Yang Berhormat. Ini sudah jauh sangat. Cahaya Baru itu adalah satu daripada rancangan yang hendak di *develop* kan, dibangunkan. Sebenarnya Cahaya Baru ini sudah dapat hak milik. Jadi, bila sudah dapat hak milik, ia boleh dijadikan untuk pembangunan. Dia boleh minta kepada kerajaan negeri untuk membebaskan daripada *GSA*. Jadi, itu pun sudah selesai. Sekarang ini antara penerokanya dengan pemaju itu. Jadi, tidak ada kena-mengena dengan FELDA, minta maaf, ya. Jadi, saya teruskan ya, Tuan Yang di-Pertua.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga orang berdiri Yang Berhormat. Yang mana satu hendak bagi?

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Okey, banyak yang minat tentang FELDA, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak bagi yang mana, Yang Berhormat?

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Boleh, yang mana-mana.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pilih yang mana satu...

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Idaman kalbu? Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Sri Gading lagi?

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Ana, anta, anta. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Silakan Sri Gading sekali lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dipilih itu, bangga ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat. *[Ketawa]* Terima kasihlah dipilih sekali lagi. Teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat sahabat saya, Yang Berhormat bagi Setiu, Yang Berhormat. Dia bangkitkan – inilah yang satu kita bimbangkan selama ini, apabila hak milik diberi kepada peneroka, mereka sudah mempunyai hak mutlak 100%, ini yang kita bimbang. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Setiu, ini yang sudah jadi kenyataan.

Itu sebab apabila FELDA sendiri mahu membangunkan tanah-tanah FELDA, itu yang kita minta supaya orang-orang FELDA terima supaya mengelakkan daripada cerita-cerita yang boleh menggoda mereka untuk ditukarkan tanah pertanian itu kepada perumahan dan perindustrian.

Macam Yang Berhormat bagi Tumpat kata, memang sesetengah tempat kerana dia di pinggir bandar, tiba-tiba dia jadi 'jutawan segera', memang betul-tetapi kes-kes macam ini akan menghakis tujuan asal Allahyarham Tun Abdul Razak supaya orang Melayu, khususnya yang tidak ada tanah, dapat hak milik tanah dan kekal di dalam genggaman mereka supaya tidaklah orang Melayu dalam negara ini merempat tidak tentu pasal.

Itu sebab kita harap orang FELDA faham kenapa kerajaan sekarang membuat skim yang seperti ini supaya kekal. Ada 1.5 juta ekar, tiba-tiba orang Melayu dapat. Ini bukan soal perkauman tetapi bagaimana kerajaan hendak menolong, di samping juga bangsa-bangsa lain ditolong oleh kerajaan, sebagai contoh. Sebab itu kita hendak elakkan daripada perkara dalam Cahaya Baru berlaku kepada lain-lain.

Itu sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan supaya ditubuhkan syarikat untuk mentadbirkan tanah-tanah FELDA yang terbiar. Terima kasih.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Saya rasa penjelasan itu memang tepatlah. *[Disampuk]*

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Tentang pindaan kah, apa?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Menyampuk]*

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Oh, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan ya?

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Setiu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Saya ingin mendapat penjelasan kembali sebab saya rasa oleh kerana isu itu saya yang bangkitkan. Berhubung dengan peneroka FELDA Cahaya Baru ini, saya difahamkan bahawa kes ini ialah kes di mana Kerajaan Barisan Nasional telah memberi sokongan – Johor ini tidak ada PAS – kepada pihak peneroka untuk memajukan tanah tersebut melalui sebuah syarikat dan selepas itu berlaku perubahan kerajaan iaitu saya tidak hendak namakan siapa dia Menteri Besar sebelum ini, di bawah pimpinan Menteri Besar yang baru.

Kemudian bila perubahan pimpinan oleh Menteri Besar yang baru, maka sokongan tersebut semacam ditarik balik. Adakah ini sikap Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa berubah-ubah dasar walaupun di bawah pimpinan kerajaan yang sama? Terima kasih.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih Yang Berhormat. Itu adalah sangkaan buruk yang tidak patut dibawakan di sini. Bukan kerana Kerajaan Johor ataupun kerajaan yang berkenaan yang tidak membantu atau menyokong. Sebenarnya

sudah menyokong sehingga habis tetapi syarikat pembangunan itu tidak mampu semasa kejatuhan ekonomi. Mana ada duit hendak buat perumahan. Itu bukan hanya di Cahaya Baru tetapi di Sendayan, di Sungai Buaya, Bukit Cherakah dan banyak lagi rancangan FELDA yang tergendala. Jadi, jangan salahkan Kerajaan Johor. Terima kasih.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Ada lagi hendak tanya? Saya rasa kita hadkan kepada pindaanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi Yang Berhormat, ya.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Bolehlah. Saya rasa sudah cukup tentang itu. Sudah menyeleweng jauh sangatlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi atau tidak, Yang Berhormat ini?

Dr. Robia binti Dato' Kosai: **Tidak bagilah, tidak bagi.**

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Tanya yang lain-lainlah, boleh tanya yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Bukan, kita jangan membuang masa untuk ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi dulu. Sila duduk dulu.

Tuan Saupi bin Daud: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk dululah Yang Berhormat.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Saya teruskan lagi ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, duduk dulu.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Sehingga kini, seramai 60,391 peneroka iaitu 91.6% telah mendapat hak milik daripada 103,156 orang peneroka. Seramai 37,220 peneroka belum selesai menjelaskan hutang dan 5,545 peneroka yang telah selesai hutang bayaran kembali telah pohon hak milik dan kerajaan telah membuat permohonan hak milik lebih awal.

Sebenarnya, saya hendak cerita macam mana kita hendak bagi hak milik ini supaya Yang Berhormat semua faham sedikitlah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ramai yang berdiri, hendak bagi jalan?

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Saya hendak panggil dulu kah atau saya hendak beri penjelasan dulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Eh, jangan tanya, Yang Berhormat hendak bagi jalan kah atau tidak bagi? Itu sahaja.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Saya bagi penjelasan dululah, untuk hak milik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi lagi, Yang Berhormat. *[Disampuk]* Itu hak dia. Dia tidak bagi lagi, Yang Berhormat.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Hak milik dulu ya. Selepas itu, boleh tanyalah, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Bila sudah dapat hak milik ini sebenarnya....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dulu, dia tidak bagi.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: ...Sebelum lima tahun lagi habis bayar kembali, dalam satu rancangan, kita ada beberapa peringkat. Jadi, dalam satu peringkat boleh ada 150 orang, ada 200 orang tetapi dalam satu peringkat itu, jika 80% telah membayar kembali hutang mereka, kita sudah membuat permohonan untuk dapatkan hak milik.. Selepas itu, yang saya cakap tadi, seksyen 4, 5 dan 6 tadi, diwartakan, jadi banyak kerja. Selepas itu, kita akan ajukan kepada Pejabat Tanah. Pejabat Tanah akan ukur, bukan kerana kurang juruukur tetapi untuk mengukur, fikirkan, katakan 200 lot tanah hendak diukur semula. Itu yang ada surat akuan. Bila diukur semula, paling cepat 2 atau 3 tahun.

Kadang-kadang pihak FELDA membantu Pejabat Tanah untuk menulis permohonan-permohonan. Jadi, untuk....

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tiga orang berdiri Yang Berhormat.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Okeylah, yang mana-mana satu. Okey, Tanah Merah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanah Merah, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini Adil *[Ketawa]*

Tuan Saupi bin Daud: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tanah Merah, teruskan.

Tuan Saupi bin Daud: Ya, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tanah Merah.

Tuan Saupi bin Daud: Saya tadi bercakap pasal ini juga. Saya pun kalau sudah lama, sudah terlewat, nanti ketinggalan zaman pula saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Jadi, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah dapat itu, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Pertama sekali, saya hendak dua penjelasan, berhubung dengan yang baru dicakap tadi. Pertama sekali saya hendak tahu status geran yang dikeluarkan oleh FELDA tadi dari segi sekatan kepentingan. Ada atau tidak tercatat bahawa tanah ini tidak boleh dijual beli ataupun tidak boleh dipindahkan hak milik kepada sesiapa kecuali dengan kelulusan FELDA. Itu satu kan?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Saupi bin Daud: Itulah saya hendak tanya. Yang tadi Yang Berhormat bagi Sri Gading heboh-heboh itu, buat apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, Tanah Merah ya.

Tuan Saupi bin Daud: Yang kedua, berhubung dengan, saya juga membuat kenyataan tadi bahawa proses mengeluarkan hak milik tanah tadi, saya sebut di negeri saya dan saya pernah bincangkan perkara ini dalam Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah. Salah satu daripada kelambatan untuk mengeluarkan surat hak milik tanah ini ialah kerana kerja-kerja ukur memerlukan pegawai penempatan ataupun S.O yang cukup.

Jadi, masalah sekarang, S.O tidak cukup. Ini dilaporkan oleh pihak juruukur. Jadi, saya minta supaya kalau boleh juruukur ditambah dan pegawai penempatan ditambah supaya dapat mempercepatkan proses.

Tadi Yang Berhormat kata tidak ada kena-mengena, jadi saya rasa tidak betul sebab saya adalah salah seorang ahli jawatankuasa yang memberi geran tanah.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang juruukur ini, sebenarnya kita sudah luluskan peruntukan untuk memodenkan Pejabat Tanah. Jadi, *in future* lah. Buat masa sekarang, memang prosesnya memakan waktu dua, tiga tahun. Tidak boleh elak daripada itu. Paling cepatlah. Paling lama lima tahun tetapi sekarang kita buat secepat mungkin dan sekarang ini pemodenan Pejabat-pejabat Tanah, kita adakan *total station*.

Jadi, satu S.O itu, kalau dulu kena buat banyak kerja, ini jam semua pakai *computerized*. Insya-Allah, kita akan buat itu secepat mungkin. Jadi, proses pemberian hak milik akan disingkatkan, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi, ya, dua orang.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Rompin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini saya hendak minta penjelasan sedikit tentang isu tanam semula. Isu saya tidaklah isu yang terlalu teknikal seperti Tanah Merah ini. Ini isu lebih dasar dalam melahirkan kebimbangan saya. Dalam kawasan saya, lebih daripada separuh pengundi saya adalah peneroka. Kebimbangannya adalah bahawa bila peralihan dari skim FELDA ini kepada tanaman semula, struktur masyarakat itu berubah. Kalau dahulunya ada JKKR sekarang ada JKK. Lepas itu pula pentadbiran FELDA dahulu tidak sama dengan FELDA yang baru, macam ada satu *withdraw of FELDA*, FELDA selepas tanam semula macam tadi, estet, FELDA tidak bertanggungjawab lagi untuk memastikan khidmat sosial, agama, belia, peruntukan belia dan sosial sudah tidak ada. Jadi bermakna kalau masyarakat di FELDA yang tersusun dan sungguh baik, kadang-kadang yang dirosakkan oleh sebelah sana seperti Tanah Merah itu, itu yang ibunya. *[Ketawa]*

Jadi bila tidak tersusun seperti dahulu, kebimbangan saya ialah mengapa pendekatan sosioekonomi ini hendak dialih, transformasikan kepada satu sosio masyarakat yang komersial seperti estet dan kita tahu apa yang berlaku dalam estet-estet. MIC sentiasa kompelin apa yang berlaku dalam masyarakat estet. Adakah saya hendak bertanya FELDA ini merujuk kepada kerajaan, tidak mengubah dasar ini. Jangan pula kerajaan pikul apa yang dibuat di FELDA, mungkin FELDA ada

pertimbangan komersialnya sahaja tetapi kerajaan perlu timbang kepada impak sosioekonomi kepada masyarakat orang Melayu di luar bandar itu sendiri.

Saya hendak bertanya sedikit, ini mungkin Yang Berhormat tidak boleh jawab tetapi adakah kerajaan memahami senario ini sebab apa kebimbangan ini akan merosakkan sebab saya balik ke kawasan, kalau dahulu ada enam atau tujuh orang pegawai satu FELDA, satu perancangan, tinggal seorang atau dua. Dahulu ada pegawai agama, sudah tidak ada, pegawai sosial sudah tidak ada, bantuan untuk masjid sudah tidak ada, untuk belia sudah tidak ada. So ke mana hendak bawa arah FELDA ini? Saya minta maaf bertanya sebab kenanya saya nanti, bila sudah jadi porak peranda, masyarakat yang sebelah sana bergendang-gendang masuk sebelah sana [Ketawa] Kita sudah buka pintu bagi laluan yang baik untuk mereka lalu, Ketua Pemuda bergendang datang. Apa yang pucuk mendatang ...

Seorang Ahli: Pucuk dicita ulam mendatang.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hah, pucuk dicita ulam mendatang [Ketawa] Terima kasih.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Bila tanam semula, nanti saya akan sentuh juga tentang tanam semula ini. Bila tanam semula maknanya sudah lebih dari 20 tahun bagi kelapa sawit dan juga getah. Jadi bila tanam semula ini maknanya peneroka sudah ada hak milik. Jadi bila sudah ada hak milik jadi itulah kita memperkecilkan pegawai-pegawai kita sebab macam tadi ada yang Yang Berhormat kata hendak bebas, hendak apa tetapi ada juga Yang Berhormat hendakkan FELDA mengawal selia balik. Jadi sebenarnya kita sedang kaji dan kita akan mengadakan apa yang sebenarnya kita akan halatujukan FELDA ini untuk kebaikan semua, baik kerajaan, baik masyarakat, baik rakyat. Jadi itu adalah rancangan yang berikutnya. Kita sedang – ada jawatankuasa untuk mengenal pasti di mana kelemahan kita, kita akan rombak balik, insya-Allah.

Tuan Hassan bin Mohamed: [Bangun]

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri dua orang Yang Berhormat.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, belakang?

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila Besut.

Tuan Hassan bin Mohamed: Terima kasih, masih lagi persoalan hak milik. Saya melihat persoalan hak milik ini seolah-olah menjadi senjata politik kepada Barisan Nasional mempermainkan rakyat. Sebab itulah kita lihat banyak kawasan FELDA, satu persatu telah tumbang kepada PAS [Disorak] dan ini sebagai satu lampu merah kepada kerajaan Barisan Nasional mesti berhati-hati dalam perkara ini jangan mempermainkan rakyat kerana di sana....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat, ya cukuplah itu.

Tuan Hassan bin Mohamed: Persoalannya....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini berucap kah atau apa? Panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah, sudah, saya sudah tegur Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Mohamed: Persoalannya saya hendak tanya statistik kalau boleh jawab. Dari muda sampai ke tua, dari pokok itu ditanam, tebang balik, sudah tua sampai ke cucu, sudah berjanggut tidak dapat geran lagi sebab itulah rakyat tidak percaya lagi dengan kerajaan. Sebab itulah hari ini di Terengganu mereka berpindah kepada PAS kerana tidak dapat geran tanah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Mohamed: Saya rasa ini perkara yang serius yang mesti ditangani oleh pihak kementerian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Robia binti Dato' Kosai: *[Ketawa]* Okey, jadi tentang hak milik ini adalah amalan FELDA mengemukakan hak milik yang lebih awal yang seperti yang saya cakapkan tadi. Jadi sebenarnya lewat-lewatkan ini bukan politik, bukan hasrat kerajaan Barisan Nasional untuk mempolitikkan keadaan sebenarnya, seperti yang saya cakap tadi lambat pengeluaran hak milik itu tidak semata-mata kerana FELDA, kerana kerajaan negeri, kerana Pejabat Tanah Daerah yang mengusahakan itu. Jadi jangan kata FELDA yang melambat-lambatkan. Sebenarnya FELDA membantu dalam usaha ini semua...

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Minta maaf, itu yang sebenarnya, penjelasan yang sebenarnya, kita tidak berniat untuk mempolitikkan dalam keadaan ini. Pada kita semua rakyat sama.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tumpat berdiri.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Ya, Tumpat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan pemberian hak milik kepada peneroka-peneroka. Mengikut yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, kerajaan berhasrat tetapi oleh kerana masalah pengurusan untuk mengaturkan proses-proses teknikal nampaknya untuk memberi hak milik kepada peneroka-peneroka ini. Baru-baru ini di Terengganu, Kerajaan Negeri Terengganu, pegawai Tanah dan Galian, pengarah PTG memberitahu saya bahawa dia berhasrat untuk rakyat negeri Terengganu mengeluarkan, saya fikir 50 ribu geran tanah hak milik dalam masa setahun. Jadi bolehkah saya memohon kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya melawat Terengganu dan belajar dari Kerajaan Negeri Terengganu bagaimana hendak menyusun pentadbiran kerajaan, FELDA untuk membolehkan geran-geran hak milik ini diberikan kepada peneroka dalam kadar yang jauh lebih cepat daripada nampaknya yang dapat dilakukan oleh pihak kementerian sekarang ini. Terima kasih.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Tadi Yang Berhormat bagi Dungun kata lambat, negeri Terengganu tidak dapat beli hak milik, lambat, ini pula kata 50 ribu pula. Minta maaf, saya akan kaji dan saya akan ...*[Disampuk]* Tidak ada, tadi Dungun kata dia banyak tidak dapat, macam mana boleh kata 50 ribu yang dapat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang telah memberikan sedikit peluang kepada saya untuk mendapat penjelasan berkaitan dengan pemberian hak milik tanah kepada peneroka-peneroka FELDA ini.

Ada dua perkara yang perlu saya mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Pertamanya, ialah berkaitan dengan pemberian hak milik tanah kepada peneroka yang mana menjadi persoalan kepada peneroka-

peneroka di seluruh negara, khususnya di negeri Terengganu sebelum ini. Kononnya dikatakan memang pihak FELDA tidak menggalakkan ataupun tidak berapa menggalak untuk memberi hak milik kepada rakyat ini oleh kerana dengan adanya pemberian hak milik kepada rakyat ini menyebabkan rakyat akan merasa bebas dan Kerajaan Barisan Nasional tidak boleh menekan melalui FELDA kepada peneroka-peneroka terutama sekali menjelang menghadapi pilihan raya.

Sebab itulah kalau boleh tidak diberi terus sampai bila-bila hak milik ini kepada peneroka ini supaya peneroka sentiasa tergantung, sentiasa dicucuk hidung, sentiasa ditekan, terutama sekali menjelang pilihan raya. Tetapi bolehkah Yang Berhormat jelaskan. Cara pentadbiran Kerajaan Kelantan pula, apabila sampai di Kelantan contohnya di Kemahang, di Rancangan FELDA Kemahang, Kerajaan Kelantan dengan keadaan terbuka, iaitu dengan memberi hak milik tanah kepada rakyat melalui FELDA ini dengan tidak ada prasangka, dengan tidak ada takut kepada rakyat, sama ada mereka ini hendak mengundi PAS atau tidak apabila mereka mendapat hak milik tanah, yakni dimerdekakan mereka itu, diberi peluang begitu.

Sedangkan di negeri-negeri lain seperti mana yang disebutkan tadi, pemimpin politik merasai curiga kepada peneroka itu sendiri sehingga menganggap peneroka itu seperti orang Asli. Kalau diberi tanah hak milik bebas, mereka itu gadai, jual dan sebagainya. Itu maknanya kepercayaan pemimpin politik kepada peneroka begitu teruk sekali, sedangkan sepatutnya kita tidak boleh menganggapkan rendahnya peneroka-peneroka FELDA ini berfikiran sedemikian sehingga tidak memberi kepercayaan dan tidak meyakinkan diri mereka itu untuk mengusahakan tanah mereka dengan keadaan bebas, kerana anak-anak mereka ini memang sudah terdidik dan mempunyai pendidikan, sudah tentulah mereka itu pandai menilai sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Soalannya ialah, adakah benar rungutan daripada peneroka FELDA mengatakan bahawa sengaja pihak kerajaan tidak mahu memberi hak milik tanah kepada peneroka-peneroka ini dengan tujuan untuk menekan mereka itu ataupun mencucuk hidung mereka itu, terutama sekali menjelang pilihan raya.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih Yang Berhormat. Hari ini banyak sangkaan buruk. Minta maaf. Sebenarnya yang dikatakan FELDA ini mengongkong, mengekang, tidak memberi kebebasan kepada peneroka dengan menentukan mereka mengikut kehendak FELDA, sebenarnya FELDA tidak menghalang peneroka membuat pilihan sama ada memilih untuk tanam semula dengan FELDA atau sebaliknya. Dan tidak benar dakwaan mengatakan bahawa mereka didiskriminasikan dengan melewati pengeluaran hak milik.

Permohonan hak milik adalah berdasarkan kepada selesai tempoh bayaran kembali, dan seperti yang saya cakapkan tadi. Dan untuk jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat bagi Tanah Merah tadi, apakah sekatan kepada GSA dalam hak milik itu, memang terdapat sekatan kepentingan di mana tidak boleh dijual, digadai, dipindah milik tanpa kebenaran pihak berkuasa negeri, bukannya FELDA. Jadi bukan FELDA yang mengekang semua ini.

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi yang mana?

Dr. Robia binti Dato' Kosai: *[Mempersilakan Yang Berhormat bagi Marang]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Marang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Adakah pihak Yang Berhormat menyedari bahawa berlaku kadang-kadang beberapa perkara yang tidak sihat dalam langkah untuk memberi hak milik kepada peneroka FELDA. Berlaku satu peristiwa di FELDA Nerang di Terengganu Selatan apabila pihak kerajaan negeri telah membantu bagi menyelesaikan masalah hak milik kepada peneroka FELDA, yang telah meneroka selama 25 tahun. Dalam masa

beberapa bulan kami telah berjaya memberi milik dan membahagi hak milik kepada mereka berjumlah lebih kurang 500 orang. Tetapi apabila sampai masa geran hendak dibahagi kepada mereka, terdapat kempen-kempen yang dilakukan oleh pimpinan bahagian UMNO supaya jangan datang untuk menerima geran yang diberi oleh kerajaan negeri. Ini menandakan bahawa terdapat perkara-perkara negatif kerana kepentingan politik sehingga menghalang peneroka untuk menerima milik tanah yang sebenar.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, berlaku satu perkara iaitu birokrasi pentadbiran. Birokrasi ini berlaku di bawah kerajaan negeri sejak zaman Barisan Nasional, di mana sesuatu urusan hak milik tanah bagi menyelesaikannya terpaksa melalui lebih kurang 27 meja pegawai-pegawai kerajaan. Kalau 27 meja ini, satu meja sepuluh hari, maka ia memakan masa 270 hari. Bagi kawasan Hulu Terengganu, kami telah membuat kajian di mana terdapat 9,000 permohonan tanah. Sekiranya 9,000 permohonan tanah ini diselesaikan melalui 27 meja, ia akan memakan masa 70 tahun. Inilah birokrasi pentadbiran. Adakah pihak Kerajaan Pusat menyedari hal-hal yang seperti ini supaya diperbetulkan dengan segera.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalan pertama tidak ada kaitan. Yang Berhormat bagi Dungun sudah bangkitkan tadi.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Ia, soalan tadi ada berkaitan dengan Dungun. Jadi saya sedang menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalan yang kedua.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Boleh, ada lagi yang hendak bertanya?

Tuan Fong Kui Lun: *[Bangun]*

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Okey.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam Pilihanraya Kecil di Ketari, negeri Pahang di kawasan FELDA Mempaga, selama 30 tahun mereka tidak diberi geran. Bila sampai pilihan raya kecil, barulah kerajaan mengeluarkan geran kepada peneroka-peneroka FELDA.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peneroka ini Yang Berhormat?

Tuan Fong Kui Lun: Ya, peneroka-peneroka. Tidakkah pihak kerajaan menyalahgunakan kuasa bagi memancing undi pengundi peneroka ini. Adakah ini cara Barisan Nasional untuk memenangi pilihan raya kecil ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila jawab Yang Berhormat.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Tidak ada. Itu bukan cara Barisan Nasional. Memang kebetulan masa itu sudah dapat hak milik. Jadi kita adakanlah satu .. *[Disorak oleh Ahli-ahli Pembangkang]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Habiskan Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat jawab.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Memang sudah dapat. Jadi kita panggillah Menteri Besar memberi hak milik. *[Disampuk]* Allah sama sahaja ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: *[Disampuk]* Tidak payahlah. Terima kasih. Jadi, Yang Berhormat bagi Dungun juga mengatakan bahawa kerjasama Kerajaan Federal dengan state dalam negeri ini, sebenarnya memang ada kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan negeri, dan kita memang ada mesyuarat Pengarah-pengarah Tanah yang diadakan 3-4 kali setahun, yang termasuk juga dihadiri Pengarah Tanah Negeri Kelantan, Terengganu, yang bersama-sama memberi ulasan. Kalau dia tidak setuju, dia boleh cakap dia tidak setuju. Jadi antara itu memang ada kerjasama.

Selepas itu kita pula ada Majlis Tanah Negara, di mana pengerusinya ialah Timbalan Perdana Menteri bersama-sama Menteri Besar-Menteri Besar negeri-negeri. Jadi Yang Berhormat bagi Dungun pun ada hadir pada mesyuarat Majlis Tanah Negara. Tahun ini kita adakannya pada bulan Oktober. Tiap-tiap tahun memang kita adakan. Jadi pada mesyuarat itu kita mendapat pandangan yang harus diutarakan oleh negeri masing-masing. Jadi tidak timbullah persoalan bahawa dalam hal tanah ini pihak negeri-negeri tidak dipanggil untuk berbincang.

Dan mereka bertanya adakah perwakilan negeri dalam struktur FELDA itu. Ahli Lembaga FELDA ini terdiri daripada pengerusi, dia ada setiausaha, kita ada Ketua Pengarah, wakil daripada EPU, wakil daripada Kementerian Kewangan, KSU Kementerian Tanah juga wakil profesional, dan wakil negeri yang kita lantik adalah negeri-negeri yang mempunyai rancangan yang terbanyak. Takkanlah kita hendak panggil semua negeri menganggotai dalam Lembaga ini – 14 orang pula, dicampur yang lain-lain lagi, nanti menjadi 20, 40 orang.

Jadi daripada wakil negeri ini kita melantik dua negeri yang paling banyak rancangan seperti Pahang dan Johor. Pahang rancangannya hampir 100 lebih, Johor 50 lebih, *the rest*, Terengganu hanya 20 rancangan sahaja, Kelantan 11 rancangan sahaja. Tidak mungkin dia mewakili yang banyak ini, betul tak? Adilkan. Jadi, selain daripada itu yang mewakili pula, peneroka pun ada, ketua peneroka Encik Azizan daripada Wilayah Utara dan ada yang menyangka bahawa Terengganu pun tidak ada wakil.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sebenarnya kita, setiap Naib Pengerusi Gabungan tiap-tiap rancangan ini kita ada gabungan, ada naib pengerusinya, ada pengerusi GPW Gabungan, mereka ini duduk dalam anak-anak syarikat, pengarah anak-anak syarikat. Jadi, suara-suara mereka ini, bukan kerajaan negerilah tetapi peneroka di negeri masing-masing daripada rancangan di tiap-tiap gabungan menyertai dalam anak-anak syarikat ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat semua.

Seterusnya saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah yang menyokong penuh di atas pindaan ini. *Insyaa-Allah* kita akan melaksanakannya sebaik mungkin.

Soalannya adalah pindaan ini cadangan isteri yang berusaha sama apakah seperti Yang Berhormat nyatakan bahawa isteri yang berusaha sama masuk dalam FELDA ini dan setelah itu setahun, dua tahun diceraikan, katakan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Jadi, isteri ini berhak untuk mendapat nama kedua masuk ke dalam ini setelah dia menuntut harta sepencarian. Selalunya harta sepencarian ialah setelah isteri diceraikan, jika diceraikan hidup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]; Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Saya terangkan sekejap sahaja ya. Jika diceraikan hidup, jadi isteri ini akan menuntut di Mahkamah Syariah untuk mendapatkan harta sepencarian. Jadi, sebelum ini harta sepencarian adalah separuh daripada harga ladang tersebut. Nanti saya akan ceritakan apa itu pegangan desa, *rural holding* itu. Jadi, setengah daripada itu dituntut dalam cara wang atau berapa harga nilainya dibahagi dua dan kalau peneroka itu mampu, ditolak daripada pendapatan peneroka itu setiap bulan diberi kepada isteri yang diceraikan itu. Tetapi dengan adanya pindaan sekarang, sebab apa kadang-kadang peneroka ini duit pergi ke mana tidak tahulah, jadi banyak rancangan, orang lelaki minta maaf ya. Jadi isteri yang diceraikan itu tidak dapat duit yang seharusnya diberikan kepadanya. Jadi, dengan adanya pindaan ini, nama dia boleh dimasukkan ke dalam geran tanah tersebut. Jadi, dia dapat sebahagian daripada harta ini. Ya sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita faham enakmen ini akan memberikan perlindungan kepada isteri. Cukup baik supaya isteri tidak teraniaya tetapi kadangkala, kadangkala, kadangkala..., minta maaf saya bercakap..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berapa kali kena sebut?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kadangkala Tuan Yang di-Pertua, wanita pun tidak membela wanita. Wanita tidak membela wanita, kadangkala. Kita lelaki memang hendak membela wanita tetapi kadangkala wanita pun tidak membela wanita. Contoh, kadangkala isteri pertama hendak menidakkan isteri kedua, isteri ketiga..

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Batu Gajah tidak ada pengalaman

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Batu Gajah tidak ada pengalaman, Tumpat tidak ada pengalaman, tidak ada, tidak berani dia.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia belum pergi Kemboja lagi. Tumpat dia tidak pergi, dia pergi Amerika..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini terjadi okey, apa hal isteri kedua, isteri ketiga, dia juga sang isteri, peranan dan tugas tidak ada bezanya, isteri pertama, isteri kedua ketiga, sama..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Pengalaman peribadi saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Tidak ada beza ialah kalau seorang isteri, apa ada bezanya peranan isteri pertama, isteri kedua, ada beza? Kadang-kadang isteri kedua lagi teruk beban dia punya tugas daripada segi..

Seorang Ahli: Anak kecil-kecil..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: .. Ini bagaimana kedudukan, dua dan tiga dan empat misalan. Dia hidup bersama-sama, matahari yang sama, bulan yang sama *[Ketawa]* Bagaimana hak dia? Apakah mereka tidak ada hak dalam Islam, sama tidak percaya tanya Yang Berhormat bagi Marang, isteri satu, dua, tiga, sama kewajipan. Dari segi nafkah suami berikan kepada isteri-isteri tetap mesti adil. Jadi, kalau dari segi harta sepencarian, apakah mereka tidak ada hak sebagai orang yang berhak dalam harta sepencarian. Itu satu contoh. Saya puas hendak melihat enakmen ini, kalau masuk FELDA, isteri meninggal, dia masuk almaklum umur tidak ada siapa yang tahu. Dia masuk, meninggal, si isteri meninggal. Suami tiba-tiba dia dapat jodoh orang Indonesia....

Seorang Ahli: Menyampuk

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...Ini macam mana. Ini jodoh, dia bukan warganegara, apakah isteri ini boleh menuntut sebagai isteri yang berhak atas... sebab itu kita kena baca juga enakmen ini dari segi hukum hakam Islam, hukum-hukum faraid dari segi Islam, hendak kena tanya fasal ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam Yang Berhormat sedang berceramah pula.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya bukan berceramah Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Tuan Yang di-Pertua silap mentafsirkan saya. Saya sedang membuat pertanyaan. Tuan Yang di-Pertua dua atau tiga. Tidak ada, seorang sahaja?.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak Tuan Yang di-Pertua seorang sahajalah, bukan dua tiga..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seorang apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Isterinya seoranglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh itu jangan libatkan sayalah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Okey minta maaf Tuan Yang di-Pertua, Jadi ini macam mana? Fasal, kita tidak boleh lari juga dari daripada segi hukum hakam. Soal kalau kita orang Islam, ini soal hukum faraid. Buat ketika ini, itu sahaja soalan saya Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih Yang Berhormat telah mengutarakan persoalan yang betul-betul praktikal yang terjadi, jadi ini *very interesting*. [Ketawa] Jadi, isteri-isteri ini yang ditakrifkan sebagai isteri atau bekas isteri, isteri-isteri ini, banyak di rancangan-rancangan, peneroka membuka banyak cawangan. Semasa mewah dahulu lagi banyak cawangannya. Jadi, seperti yang tadi, kes diusir dan bermacam-macam, itu nanti saya akan jawab. Jadi, katakan dua sahaja isteri, isteri pertama, isteri kedua. Jadi, yang kita akan masukkan nama itu adalah di mana kita akan memberi Borang AA, permohonan untuk mengisi nama kedua kepada tiap-tiap peneroka, baik yang ada hak milik ataupun yang belum mempunyai hak milik.

Di sini kita ajukan kepada pihak berkuasa negeri yang akan menentukan dan pihak berkuasa negeri akan meminta pengulasan daripada pengurus-pengurus FELDA yang berkenaan...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Jadi, yang mana antara dua isteri itu yang berusaha sama bertungkus-lumus. Dia bukan sahaja berusaha sama ia dalam *community service* pun dia melibatkan diri, semua sekalilah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Yang Berhormat, Rompin ada soalan.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Okey Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tentang peraturan baru Yang Berhormat sebut tadi. Adakah peraturan ini menjadi wajib kerana dalam kes di kawasan saya, saya balik ke kawasan saya minggu lalu. Kes ini agak bukan lucu. Saya risau juga kalau diwajibkan syarat itu. Sebab apa, peneroka yang kahwin dua ini, dia mengambil satu lagi. Baguslah dia membela seorang ibu tunggal tetapi ibu tunggal itu suaminya meninggal dahulu dan beliau sudah ada harta sepuluh ekar. Bermakna kalau beliau sekarang kahwin dengan peneroka yang lain, dia sepuluh ekar sudah ada akan mendapat lima ekar lagi. Itu saya tanya tadi. Peraturan ini kena berhati-hati. Kalaulah isteri yang baru itu bukannya tidak ada lagi harta sepuluh ekar, mungkin boleh ditimbang.

Tetapi ada, di kawasan saya baru berlaku, suami dia sudah meninggal lima tahun dahulu, dia jadi ibu tunggal, dia berkahwin dengan peneroka, penerokanya ada isteri. So isteri yang kedua ini adakah dimasukkan nama dalam sepuluh ekar ini. Kalau masuk nama bererti dia ada 15 ekar, yang isteri pertama tinggal lima ekar. Ini mesti ada keadilan kepada dua wanita ini. Nanti kerajaan dituduh, belah sana itu menuduh sahaja, dikatakan tidak adil kepada dua wanita ini.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih Yang Berhormat memang ada terjadi perkara sebegini di mana ibu tunggal, suami meninggal, jadi dia ada sepuluh ekar. Jadi yang pandai ini peneroka yang lainlah *tackle*, jadi isteri nombor dua. Jadi, yang berhak sepatutnya adalah isteri nombor satu. Kita sebenarnya akan membuat satu garis panduan yang dikeluarkan nanti. Kita akan membuat satu garis panduan untuk diluluskan dan dipersetujui oleh Majlis Tanah Negara. Jadi, daripada garis panduan itu kita akan gariskan yang lebih detail...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Setiausaha Parlimen dan saya mengucapkan tahniah kerana memberi peluang kepada semua orang yang tidak puas hati, dia tidak semacam Yang Berhormat bagi Grik susah hendak memberi soalan.

Seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat bagi Marang, Ketua Pembangkang menyatakan bahawa Terengganu kita cuba untuk hendak menyelesaikan tanah secara menyegerakan pembahagian tanah kepada rakyat. Di antara caranya ialah dengan melantik juruukur-juruukur swasta secara besar-besaran *insya-Allah*. Jadi, soalan saya ialah, adakah pihak FELDA, pihak Kerajaan Pusat ingin bekerjasama dengan kerajaan negeri supaya *speed* yang dibuat oleh negeri ini dapat dibantu oleh Pusat. Kalau tidak nanti di peringat negeri kita menyelesaikan dari sudut ukur tanah tetapi proses prosedur yang terpaksa dilalui oleh peneroka untuk mendapatkan kelulusan daripada FELDA umpamanya, mungkin akan dilambatkan. Adakah pihak Yang Berhormat melalui kementerian nanti akan berusaha supaya kita

dapat menyelaraskan supaya rakyat mendapat manfaat daripada usaha yang sedang dilakukan oleh kerajaan negeri sekarang. Terima kasih.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih. Memang tujuan kita hendak mempercepatkan. Kita tidak mahu menanggungkan. Jadi apabila kriteria-kriteria itu dipenuhi kita bolehlah membuat dengan cepat. Yang sebenarnya pejabat tanah dan bidang kuasa negeri yang bertanggungjawab, kita mengikut sahaja.

Tentang isteri orang Indonesia ataupun *foreign*, orang luar negara. Kes ini terjadi di mana seorang peneroka yang sudah agak berumur, isteri meninggal, anak-anak semua sudah ada keluarga, jadi tidak boleh hendak menumpukan, menjaga bapanya. Jadi, peneroka ini berkahwin dengan orang asing, orang Indonesia. Jadi, apakah orang Indonesia ini akan dimasukkan ke dalam senarai nama itu.

Sebenarnya tidak boleh. *Foreign ownership* ini sebenarnya adalah *foreign ownership* tentang tanah pertanian, tidak boleh diberi *ownership*, tak boleh diberi nama. Jadi, dalam hal ini isteri yang bukan warganegara Malaysia tidak boleh dimasukkan dalam nama kedua dalam pindaan ini.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin penjelasan sedikit mengenai dengan status geran tanah tadi. Kalau peneroka itu dimasukkan nama kedua, saya tanya tadi kalau mungkin terjawab selepas ini saya tak tahulah. Mengenai kalau peneroka itu yang disingkir daripada tanah rancangan, bagaimana pula dengan taraf ataupun kedudukan geran mereka ini tadi. Kerana sebab saya mengatakan yang bersalah itu ialah peneroka itu. Tetapi bagaimana pula isteri ataupun sesiapa yang berhak terhadap tanah itu. Jadi, saya minta penjelasan sedikit.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Memang terjadi di rancangan-rancangan banyak penyingkiran. Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah tadi mengatakan, saya belum jawab yang itu. Walau bagaimanapun saya jawab sekarang bahawa penyingkiran itu atas kesalahan-kesalahan peneroka, kadangkala kesalahan mengenai dadah, atas perintah mahkamah dia telah dihukum penjara. Atau dia disingkir atas nama tinggalkan ladang dari mula masuk sampai berpuluh tahun tidak mengerjakan ladang. Walau bagaimanapun, penyingkiran ini kita teliti. Ada jawatankuasa penyingkirannya, jadi dia akan meneliti atas sebab apa patut peneroka ini disingkir. Jadi, dalam hal ini apabila surat singkir keluar, nasib isteri dan anak-anaknya kita membela sebenarnya. Mereka akan memajukan permohonan sebenarnya, ini biasa terjadi. Dalam segi ini kita telah membantu, kita menyokong permohonannya. Jadi, permohonan untuk duduk di situ dan tukar nama daripada suami kepada isteri. Jadi, bila permohonan atas persetujuan blok - dia duduk dalam blok A, katakan 30 atau 50 orang, semua kena tandatangan bersetuju bahawa isteri peneroka ini ditukar nama kepada lot ini.

Jadi, dengan hak kuasa menteri kita menyokong dan boleh diberi hak milik itu kepada isteri dan terus tukar nama pada registrar of holding. Jadi, itu caranya untuk membela wanita-wanita yang suaminya telah disingkir. Tetapi ada juga kes di mana kesalahan-kesalahan peneroka itu, selepas dia masuk jail dia balik ke rancangan. Tetapi walau bagaimanapun, hak milik itu sudah menjadi nama isterinya. Jadi, dalam peraturan kita kalau tanggungannya, sekarang nama si isteri, tetapi kalau isterinya itu membuat kesalahan dan disingkir juga, kedua-dua akan disingkir. Itu penjelasan bagi pertanyaan tadi.

Yang Berhormat bagi Bagan telah menyatakan apakah ada perbezaan antara pegangan desa dan pemilik tanah. Pegangan desa (rural holding) ini terdiri daripada di bawah Group Settlement Act (GSA) atau Akta Tanah Berkelompok. Jadi, dalam akta ini satu rural holding terdiri daripada perumahan dan perladangan. Perumahan suku ekar, ladangnya 10 ekar. Kalau dahulu di sebelah Utara dan tempat-tempat lain ada lapan campur dua - lapan itu mungkin getah; dua itu kebun; ada rumah. Itu satu rural holding. Jadi, dalam GSA ini satu rural holding tidak boleh dipecahkan, sebab nanti kita boleh fikirkan akan datang pula dia boleh jual rumah dia sahaja, ladang dia tidak dijual, pun ada juga pemikiran begitu. Jadi, dalam Akta GSA tidak boleh dijual atau dipecahkan kedua-duanya. Jadi, satu pegangan desa adalah dalam GSA tetapi pemilikan tanah adalah di bawah Kanun Tanah Negara. Jadi, kedua-dua ini ada berlainan. Boleh penerangan itu ya.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya juga ada membangkitkan berkenaan dengan pindah milik, apabila hendak pindah milik mereka kena bayar setem duti. Adakah ini dikenakan setem duti?

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Ya, kalau di bawah GSA tidak ada setem duti walaupun pindah milik daripada peneroka, kalau peneroka itu meninggal, warisnya ambil alih ataupun daripada anak-anak dan isterinya akan - isteri sudah dimasuk namanya, jadi anak-anaknya boleh melantik seorang daripada anak-anak yang ramai ini untuk memegang kuasa untuk menggantikan peneroka itu.

Jadi, dalam hal ini tidak ada setem duti, hanya pemilikan tanah tukar nama itu yang dikenakan setem duti. Jadi, itu yang saya katakan tadi peneroka dan isteri ada dalam geran, tetapi apabila peneroka itu meninggal anak-anaknya akan ambil seorang daripada yang ramai ini menjadi pemegang kuasa bersama *co-holder* dipanggil. Jadi, dalam erti kata pegangan desa (rural holding) ini berbeza daripada pemilikan tanah.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah mengatakan apakah langkah untuk mengatasi masalah generasi kedua yang tidak berminat mengerjakan tanah rancangan. Langkah-langkah yang diambil adalah melaksanakan kerja kebun secara berkelompok di mana peneroka yang tidak berupaya atau tiada yang menguruskan kebun-kebun diuruskan kebunnya oleh pengurusan FELDA. Itu yang dikatakan kenapa banyak pekerja Indonesia yang mengurus. Banyak kes peneroka yang meninggalkan ladang yang tak boleh menguruskan ladang-ladang mereka, jadi pengurusan FELDA mengambil alih atas kesedaran *social obligation* dan sebagainya. Pengurusan FELDA akan mencari pekerja-pekerja untuk menguruskan ladang, kalau tidak rugi hendak mengambil kelapa sawit banyak kerja, kerana kadangkala peneroka itu sudah berumur dan tidak berdaya, gaji dipotong daripada pendapatan, selebih daripada potongan itu gaji akan diberi kepada peneroka.

Jadi, generasi kedua diberi latihan kemahiran. Ada perumahan, itu adalah rancangan yang kita akan adakan di lima tempat, insya-Allah, untuk generasi kedua. Selain daripada itu kita ada juga kawasan yang berpotensi untuk pembangunan ekonomi diwujudkan seperti kawasan perbandaran. Insya-Allah, kita akan adakan FELDA jaya di mana kita akan adakan satu growth centre untuk peneroka-peneroka dan masyarakat FELDA seterusnya.

Akhir sekali Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sipitang.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen. Isu yang ada sekarang ini ialah untuk memasukkan nama dan juga diberi hak milik kepada pegangan desa ini. Kalau pada masa dahulu soal untuk memiliki tanah FELDA ini bila rancangan mula-mula dibuat langsung tidak timbul. Yang penting pada masa itu orang-orang yang miskin, orang-orang yang tidak ada pendapatan dipindah ke kawasan-kawasan baru untuk mendapat pekerjaan iaitu mengusahakan tanah yang kita panggil tanah FELDA.

Dan pada masa itu soal memiliki tanah ini langsung tidak ditimbulkan kerana keadaan pada masa itu adalah keadaan susah. Dengan adanya tanah FELDA ini, mereka akan ada pendapatan tetap. Dan kalau kita lihat sejarah pun pada hari ini orang-orang yang susah misalnya pendatang daripada negara-negara jiran, daripada Indonesia, daripada Filipina, mereka datang ke Malaysia ini untuk mencari pekerjaan tidak kira apa jenis pekerjaan pun, mereka langsung tidak menghiraukan asalkan ada tempat mencari rezeki, tidak pernah mempersoalkan soal pemilikan tanah dan sebagainya. Ini bererti FELDA telah berjaya sekarang ini, FELDA telah berjaya menaikkan taraf kehidupan peneroka ini sehingga akhirnya mereka sudah ada masa untuk menuntut hak milik tanah ini. Bila mereka susah, tidak ada masa, tidak menghiraukan langsung untuk hak milik ini.

Jadi pada hari ini mereka sudah mempertikaikan, inginkan pemilikan tanah ini. Jadi ertinya kita telah berjaya, Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya memulihkan ekonomi peneroka-peneroka ini sehingga akhirnya mereka inginkan tanah ini. Jadi ini ditunjukkan di kawasan-kawasan FELDA ini iaitu seperti dikatakan tadi, peluang-

peluang pekerjaan kawasan pertumbuhan ekonomi baru dan memang FELDA itu terbukti boleh membasmi kemiskinan.

Saya ingin minta pandangan daripada Setiausaha Parlimen, apakah kerajaan ada rekod kesemua peneroka-peneroka ini secara terperinci dari permulaan sehingga sekarang, oleh kerana ada sistem komputer kita, kita ada rekod. Kita mengikut perkembangan keluarga ataupun peneroka ini. Ada yang bercerai, ada yang sudah berkahwin dan beranak, ada yang telah memindah milik tanah ini. Apakah kita ini ada rekod dan apakah ada cadangan untuk merekodkan semua peneroka ini. Dan apabila sampai masa apabila ada masalah boleh kita rujuk kembali kepada rekod yang ada ini boleh menyelesaikan masalah.

Yang kedua, adakah kerajaan ada sistem dalam pemberian pegangan hak milik ini? Apakah kita beri kepada semua kepada pemilik ini ataupun kita beri secara terpilih ataupun mengikut kelayakan permohonan. Misalnya jikalau orang itu dalam rekod dia, dia tidak mengusahakan tanahnya dalam beberapa masa ataupun meninggalkan kawasan tanah FELDA tersebut, sepatutnya kita sudah mengecam orang ini ataupun mengenal pasti orang ini dan kita keluarkan daripada kawasan FELDA ini dan menempatkan peneroka baru, orang lain yang baru ataupun jika kita ingin membantu keluarga tersebut, kita terus pindah milik sahaja atau tawaran kepada ahli keluarganya ataupun saudara maranya yang dekat untuk mengambil alih pemilikan ataupun mengusahakan tanah tersebut.

Kalau kita ada rekod, semua ini tentu sekali soal siapa yang memiliki tanah tersebut tidak akan timbul. Memang ada satu dua masalah, soal peneroka mati, isterinya tidak dimasukkan rekod, kita tidak tahu mereka berkahwin baru kerana kita tidak ada rekod. Ini yang menimbulkan masalah.

Perkara ketiga ialah dari segi matlamat FELDA ini, apabila kita ingin menyelesaikan kemiskinan. Pada masa ini, FELDA ini ditempatkan di kawasan tertentu, mungkin juga oleh kerana soal adanya atau tidak adanya tanah. Kalau kita lihat negara kita telah berjaya mengeluarkan sebilangan besar penduduk yang miskin ini dengan bantuan FELDA. Kenapakah kita tidak menggunakan sepenuhnya FELDA ini, matlamat asal FELDA ini digunakan sepenuhnya untuk membasmi kemiskinan ini.

Apa yang saya lihat sekarang FELDA bukan lagi sebagai alat pembasmi kemiskinan, tetapi lebih cenderung kepada sistem komersial, memelihara anak-anak syarikatnya, memberikan keselesaan kepada pegawai-pegawainya dan juga mengira terlampau banyak keuntungan daripada perniagaan sawit. Mengapa tidaknya kalau kita lihat semula FELDA ini, untuk membantu rakyat termiskin di Malaysia ini misalnya di negeri Terengganu dan Kelantan yang banyak orang miskin, kerajaan negeri memberi kepada FELDA dan menempatkan semula mereka yang miskin ini mengikut daerah-daerah.

Pada masa ini kawasan-kawasan FELDA tidak tersebar luas, ia di kawasan tertentu sahaja. Misalnya di Sabah, kita buka kawasan yang luas di kawasan Lahad Datu iaitu FELDA Sahabat yang begitu luas. Tetapi orang miskin ini bukan berasal di sekitar Lahad Datu, dia berasal daripada daerah-daerah lain. Ada juga dari daerah Keningau, ada juga daerah di Tenom atau Sipitang. Tetapi di Sipitang, Tenom dan Keningau tidak ada FELDA. Orang miskin ini oleh kerana pertalian keluarga, hubungan keluarga, perangai orang Islam, orang Melayu ini yang begitu sukar untuk berpisah dengan keluarga, oleh kerana bila kita ambil misalnya daripada Tenom, daripada Keningau ataupun Sipitang, ke FELDA Sahabat yang berada lebih kurang 450 kilometer yang begitu jauh yang perjalanan mengambil masa satu hari suntuk, tawaran ini tidak begitu diterima oleh mereka yang miskin ini.

Mereka tidak mahu menyertai FELDA di kawasan yang jauh. Jadi, orang yang menjadi peneroka ini selalunya bukanlah dari golongan yang miskin sangat. Mereka yang ingin berpindah kerana melihat bahawa peluang untuk memiliki tanah dan peluang memperbaiki ekonomi melalui FELDA ini, inilah tarikan.

Jadi apakah cadangan FELDA, misalnya tiap-tiap daerah kalau di Sabah dan Sarawak, tiap-tiap daerah mempunyai pemilikan tanah yang begitu luas, yang besar. Mengapa tidak FELDA mengadakan pusat pembangunan ataupun mengambil tanah di tiap-tiap daerah dan menempatkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan itu panjang sangatlah.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Fasal panjanglah ini, saya hendak minta.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:minta Setiausaha Parlimen menerangkan, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Minta penjelasan, ini hendak tolong Kelantan dengan Terengganu juga dengan daerah-daerah. Apakah tidak dapat di.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, okey ada peraturan mesyuarat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: ditubuhkan di daerah-daerah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada Peraturan Mesyuarat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Okey, boleh!

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sipitang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Oh, peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Pada mesyuarat yang lepas, Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang ada menggunakan perkataan-perkataan 'monyet' untuk merujuk kepada ahli-ahli pembangkang. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua memberi jaminan bahawa apabila wakil bagi Sipitang hadir, isu ini akan dibincangkan dan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehkah Yang Berhormat cuba ingatkan saya bila kejadian itu berlaku?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Perkataannya ialah perkataan 'monyet' dan ini disebutkan pada 25 Jun 2002 dalam Mesyuarat Dewan Rakyat Kesepuluh Penggal Keempat, Mesyuarat Pertama. Terima kasih, Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baik, baik. Yang Berhormat bagi Sipitang, boleh ingat atau tidak lagi tentang hal itu?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Boleh ingatkah lagi tentang hal miskin dua tiga kali itu? Saya pun *fed-up*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu kejadian.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Yang Berhormat bagi Tumpat membangkitkan ini pada sidang yang lalu. Ini sudah lama. Saya ingat tidak timbul perkara itu. *[Beberapa ahli Pembangkang menyampuk]* Tidak timbul perkara itu. Ini saya boleh

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar: Tarik balik.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tidak ada masalah untuk menarik balik tetapi saya minta perangai-perangai Pembangkang juga mestilah berubah supaya lebih baik.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat sanggup tarik balik perkataan yang digunakan itu?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Kalau itu yang diminta, saya tidak ingat kalau saya ada cakap atau tidak, itu masa yang sudah lama, sepatutnya mereka membangkitkan ini membuat bantahan selepas saya bercakap. Ini sudah lama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pada masa itu memang ada dibangkitkan, akan tetapi kita membuat keputusan akan

merujuk kepada rekod. Selepas itu memang Dewan sudah ditangguhkan sehingga hari ini. Jikalau Yang Berhormat ingat ada menggunakan perkataan itu, sanggupkah Yang Berhormat tarik balik?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Ya, kalau saya boleh tarik tetapi janganlah pula lepas ini ada perangai macam monyet lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau ada cakap, tarik balik itulah...

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tarik balik, saya tarik balik tapi saya minta... [*Tepuk*] Tetapi saya minta, janganlah hari yang akan datang ini, ada lagi perangai yang macam monyet. Jadi saya tariklah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Siapa-siapalah. Saya ingin sambung Tuan Yang di-Pertua, soalan saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini sambung soalan atau sambung ucapan?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Ini gangguan, saya minta sambung soalan saya dengan Setiausaha Parlimen. Kita hendak bantu dia, dia tengah kacau, ini langsung tidak ada kaitan dengan ucapan-ucapan pada tajuk ini Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau mereka tidak sanggup terima tidak payah bantulah. Teruskan soalan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Fikir betul dulu.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Jadi saya mintalah. Kalau boleh FELDA ini, kita memang setuju soal pemberian hak milik ini kepada pemilik-pemilik ataupun kawasan-kawasan FELDA ini ataupun apa-apa kawasan yang diberikan oleh kerajaan misalnya FELDA, FELCRA. Kalau di Sabah ada satu agensi yang dipanggil Koperasi Pembangunan Desa. Memang betul ada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir cukuplah itu sudah....

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih tapi saya belum jelaskan lagi, saya minta kalau boleh FELDA mengenal pasti tanah-tanah di setiap daerah dan membangunkan daerah-daerah ini supaya dijadikan kawasan penempatan baru dan orang-orang miskin di daerah tersebut kita pindah ke kawasan FELDA ini kerana FELDA ada banyak duit, ada pembangunan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu bukan soalan Yang Berhormat, itu cadangan....

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Kita mintalah, itu soalan, kita mintalah penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang rekod memang kita ada rekod di tiap-tiap rancangan. Pengurus itu ada rekod tentang suami kahwin kah, anak berapa, sekolah mana, semua ada. Jadi kita memang ada sistem. Yang hilang pun, kadang-kadang suami dok hilang, 10 tahun, kita cari juga mana-mana dia pergi sebelum kita pindahkan nama kepada isterilah.

Lepas itu kekosongan, yang mana lot-lot kosong di mana peneroka-peneroka yang telah disingkir atas kesalahan-kesalahan, lot mereka akan dinamakan lot-lot kosong. Jadi kita tahun 2000 telah menempatkan balik lot-lot kosong ini. Sudah penuhlah balik. Kalau dulu ada tiap negeri ada berapa lot-lot kosong, tapi lot-lot kosong bukan FELDA yang isikan.

Kerajaan negeri masing-masing akan mencadangkan siapa-siapa peneroka baru yang akan masuk kepada lot-lot kosong ini. FELDA ini duduk dalam jawatankuasa

itu. Jadi jangan katakan FELDA yang memilih peneroka baru ini. Semua adalah, ia ada *interview* oleh kerajaan negeri yang memasukkan nama-nama baru ini.

Kemudian, matlamat sistem komersial memang pun FELDA ini memang sekarang ini perladangan komersial. Jadi, kelapa sawit, getah, bagi makluman Yang Berhormat, bukan hanya kelapa sawit dengan getah, kita ada penanaman koko, kopi dan juga tebu. Selain daripada ini, kita ada juga industri hiliran seperti pemeliharaan lembu, kambing, ternakan lain pada masa sekarang ini.

Tentang cadangan Yang Berhormat untuk memberi tanah kepada orang-orang miskin sekitar FELDA, sebenarnya kita sudah tidak ada tanah lagi. Tanah ini adalah hak milik negeri. Jadi yang diperuntukkan untuk FELDA sudah tidak ada lagilah, setakat itu sajalah dan kita pun tidak ambil lagi peneroka baru sejak tahun 1990. Jadi, minta maaf, tanah-tanah untuk diberikan kepada yang lain itu adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kalau ia ada banyak tanah, hendak beri tetapi FELDA memang tidak ada lagi tanah. Jadi saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading. Yang Berhormat kawasan ada rancangan FELDA.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: [*Ketawa*] Dia prihatin, tidak apa.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Rancangan, jiran ada Tuan Yang di-Pertua, jiran tetapi FELCRA ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kawasan saya banyaklah.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: RISDA ada. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kawasan saya banyak rancangan FELDA.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Kulai banyaklah, sana banyaklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara yang baik cakap sikit bolehlah. Cukuplah Yang Berhormat teruskan soalan.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya terus soalan. Saya tertarik kepada Yang Berhormat sahabat saya Sipitang. Cadangannya itu satu cadangan yang molek tetapi apabila saya mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang tidak dapat disediakan oleh FELDA kerana kuasa tanah itu ialah kerajaan negeri. Itu betul kita faham tetapi oleh sebab Sabah ini ataupun Sarawak, dia mempunyai keluasan tanah yang lebih besar daripada di Semenanjung ini. Apa salahnya dalam usaha hendak membantu orang-orang luar bandar supaya mereka dapat hak milik dan dengan itu agak terjamin masa depannya, FELDA mengkaji semula pembukaan tanah di Sabah dan Sarawak yang mengambil kira tentang penduduk-penduduk tempatan yang berada di persekitaran supaya dapat di belalah nasib orang-orang kita yang di luar bandar, yang tidak mempunyai tanah khususnya.

Dengan kemudahan yang ada oleh FELDA, dengan bantuan kewangan dan kepakaran, nasihat khidmat dan cara pengambilan agaknya mungkin diistimewakan sikit. Faktor umur agaknya mungkin tidak akan diambil kira dan beberapa perbezaan dengan cara pengambilan peneroka-peneroka FELDA yang dibuat di Semenanjung. Adakan satu skim yang baru supaya benar-benarlah dapat terbela orang-orang kita yang ada di Sabah dan Sarawak, khususnya penduduk-penduduk di luar bandar yang tidak mempunyai had dan hidup dalam keadaan yang susah. Jadi agaknya FELDA boleh mengkaji semula supaya dapat memberikan bantuan kepada golongan-golongan seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat sahabat saya Sipitang tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih Yang Berhormat. *Insya-Allah* kalau kita memohon dengan Kerajaan Negeri Sabah, kot-kot kalau ada tanah lebih, kita boleh, ini dalam rancanganlah. *Insya-Allah*.

Jadi untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Sebenarnya Tanah Merah, KESEDAR, FELCRA, RISDA itu tidak masuk dalam kementerian saya. Kementerian saya hanya bertanggungjawab kepada FELDA sahaja. Yang itu semua adalah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, KESEDAR,

KETENGAH dan sebagainya. Jadi cara masuk dia pun lain, cara pengendalian, pengurusannya pun lain. FELDA ini lain, KESEDAR, negeri punya pun lain.

Jadi untuk jawapan Yang Berhormat, penjelasan tentang status tanah, tanah dikatakan tidak digazet di bawah GSA. Semua tanah FELDA adalah digazet di bawah GSA sebab pemberian tanah kepada peneroka adalah tertakluk kepada permohonan di bawah GSA. Walaupun tanah digazet di bawah GSA, terdapat peruntukan untuk tanah ini diberi milik oleh pihak berkuasa negeri kepada peneroka selepas peneroka habis bayaran kembali.

Selepas itu Yang Berhormat bagi Tanah Merah juga tidak setuju ada syarikat untuk memulihkan tanah terbiar, rancangan tanah dan mencadangkan supaya tanah-tanah seperti itu dipulangkan kepada pihak negeri, yang tanah-tanah terbiar ini. Sebenarnya tanah-tanah terbiar merupakan tanah-tanah kepunyaan individu dan jika diambil balik untuk dipulangkan kepada negeri ini adalah tindakan rampasan terhadap tanah-tanah ini. Rampasan tanah akan menimbulkan masalah sosial dan wujud ketidakpuasan rakyat dan ini bukanlah jalan terbaik untuk mengatasi masalah tanah terbiar ini.

Akhir sekali.....

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tanah Merah bangun.

Tuan Saupi bin Daud: Saya tertarik kepada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Saya mencadangkan supaya tanah-tanah terbiar ini dipulangkan semula kepada kerajaan negeri dan dalam hak kerajaan negeri, ia memang ada hak kerajaan negeri, mana-mana tanah yang terbiar, yang tidak diusahakan, kerajaan boleh mengambil balik tanah tersebut untuk diberikan kepada orang lain.

Dalam bab ini juga, kalau saya sebutkan di dalam soal FELDA ini kerana kita tahulah tanah yang terbiar ini, kerajaan negeri pun faham di sinilah banyak monyet yang ada ini, monyet inilah yang banyak mengganggu tanaman lain dan sebagainya dan jadi kita mencadangkan supaya benda ini dipulangkan dan bukan tanah FELDA sahaja, kita pernah buat, tanah orang lain, tanah orang-orang awam pun yang tidak diusahakan, yang menyebabkan mengganggu jiran-jirannya kerana tanah tersebut terbiar diambil balik, ada peruntukan yang membolehkan kerajaan mengambil balik tanah berkenaan.

Dan yang kedua, saya ingin membetulkan, saya mengambil tadi contoh bahawa pembukaan KESEDAR ...

Dr. Robia binti Dato' Kosai: KESEDAR bukan daripada

Tuan Saupi bin Daud: Bukan, saya pun faham, saya kata pembukaan tanah ini di bawah agensi pembangunan tanah oleh kerajaan ini berbeza-beza, KESEDAR ini diambil contoh sedikit FELDA kemudian digabungkan dengan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri, dipanggilkan pembukaan tanah ala KESEDAR, tetapi FELDA lain, jadi saya menekankan perkara itu sebagai contoh, bukan hendak, saya contohkan dari segi bagaimana hasrat rakyat itu apabila dia memperolehi tanah, menilai kembali usaha tanah dia itu apabila diperolehi, sebab itulah saya fikirkan, saya cadangkan generasi kedua tadi, saya masuk kepada step generasi kedua tadi.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, jadi, untuk generasi kedua tidak ingin meneruskan menjadi peneroka disebabkan faktor harga, sebenarnya kita memang tidak menghalang penghijrahan anak-anak peneroka keluar daripada rancangan-rancangan. Kalau mereka hendak mendapat pulangan yang lebih di luar, memang kita tidak ada sekatan, dan sebenarnya kita untuk generasi kedua kita macam-macam program kita adakan pendidikan, kemahiran yang pandai itu pergi ke universiti IPTA, tetapi yang ketinggalan sedikit kita berikan kemahiran untuk mereka boleh berdikari. Ada yang segelintir yang hendak duduk di rancangan untuk membantu keluarga-keluarga mereka.

Lagi satu apakah anak syarikat FELDA membuat keuntungan. Anak-anak syarikat FELDA ditubuhkan sebagai aktiviti sokongan untuk memberi perkhidmatan dan mempertingkatkan kecekapan pengurusan pembangunan tanah.

Keuntungan syarikat ini disalurkan faedahnya kepada peneroka seperti pembiayaan asrama FELDA yang menempatkan anak-anak peneroka, pusat latihan kemahiran dan pelbagai lagi.

Dan juga anak-anak syarikat ini peneroka boleh mendapat keuntungan daripada anak-anak syarikat itu melalui KPF, jadi pelaburan peneroka-peneroka mereka ada share dalam KPF dan keuntungan diberi kembali kepada peneroka-peneroka, jadi diberi balik, bukan keuntungan itu sendiri anak-anak syarikat sahaja yang mendapat keuntungan dan banyak pembangunan sosial yang kita berikan kepada peneroka.

Sekian, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih atas pertanyaan, saya harap penjelasan yang diberikan adalah dapat memberi pandangan yang luas tentang FELDA ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN PILIHAN RAYA (PINDAAN) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.52 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 iaitu akta nombor 5 pada asasnya digubal untuk mencegah kesalahan-kesalahan pilihan raya dan perbuatan-perbuatan rasuah serta perbuatan-perbuatan yang menyalahi undang-undang pilihan raya.

lanya meliputi segala bentuk kesalahan yang dilakukan oleh seseorang individu, calon, ejen dan pegawai-pegawai yang mengendalikan pilihan raya berserta hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas mereka.

Di samping itu, akta ini juga memperuntukkan perlantikan ejen pilihan raya, tanggungjawab ejen-ejen tersebut, pengawalan, perbelanjaan pilihan raya dan urusan petisyen pilihan raya. Akta ini telah berkuat kuasa hampir 47 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pindaan-pindaan yang dilakukan pada sesi ini di Dewan yang mulia ini, adalah penting dan meliputi pelbagai aspek, aktiviti,

pemilihan serta operasi pentadbiran yang berkaitan dengan Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya, maka pembentangan huraian ini adalah memakan masa sedikit.

Berdasarkan kepada perkembangan-perkembangan terbaru dalam pilihan raya yang lepas, adalah wajar akta ini dikaji semula bagi memenuhi kehendak politik dan cita rasa pengundi semasa.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah menyeluruh dan melibatkan semua bahagian dalam akta ini.

Tujuan utama pindaan ini dibuat adalah untuk mengemaskinikan undang-undang ini selaras dengan keadaan siasah serta perkembangan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengannya.

Walau bagaimanapun, masalah-masalah yang timbul semasa pilihan raya kecil P. 11 – Pendang dan N.15 – Anak Bukit, Kedah hanya akan diambil kira sebagai dalam pindaan-pindaan baru kepada akta yang sama, yang akan dikemukakan di Dewan ini tidak berapa lama lagi.

Dalam pindaan ini Subseksyen 2(1) Bahagian 1 telah dimasukkan dua takrif baru iaitu 'pegawai pengurus' dan 'tempoh berkempen' bagi tujuan untuk mengemaskan lagi takrifan dan penggunaannya dalam akta ini.

Takrif tempoh kempen dimasukkan bagi menentukan tempoh masa seseorang calon atau ejen pilihan raya boleh berkempen. Perkara ini tidak diterangkan dalam akta yang sedia ada. Walau bagaimanapun takrif tempoh kempen adalah dicadangkan diberi takrif semula melalui pindaan yang akan dibuat di peringkat jawatankuasa kelak.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 3(1) dipinda dengan memasukkan bahawa menghalang seseorang mengundi atau mengundi lebih dari satu tempat mengundi atau bahagian pilihan raya adalah menjadi satu kesalahan dan hukuman ke atasnya dinaikkan dari RM2,000 kepada RM5,000 dan apa-apa ketakbolehannya bermula dari tarikh sabitnya.

Seksyen 4, dipinda dengan menaikkan kadar denda bagi kesalahan yang dilakukan oleh pegawai pilihan raya dari RM2,000 kepada RM5,000. Tujuan pindaan ini adalah untuk memberi ingatan kepada pegawai-pegawai SPR bahawa menjalankan pilihan raya adalah satu tugas yang berat dan dikenakan tanggungjawab yang setimpal serta denda kerana keengganan mematuhi seksyen ini akan mencerminkan betapa seriusnya kesalahan tersebut jika dilakukan.

Sementara itu seksyen 4A) yang baru dicadangkan dimasukkan bagi menetapkan bahawa perbuatan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan yang dilakukan sebelum, semasa atau selepas pilihan raya secara langsung atau secara tidak langsung adalah satu perbuatan yang bertentangan dengan akta ini. Dan, jika sesuatu itu didapati bersalah ianya boleh dilucutkan taraf pendaftarannya dan dilarang mengundi atau dipilih dalam mana-mana pilihan raya bagi tempoh selama 5 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 5(7), dicadangkan digubal semula untuk menaikkan tempoh penjara dari 6 bulan kepada satu tahun dan denda RM500 kepada RM3,000 atau kedua-duanya sekali bagi setiap pegawai kerani, jurubahasa, calon, ejen dan mana-mana orang lain yang gagal memelihara kerahsiaan pilihan raya. Pindaan ini perlu menyedarkan mereka bahawa ketidakpatuhan ke atas seksyen ini adalah dipandang berat oleh semua pihak.

Pindaan juga dicadangkan ke atas seksyen-seksyen 7, 8, 9 dan 10 di bahagian 3 akta nombor 5 ini. Bagi menyatakan secara spesifik perbuatan-perbuatan seperti menyamar, menjamu, pengaruh tidak wajar dan penyogokan dianggap sebagai suatu kesalahan jika dilakukan sebelum, semasa atau selepas pilihan raya diadakan.

Sehubungan dengan itu, pindaan juga dicadangkan ke atas seksyen 11 untuk menambah hukuman penjara dari 12 bulan kepada tempoh tidak melebihi 2 tahun dan denda dikenakan dari RM250 kepada tidak kurang dari RM1,000 tetapi tidak melebihi RM5,000 bagi kesalahan di bawah seksyen ini.

Bagi memudahkan pegawai pilihan raya berhubung dengan calon yang bertindak sebagai ejen pilihan raya dalam apa juga urusan pilihan raya adalah dicadangkan subseksyen 12(6A) dipinda yang mewajibkan calon tersebut

menggunakan alamat surat-menyurat seperti yang terdapat dalam kertas penamaan sebagai alamat pejabat ejen pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini subseksyen 14(1) mewajibkan ejen pilihan raya mengemukakan kepada ketua tempat mengundi senarai ejen-ejen tempat mengundi dan senarai ejen-ejen pengiraan undi serta ejen-ejen pengiraan undi pos sebelum pengundian bermula.

Adalah diperhatikan bahawa peruntukan ini telah menimbulkan banyak masalah kepada ejen calon untuk berbuat demikian disebabkan penarikan diri ejen-ejen tempat mengundi atau tempat mengira undi pada saat-saat akhir dan senarai baru ejen-ejen tidak dapat diserahkan sebelum pengundian bermula.

Bagi perkara ini berlaku ejen-ejen yang datang ke tempat mengundi selepas pengundian bermula telah tidak dibenarkan masuk dan pengundian dijalankan tanpa disaksikan oleh ejen-ejen calon. Ini kerap menimbulkan tohmahan di kalangan calon-calon yang bertanding.

Untuk menghapuskan masalah ini adalah dicadangkan subseksyen 14(1) digubalkan semula dengan memansuhkan peruntukan yang mewajibkan ejen calon berbuat demikian. Dengan pemansuhan ini ejen calon boleh mengemukakan senarai nama ejen-ejen tempat mengundi atau ejen mengira undi pada bila-bila masa pengundian dijalankan.

Sehubungan dengan itu dicadangkan juga subseksyen 14(1)(a) dimasukkan bagi menetapkan tempoh minima selama 2 jam setiap ejen tempat mengundi, ejen mengira undi perlu berada di tempat mengundi pada sesuatu masa. Ini adalah untuk mengelakkan ejen kerap bertukar-tukar yang mengganggu konsentrasi ketua tempat mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 15(a) yang sedia ada di dalam nota bahu tidak dinyatakan tempoh larangan mengenai belanja-belanja tertentu itu boleh dilakukan. Oleh yang demikian, terdapat beberapa parti politik dan pihak perseorangan telah melakukan perbuatan-perbuatan seperti menganjur untuk mengadakan perjumpaan awam, hiburan awam, pertunjukan awam atau mencetak mengeluarkan iklan-iklan, pekeliling, terbitan-terbitan dan lain-lain secara meluas sebelum bermulanya tempoh kempen dan sesudah pilihan raya diadakan.

Untuk menyekat perkara ini berulang lagi nota bahu seksyen 15A dicadangkan dipinda dengan menambah perkataan semasa tempoh berkempen. Berikutan dengan itu saya mencadangkan juga perenggan 15A(i)(a) dipinda bagi memperluaskan lagi skop larangan ke atas aktiviti semasa tempoh berkempen.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini had kadar perbelanjaan pilihan raya bagi seseorang calon yang bertanding kerusi Dewan Rakyat adalah RM50,000 dan perbelanjaan pilihan raya bagi seseorang calon yang bertanding di kerusi di Dewan Undangan Negeri adalah RM30,000.

Memandangkan had kadar perbelanjaan pilihan raya adalah terlalu rendah jika berbanding dengan keadaan ekonomi pada masa ini serta amalan yang sebenarnya berlaku adalah dicadangkan subseksyen 9(1) dipinda dengan menaikkan kadar belanja pilihan raya yang dibenarkan dari RM50,000 kepada RM200,000 bagi calon yang bertanding untuk pilihan raya Dewan Rakyat dan dari RM30,000 kepada RM100,000 bagi calon yang bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN).

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 23 yang sedia ada mewajibkan ejen pilihan raya mengemukakan penyata perbelanjaan pilihan raya kepada pegawai pilihan raya negeri dalam tempoh 30 hari selepas keputusan pilihan raya diwartakan. Dalam hal ini, calon yang bertanding tidak dikenakan tanggungjawab tersebut setelah mengendalikan beberapa pilihan raya SPR mendapati bahawa kerap terdapat ejen pilihan raya gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan.

Implikasi kegagalan ini bukan sahaja ditanggung oleh ejen pilihan raya tetapi juga oleh calon yang tidak akan dibenarkan bertanding semula dalam pilihan raya berikutnya dengan kegagalan tersebut. Untuk itu adalah dicadangkan seksyen 23 dipinda dengan meletakkan tanggungjawab bersama untuk mengemukakan penyata perbelanjaan pilihan raya ke atas calon dan ejen.

Sejajar dengan cadangan ini, adalah dicadangkan juga subseksyen 23(3) dipinda untuk menaikkan penalti daripada RM500 kepada RM1,000 bagi seseorang calon yang gagal mengemukakan penyata perbelanjaan dan gagal mendapat apa-apa kemaafan daripada mahkamah.

Pindaan ini perlu supaya setiap calon yang bertanding termasuk calon bebas sama ada menang atau kalah akan lebih mengambil berat tentang tanggungjawab mereka untuk mengemukakan penyata perbelanjaan pilihan raya dan sedar akan implikasinya jika tidak berbuat demikian.

Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan subseksyen 24(2) dipinda melibatkan kenaikan kadar bayaran untuk mendapatkan salinan cabutan penyata perbelanjaan calon daripada RM2 kepada RM10. Kadar ini selaras dengan kadar semasa dan kadar yang ada dalam undang-undang lain yang mempunyai peruntukan yang sama seperti yang terdapat dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini, semasa pilihan raya kecil diadakan, terdapat pelbagai aktiviti dakyah politik diadakan pada hari penamaan calon. Memandangkan Undang-undang Pilihan Raya yang sedia ada tidak memperuntukkan batasan dakyah politik semasa hari penamaan calon, maka pelbagai dakyah politik telah dilakukan secara berleluasa oleh penyokong-penyokong calon pada hari tersebut.

Perarakan secara besar-besaran oleh penyokong calon yang menggunakan kenderaan dan alat-alat pembesar suara telah banyak mengganggu ketenteraman awam pada hari tersebut. Oleh itu, adalah dicadangkan seksyen baru 24A dimasukkan bagi menetapkan batasan dakyah politik pada hari penamaan calon.

Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 yang sedia ada, tidak menyentuh tentang kebenaran untuk berkempen semasa tempoh berkempen bagi calon yang bertanding. Oleh yang demikian, seksyen 24B yang baru dicadangkan dimasukkan bagi membenarkan seseorang calon atau ejen pilihan raya berkempen semasa tempoh berkempen sahaja. Seksyen ini juga menggariskan perkara-perkara yang boleh dan yang tidak boleh dilakukan semasa tempoh berkempen.

Perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh calon atau ejen ialah menubuhkan pejabat, mengadakan perjumpaan awam terbuka, pertunjukan atau hiburan awam terbuka, ucapan atau syarahan awam terbuka dengan syarat calon perlu mendapatkan permit daripada pihak polis terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 24B yang baru ini juga memberi kebenaran kepada calon atau ejen untuk memapar dan mengedar bahan kempen seperti risalah, *brochure*, panji-panji, bendera, sepanduk, poster, pelekat papan iklan dan lain-lain semasa tempoh berkempen dengan syarat satu permit diperolehi terlebih dahulu dari pegawai pilihan raya negeri dan dengan membayar deposit sejumlah RM10,000 bagi calon yang bertanding untuk Kerusi Dewan Rakyat dan RM5,000 untuk calon yang bertanding bagi Kerusi Dewan Undangan Negeri.

Walau bagaimanapun, amalan ini dicadangkan akan dikurangkan kepada RM5,000 bagi calon yang bertanding Kerusi Dewan Rakyat dan RM3,000 bagi calon bertanding Kerusi Dewan Undangan Negeri. Bahan-bahan ini walau bagaimanapun, tidak boleh ditampal atau dilekatkan dalam jarak 50 meter dari sempadan mana-mana tempat mengundi.

Seksyen 24B yang baru ini juga mencadangkan seseorang calon perlu membersihkan kawasan tempat mereka bertanding dalam masa 14 hari selepas hari mengundi dan jika ia gagal berbuat demikian, deposit akan dilucutkan hak dan kerja-kerja pembersihan akan diambil alih oleh Pejabat Pilihan Raya Negeri dan kos pembersihan diperolehi dari deposit yang dilucutkan hak. Walau bagaimanapun, jika kos pembersihan melebihi daripada jumlah wang deposit, maka perbezaan kos tersebut akan dikenakan kepada calon. Wang berkenaan akan dibayar kepada Kerajaan Persekutuan.

Seseorang calon yang melanggar peruntukan ini dicadangkan dipenjarakan selama tempoh tidak lebih satu tahun atau didenda tidak melebihi RM3,000 atau kedua-duanya sekali. Di samping itu, seseorang yang melanggar kesalahan di bawah seksyen ini boleh dikenakan tangkapan mengikut Kanun Tatacara Jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, SPR telah banyak menerima rungutan daripada pekerja-pekerja terutamanya pihak swasta yang menyatakan pihaknya tidak diberi kebenaran

oleh majikan keluar untuk mengundi. Ini adalah satu kesalahan yang bertentangan dengan hak asasi manusia. Oleh itu, adalah dicadangkan seksyen 25 dipinda dengan menaikkan kadar denda daripada RM500 kepada RM5,000 dan hukuman penjara daripada enam bulan ke satu tahun ke atas majikan yang enggan memberi masa yang munasabah kepada pekerja-pekerjanya mengundi pada hari mengundi.

Di samping itu, dicadangkan juga subseksyen baru 25(6) dimasukkan untuk memberi takrifan "majikan" yang membawa maksud seperti yang terdapat dalam Akta Kerja 1955 iaitu Akta 265. Pindaan-pindaan ini perlu bagi menjaga hak seseorang pekerja itu.

Bagi maksud mewujudkan satu keadaan yang benar-benar tenang dan aman pada hari mengundi dan bagi memastikan pengundi-pengundi dapat bergerak dengan bebas untuk pergi mengundi tanpa perasaan takut, adalah dicadangkan seksyen 26 dipinda untuk memasukkan perbuatan atau kegiatan yang dilarang dilakukan oleh seseorang pada hari mengundi.

Antara kegiatan yang dilarang ialah mengadakan perjumpaan, perhimpunan, syarahan, membekalkan alat-alat muzik atau pembesar suara, menggunakan rumah kediaman atau rumah kedai sebagai pejabat, merayu undi, menyemak nama-nama pemilih, menunggu di luar tempat mengundi dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan larangan ke atas calon untuk mendirikan pejabat atau barung di tempat-tempat mengundi, adalah dicadangkan seksyen 26A baru dimasukkan bagi menggantikan seksyen 26A sedia ada. Seksyen baru ini mewajibkan SPR membuka barung-barung di tempat mengundi bagi maksud membantu pengundi-pengundi menentukan nombor-nombor siri mereka dalam daftar pemilih dan menukar saluran tempat mengundi bagi menggantikan barung-barung yang didirikan oleh calon.

Di samping itu, ejen pilihan raya dibenarkan melantik tidak lebih daripada empat orang yang bertindak sebagai pemerhati barung-barung ini sepanjang pengundian dijalankan. Pemerhati-pemerhati ini dikehendaki berada di tempat itu sekurang-kurangnya selama dua jam sebelum penggantinya dibenarkan masuk. Cadangan pindaan ini juga bertujuan supaya satu suasana yang betul-betul tenang dapat diwujudkan di luar tempat mengundi pada hari pengundian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan tiada sebarang bentuk kempen dilakukan pada hari mengundi, adalah dicadangkan seksyen 26B yang membenarkan calon melantik perayu-perayu undi dibatalkan. Cadangan ini adalah selaras dengan cadangan membatalkan seksyen 26A sedia ada yang memberi kebenaran calon mendirikan barung pada hari mengundi.

Selaras dengan pindaan-pindaan di atas, adalah dicadangkan seksyen 27 juga dipinda dengan menaikkan kadar denda daripada RM500 kepada RM5,000 ke atas seseorang yang melanggar peruntukan seksyen ini.

Seksyen 31, Akta Kesalahan Pilihan Raya yang sedia ada tidak menyatakan tempoh dan kepada siapa keputusan pemilihan seseorang calon itu terbatal perlu disampaikan oleh Mahkamah Sesyen. Untuk memberikan garis panduan yang lebih jelas adalah dicadangkan subseksyen 31(2) dimasukkan yang memperuntukkan pemilihan seseorang calon itu dalam mana-mana pilihan raya akan terbatal atas sabitan apa-apa perbuatan rasuah atau perkara-perkara yang menyalahi Undang-undang Pilihan Raya oleh Mahkamah Sesyen.

Pindaan ini mencadangkan bahawa keputusan itu hendaklah disampaikan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya atau pihak berkuasa negeri dalam tempoh 14 hari dari tarikh itu disabitkan kesalahan oleh mahkamah berkenaan.

Pindaan ini perlu supaya SPR atau pihak berkuasa negeri dapat mengambil tindakan berikutnya. Pindaan ke atas Seksyen 32(a), (b), (c) dan (d) dicadangkan dengan memasukkan perkataan "sahaja" selepas perkataan-perkataan "alasan yang berikut"; memotong perkataan "atau salah laku lain atau hal keadaan lain sama ada serupa dengan yang disenaraikan sebelum ini ataupun tidak".

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bahagian 7 petisyen-petisyen pilihan raya, beberapa pindaan dicadangkan ke atas peruntukan-peruntukan berikut bertujuan untuk mengemaskinikan lagi urusan perbicaraan dan rayuan setiap petisyen pilihan raya. Saya mencadangkan seksyen baru 35A dimasukkan untuk memberi tempoh masa

kepada pihak mahkamah menyelesaikan perbicaraan setiap petisyen dalam tempoh enam bulan dari petisyen itu dikemukakan.

Penetapan tempoh ini perlu untuk mengelakkan perbicaraan ke atas kes petisyen berlarutan yang akan menjejaskan kedudukan wakil rakyat yang dipilih selagi kes petisyen tidak selesai. Di samping itu tempoh khidmat seseorang wakil rakyat adalah hanya lima tahun tetapi tempoh yang benar-benar diperlukan ialah tiga tahun pertama dan keputusan lewat dari pihak mahkamah tidak memberi apa-apa makna lagi kepada wakil rakyat berkenaan selepas tempoh tiga tahun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ketika ini Seksyen 36 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 memperuntukkan bahawa segala keputusan yang dibuat oleh Hakim Besar atau Hakim Pilihan Raya berhubung dengan petisyen tersebut adalah muktamad. Ini bermakna mana-mana pihak tidak boleh mempertikaikan lagi keputusan tersebut atau membawanya dalam bentuk rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi. Saya mencadangkan seksyen ini dipinda dengan memberi tanggungjawab kepada Hakim Pilihan Raya supaya mengemukakan dalam tempoh 14 hari selepas keputusannya diperolehi kepada SPR atau pihak berkuasa tempatan atau Pihak Berkuasa Negeri. Dengan pindaan ini bermakna keputusan Hakim Pilihan Raya berhubung dengan petisyen pilihan raya adalah tidak muktamad dan boleh dirayu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan rayuan dibuat ke atas keputusan Hakim Pilihan Raya kepada Mahkamah Persekutuan, Seksyen-seksyen 36A, 36B dan 36C dicadangkan dimasukkan selepas pindaan ke atas Seksyen 35. Seksyen baru 36A memperuntukkan rayuan boleh dibuat ke atas keputusan Hakim Pilihan Raya kepada Mahkamah Persekutuan. Setiap rayuan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari ke Mahkamah Persekutuan mengikut kaedah-kaedah terpakai bagi rayuan kepada Mahkamah Persekutuan. Pendaftar Mahkamah Persekutuan hendaklah dalam masa 14 hari dari tarikh keputusan Mahkamah Persekutuan mengemukakan perakuan mengenai keputusan itu kepada SPR. Pihak berkuasa tempatan atau Pihak Berkuasa Negeri mengikut mana-mana yang berkenaan. Seksyen baru 36B mencadangkan setiap rayuan hendaklah didengar dan diputuskan dalam tempoh enam bulan dari tarikh rayuan dikemukakan.

Di bawah Seksyen 36C keputusan Hakim Mahkamah Persekutuan adalah muktamad. SPR setelah menerima keputusan Hakim Pilihan Raya atau Mahkamah Persekutuan dalam tempoh 30 hari perlu memberi notis pilihan raya dalam bahagian pilihan raya yang berkenaan serta diperakukan. Pindaan yang dicadangkan ini memberi peluang kepada pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Mahkamah Pilihan Raya membuat rayuan dan sekali gus akan mendapat satu keputusan yang seragam bagi kes-kes petisyen yang membangkitkan isu-isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan pindaan ke atas subseksyen 37(2) bagi memberi peruntukan undang-undang bagi orang yang bukan merupakan pihak dalam satu-satu petisyen pilihan raya yang juga bukan merupakan calon akan hak untuk diwakili oleh peguamnya supaya hak mereka dilindungi semasa memberi keterangan dalam mahkamah. Buat masa ini Seksyen 37 tidak memberi perlindungan tersebut kepada mereka. Adalah diharapkan dengan pindaan ini lebih ramai lagi mereka yang bersedia memberi keterangan dalam mahkamah dalam kes-kes petisyen pilihan raya. Pindaan-pindaan lain ke atas seksyen ini adalah pindaan-pindaan berbangkit hasil dari kemasukan seksyen-seksyen baru 36A, 36B dan 36C.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menghapuskan apa-apa kekeliruan berhubung dengan tatacara dan amalan mengenai sesuatu petisyen pilihan raya seperti apa-apa *lacuna* dalam Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954, maka saya mencadangkan Seksyen 42(1) dan 42(2) dipinda untuk memperuntukkan bahawa dalam keadaan sedemikian maka Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dipakai.

Saya beralih kepada cadangan pindaan ke atas Jadual Pertama Akta nombor 5. Pindaan yang dicadangkan melibatkan pindaan ke atas Borang A iaitu Borang Sumpah Kerahsiaan yang wajib disempurnakan oleh setiap pegawai, kerani, jurubahasa, calon, ejen dan mana-mana orang yang dibenarkan hadir dalam urusan pilihan raya selepas mengangkat sumpah memelihara kerahsiaan dalam pilihan raya. Memandangkan terdapat beberapa kesulitan bagi calon dan ejen untuk menandatangani borang ini di hadapan Majistret maka dicadangkan hanya Pengerusi atau Ahli-ahli SPR, Setiausaha SPR, Pegawai Pilihan Raya Negeri dan pegawai yang

hak sahaja diberi kuasa untuk menyaksikan tandatangan ke atas borang ini. Adalah diharapkan pindaan ini akan dapat menyelesaikan masalah terutamanya ejen-ejen pilihan raya untuk mendapat Majistret, Jaksa Pendamai, Pesuruhjaya Sumpah sebagai saksi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Borang B iaitu penyata berkenaan dengan belanja pilihan raya dipinda dengan memasukkan peruntukan calon-calon yang bertindak sendiri sebagai ejen pilihan raya juga bertanggungjawab menguruskan penyata perbelanjaan pilihan raya. Adalah dicadangkan Borang E dibatalkan selaras dengan pembatalan Seksyen 26B iaitu mengenai pelantikan perayu undi. Dengan pindaan-pindaan dan pembatalan borang-borang ini akan memudahkan lagi pihak-pihak berkenaan berurusan mengenai pilihan raya dan juga dapat mengurangkan penggunaan borang-borang dalam urusan pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan juga pindaan ke atas Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 dibuat bertujuan memperkemas dan memperkukuhkan lagi prosedur mengemukakan petisyen pilihan raya kepada Mahkamah Pilihan Raya. Antara pindaan besar yang dicadangkan ialah memperluaskan takrif Pendaftar yang merangkumi juga Timbalan Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi iaitu selaras dengan keadaan sebenar di mahkamah.

Saya juga mencadangkan kaedah 9 dipinda supaya petisyen mengemukakan secara bertulis kepada pejabat Pendaftar nama seorang peguam bela dengan alamat lengkapnya atau peguam tersebut supaya memudahkan maklumat dengan petisyen yang disampaikan. Setelah diteliti dicadangkan kaedah-kaedah 10 dan 11 yang memerlukan pempetisyen dan responden memberi nama dan alamat seorang peguam bela di pejabat Pendaftar Mahkamah dibatalkan. Adalah difikirkan peruntukan ini membebaskan pempetisyen. Adalah juga dicadangkan kaedah 12 dipinda untuk menaikkan kadar sekuriti dari RM2 ribu ke RM10 ribu kerana kadar yang sedia ada dianggap terlalu rendah berbanding dengan kos sesuatu kes petisyen pilihan raya pada hari ini. Memandangkan kes petisyen pilihan raya adalah kes yang memerlukan pengamatan dan penelitian yang serius, maka adalah wajar kadar ini dinaikkan. Sehubungan dengan itu seseorang pempetisyen tidak lagi sesuka hati mengemukakan kesnya tanpa merujuk kepada amaun sekuriti yang ditetapkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kaedah 15 memperuntukkan sesuatu notis (*petition*) disampaikan kepada peguam bela yang dilantik oleh pempetisyen. Kaedah ini telah banyak menimbulkan masalah di mana responden itu sendiri tidak menerima notis tersebut.

Bagi mengatasi masalah ini, saya mencadangkan Kaedah 15 digubal semula untuk membolehkan sesuatu notis atau petisyen itu disampaikan kepada diri responden sendiri dalam tempoh 15 hari selepas petisyen itu dikemukakan dan diikuti dengan dua cara penyampaian yang lain iaitu dengan cara pos berdaftar atau dengan cara menunjukkan suatu notis di papan notis Mahkamah Tinggi di negeri yang petisyen itu dikemukakan.

Pindaan Kaedah 15 ini memperuntukkan juga bahawa sesuatu notis petisyen seseorang pempetisyen itu hendaklah disifatkan telah diserahkan walaupun responden enggan menerimanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Kaedah 18 dan 19 juga dipinda untuk membatalkan keperluan bagi hakim pilihan rayaewartakan tarikh-tarikh baru perbicaraan apabila tarikh ditunda. Pindaan ini dicadangkan memandangkan pewartaan tidak perlu lagi kerana tarikh-tarikh perbicaraan sesuatu petisyen pilihan raya telah diketahui umum melalui media dan akhbar. Tambahan pula, urusan pewartaan melibatkan faktor kos dan masa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, adalah dicadangkan Kaedah 20 Jadual Ke 2 dipinda untuk diperuntukkan perbicaraan kes petisyen yang separuh dibicarakan disambung dan ditamatkan oleh seorang hakim yang lain tanpa perlu ulang bicara. Pindaan ini bertujuan menjimatkan masa menyelesaikan kes-kes petisyen pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Marang.

5.27 ptg.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, bagi membahaskan Rang undang-undang Akta Kesalahan Pilihan Raya, mestilah menjurus ke arah menyuburkan amalan demokrasi berparlimen, di mana rakyat diberi hak yang sewajar untuk menjadi hakim bagi menghukum parti-parti yang memerintah. Tetapi dilihat kepada perubahan-perubahan yang berlaku lebih menjurus kepada melindungi kesalahan-kesalahan... *[Tepuk]* Yang dilakukan oleh parti yang memerintah yang akan mencemarkan amalan demokrasi berparlimen. Bermakna negara kita telah mewujudkan satu jenis baru demokrasi dan satu jenis baru cara pilihan raya.

Kalau kita melihat selama ini dalam dunia ada beberapa cara pilihan raya. Pilihan raya yang bebas yang dilakukan di negara-negara bebas yang mengamalkan demokrasi, di mana rakyat diberi peluang untuk memilih parti yang memerintah secara adil. Apabila parti yang memerintah melakukan kesilapan dan kesalahan ataupun berlakunya kelemahan, maka rakyat akan menolak parti itu dan memilih kerajaan baru, seperti yang berlaku di England, Amerika, di Perancis, di Jerman, di India, di Jepun, termasuk di Papua New Guinea, negara Orang Asli. Kalau kita bertindak lebih teruk daripada negara Orang Asli, ini sangat memalukan kita, dan di sana ada negara yang juga mengadakan demokrasi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung besok?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

